



KERAJAAN MALAYSIA

Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia
(Malaysian Public Sector Accounting Standards)

MPSAS 33

Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam
Malaysia (MPSAS) Asas Akruan

November 2015

**MPSAS 33 - PEMAKAIAN KALI PERTAMA PIAWAIAN
PERAKAUNAN SEKTOR AWAM MALAYSIA (MPSAS)
ASAS AKRUAN**

Pengiktirafan

Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) 33 adalah berasaskan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa (*International Public Sector Accounting Standards, IPSAS*) 33, *First-time Adoption of Accrual Basis International Public Sector Accounting Standards (IPSASs)* Lembaga Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa, diterbitkan oleh Persekutuan Akauntan Antarabangsa (*International Federation of Accountants, IFAC*) pada Januari 2015 dan digunakan dengan kebenaran IFAC.

International Public Sector Accounting Standards (IPSAS) 33, First-time Adoption of Accrual Basis International Public Sector Accounting Standards (IPSASs) © Januari 2015 terbitan Persekutuan Akauntan Antarabangsa.

Disediakan oleh:

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

No. 1, Persiaran Perdana

Kompleks Kementerian Kewangan

Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62594 Putrajaya

Tel : 03-88821000

Faks : 03-88821765

Web : <http://www.anm.gov.my>

**MPSAS 33 – PEMAKAIAN KALI PERTAMA PIAWAIAN
PERAKAUNAN SEKTOR AWAM MALAYSIA (MPSAS)
ASAS AKRUAN**

KANDUNGAN

	Perenggan
Objektif.....	1
Skop.....	2–8
Takrif.....	9–14
Tarikh Pemakaian MPSAS.....	10
Penyata Kewangan MPSAS Pertama.....	11
Asas Perakaunan Sebelumnya	12
Penyata Kewangan MPSAS Peralihan.....	13–14
Pengiktirafan dan Pengukuran.....	15–22
Dasar Perakaunan.....	15
Pengecualian kepada Aplikasi Retrospektif MPSAS.....	16–22
Pembentangan Saksama dan Pematuhan kepada MPSAS.....	23–26
Pengecualian yang Menjejaskan Pembentangan Saksama dan Pematuhan kepada MPSAS Asas Akruan Semasa Tempoh Peralihan.....	33–62
Tempoh Pelepasan Peralihan Tiga Tahun untuk Pengiktirafan dan/atau Pengukuran Aset dan/atau Liabiliti.....	36–62
Pengecualian yang Tidak Menjejaskan Pembentangan Saksama dan Pematuhan kepada MPSAS Asas Akruan Semasa Tempoh Pemakaian.....	63–134
Menggunakan Kos Anggaran untuk Mengukur Aset dan/atau Liabiliti.....	64–70
Menggunakan Kos Anggaran untuk Mengukur Aset yang Diperoleh Melalui Urus Niaga Bukan Pertukaran.....	71
Menggunakan Kos Anggaran untuk Pelaburan dalam Entiti Dikawal, Usaha Sama dan Entiti Bersekutu (MPSAS 34).....	72–73
Tarikh Kos Anggaran boleh Ditentukan.....	74–76
MPSAS 1, Pembentangan Penyata Kewangan.....	77–84
MPSAS 4, Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing.....	85–87
MPSAS 5, Kos Pinjaman.....	88–90
IPSAS 10, Pelaporan Kewangan dalam Ekonomi Hiperinflasi.....	91–94
MPSAS 13, Pajakan.....	95–96
IPSAS 18, Pelaporan Segmen.....	97

MPSAS 33 – Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS)

Asas Akruan

MPSAS 21, Penjejasan Nilai Aset Tidak Menjana Tunai.....	98–100
MPSAS 25, Manfaat Pekerja.....	101–107
MPSAS 26, Penjejasan Nilai Aset Menjana Tunai.....	108–110
MPSAS 28, Instrumen Kewangan: Pembentangan.....	111–112
MPSAS 29, Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran.....	113–122
MPSAS 30, Instrumen Kewangan: Pendedahan.....	123–124
MPSAS 31, Aset Tak Ketara.....	125–126
MPSAS 32, Pengaturan Konsesi Perkhidmatan.....	127–128
MPSAS 34, Penyata Kewangan Berasingan, MPSAS 35, Penyata Kewangan Disatukan dan MPSAS 36, Pelaburan dalam Entiti Bersekutu dan Usaha Sama.....	129–130
MPSAS 35, Penyata Kewangan Disatukan.....	131
MPSAS 37, Pengaturan Bersama.....	132–134
Pendedahan.....	135–152
Penjelasan tentang Peralihan kepada MPSAS.....	141
Penyesuaian.....	142–147
Pendedahan apabila Kos Anggaran Digunakan untuk Inventori, Hartanah Pelaburan, Hartanah, Loji dan Peralatan, Aset Tak Ketara, Instrumen Kewangan atau Aset Konsesi Perkhidmatan.....	148
Pendedahan Apabila Kos Anggaran Digunakan untuk Pelaburan dalam Entiti Dikawal, Usaha Sama atau Entiti Bersekutu.....	149–150
Pengecualian daripada Keperluan Pendedahan dalam MPSAS Semasa Tempoh Peralihan.....	151–152
Peruntukan Peralihan.....	153
Tarikh Kuat Kuasa.....	154
Lampiran A	
Panduan Pelaksanaan	

**MPSAS 33 – Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS)
Asas Akruan**

Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia 33, *Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan* dinyatakan dalam perenggan 1–154. Semua perenggan mempunyai kuasa yang setara. MPSAS 33 hendaklah dibaca mengikut konteks objektifnya dan *Prakata kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia*. MPSAS 3, *Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan*, menyediakan asas untuk memilih dan menggunakan dasar perakaunan apabila tiada panduan yang jelas.

Objektif

1. Objektif Piawaian ini adalah untuk memberikan panduan kepada penerima pakai kali pertama yang menyediakan dan membentangkan penyata kewangan selepas pemakaian MPSAS asas akruan, bagi membentangkan maklumat berkualiti tinggi:
 - (a) Yang menyediakan pelaporan yang telus mengenai peralihan penerima pakai kali pertama kepada MPSAS asas akruan;
 - (b) Yang menyediakan titik permulaan yang sesuai untuk perakaunan mengikut MPSAS asas akruan tanpa mengira asas perakaunan yang digunakan oleh penerima pakai kali pertama sebelum tarikh pemakaian; dan
 - (c) Jika manfaat adalah dijangka melebihi kos.

Skop

2. **Entiti hendaklah mengguna pakai MPSAS ini semasa menyediakan dan membentangkan penyata kewangan tahunannya ketika pemakaian, dan semasa peralihan kepada MPSAS asas akruan.**
3. MPSAS ini terpakai apabila entiti pertama kali memakai MPSAS asas akruan dan semasa tempoh peralihan yang dibenarkan dalam MPSAS ini. MPSAS ini tidak terpakai apabila, contohnya, penerima pakai kali pertama:
 - (a) Berhenti membentangkan penyata kewangan mengikut keperluan yang telah ditetapkan, setelah membentangkan penyata kewangan sebelum ini berserta dengan set penyata kewangan lain yang mengandungi pernyataan pematuhan kepada MPSAS asas akruan yang eksplisit dan tidak tersirat;
 - (b) Membentangkan penyata kewangan dalam tempoh pelaporan sebelumnya mengikut keperluan yang ditetapkan dan penyata kewangan tersebut mengandungi pernyataan pematuhan kepada MPSAS asas akruan yang eksplisit dan tidak tersirat; atau
 - (c) Membentangkan penyata kewangan dalam tempoh pelaporan sebelumnya yang mengandungi pernyataan pematuhan kepada MPSAS asas akruan yang eksplisit dan tidak tersirat, walaupun juruaudit mengubah suai laporan audit mereka ke atas penyata kewangan tersebut.
4. Piawaian ini hendaklah digunakan dari tarikh penerima pakai kali pertama mengguna pakai MPSAS asas akruan dan semasa tempoh peralihan. Piawaian ini membenarkan penerima pakai kali pertama untuk mengguna pakai pengecualian dan peruntukan peralihan yang boleh memberikan impak kepada pembentangan saksama. Jika pengecualian dan peruntukan peralihan ini digunakan, penerima pakai kali pertama dikehendaki untuk mendedahkan maklumat mengenai

MPSAS 33 – Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan

pengecualian dan peruntukan peralihan yang diterima pakai, serta kemajuan ke arah pembentangan saksama dan pematuhan kepada MPSAS asas akruan.

5. Pada akhir tempoh peralihan, penerima pakai kali pertama hendaklah mematuhi keperluan pengiktirafan, pengukuran, pembentangan dan pendedahan dalam MPSAS asas akruan yang lain untuk menegaskan pematuhan kepada MPSAS asas akruan seperti yang dikehendaki dalam MPSAS 1, *Pembentangan Penyata Kewangan*.
6. MPSAS ini tidak terpakai kepada perubahan dasar perakaunan yang dibuat oleh entiti yang telah mengguna pakai MPSAS. Perubahan sedemikian adalah tertakluk kepada:
 - (a) Keperluan perubahan dasar perakaunan dalam MPSAS 3, *Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan*; dan
 - (b) Keperluan peralihan khusus dalam MPSAS lain. Peruntukan peralihan dalam MPSAS lain hanya terpakai kepada perubahan dasar perakaunan yang dibuat oleh entiti yang telah mengguna pakai MPSAS asas akruan; peruntukan peralihan tersebut tidak terpakai kepada peralihan kepada MPSAS bagi penerima pakai kali pertama, kecuali seperti yang dinyatakan dalam MPSAS ini.
7. **Piawaian ini terpakai kepada semua entiti sektor awam selain daripada Perusahaan Perniagaan Kerajaan.**
8. *Prakata kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia* yang diterbitkan oleh Jabatan Akauntan Negara menjelaskan bahawa Perusahaan Perniagaan Kerajaan (*Government Business Enterprises, GBE*) mengguna pakai piawaian perakaunan diluluskan yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (*Malaysian Accounting Standards Board, MASB*). GBE ditakrifkan dalam MPSAS 1, *Pembentangan Penyata Kewangan*.

Takrif

9. **Istilah berikut digunakan dalam Piawaian ini dengan maksud yang ditentukan:**

Tarikh pemakaian MPSAS ialah tarikh entiti menerima pakai MPSAS asas akruan untuk kali pertama, dan merupakan permulaan tempoh pelaporan bagi penerima pakai kali pertama menerima pakai MPSAS asas akruan serta entiti membentangkan penyata kewangan MPSAS peralihan pertamanya atau penyata kewangan MPSAS pertamanya.

Kos anggapan ialah amaun yang digunakan sebagai pengganti untuk kos pemerolehan atau kos disusut nilai pada tarikh tertentu.

Penyata kewangan MPSAS pertama ialah penyata kewangan tahunan pertama yang entiti mematuhi MPSAS asas akruan dan boleh membuat pernyataan pematuhan kepada MPSAS tersebut yang eksplisit dan tidak tersirat kerana entiti mengguna pakai satu atau lebih pengecualian peralihan dalam MPSAS ini yang tidak menjejaskan pembentangan saksama penyata kewangan tersebut dan keupayaan entiti untuk menegaskan pematuhan kepada MPSAS asas akruan.

Penerima pakai kali pertama ialah sebuah entiti yang menerima MPSAS asas akruan buat kali pertama dan membentangkan penyata kewangan MPSAS peralihan pertamanya atau penyata kewangan MPSAS pertamanya.

Penyata kedudukan kewangan pembukaan ialah penyata kedudukan kewangan penerima pakai kali pertama pada tarikh pemakaian MPSAS.

Tempoh peralihan ialah tempoh bagi penerima pakai kali pertama mengguna pakai satu atau lebih pengecualian dalam MPSAS ini sebelum penerima pakai kali pertama mematuhi MPSAS asas akruan, dan sebelum penerima pakai kali pertama dapat membuat pernyataan yang eksplisit dan tidak tersirat mengenai pematuhan kepada MPSAS.

Asas perakaunan sebelumnya ialah asas perakaunan yang digunakan oleh penerima pakai kali pertama sejurus sebelum pemakaian MPSAS asas akruan.

Penyata kewangan MPSAS peralihan ialah penyata kewangan yang disediakan mengikut MPSAS ini apabila penerima pakai kali pertama tidak boleh membuat pernyataan pematuhan kepada MPSAS lain yang eksplisit dan tidak tersirat kerana penerima pakai kali pertama mengguna pakai satu atau lebih pengecualian peralihan dalam MPSAS ini yang menjejaskan pembentangan saksama penyata kewangan dan keupayaannya untuk menegaskan pematuhan kepada MPSAS asas akruan.

Istilah yang ditakrifkan dalam MPSAS lain digunakan dalam Piawaian ini dengan maksud yang sama seperti dalam Piawaian berkenaan, dan diterbitkan semula dalam *Glosari Istilah yang Ditakrifkan* yang diterbitkan secara berasingan.

Tarikh Pemakaian MPSAS

10. Tarikh pemakaian MPSAS ialah tarikh sebuah entiti menerima pakai MPSAS asas akruan buat kali pertama. Tarikh ini merupakan permulaan bagi tempoh pelaporan yang penerima pakai kali pertama menerima pakai MPSAS asas akruan dan membentangkan penyata kewangan MPSAS peralihan pertamanya atau penyata kewangan MPSAS pertamanya. Jika penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian dalam MPSAS ini yang menjejaskan pembentangan saksama dan pematuhan kepada MPSAS asas akruan (lihat perenggan 36–62) dalam mengeluarkan penyata kewangan MPSAS peralihan pertamanya, penerima pakai kali pertama hanya boleh membuat pernyataan pematuhan kepada MPSAS asas akruan yang eksplisit dan tidak tersirat apabila pengecualian yang memberikan pelepasan tersebut telah tamat tempoh, dan/atau apabila item yang relevan diiktiraf, diukur dan/atau maklumat yang relevan

MPSAS 33 – Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan

dibentangkan dan/atau didedahkan dalam penyata kewangan mengikut MPSAS yang berkenaan (yang mana lebih awal). Penyata kewangan tidak boleh dinyatakan sebagai mematuhi MPSAS melainkan penyata kewangan tersebut mematuhi semua keperluan MPSAS yang berkenaan.

Penyata Kewangan MPSAS Pertama

11. Penyata kewangan MPSAS pertama sebuah entiti adalah penyata kewangan tahunan pertama bagi penerima pakai kali pertama boleh membuat pernyataan pematuhan kepada MPSAS asas akruan yang eksplisit dan tidak tersirat dalam penyata kewangan tersebut. Jika penerima pakai kali pertama tidak mengguna pakai pengecualian dalam MPSAS ini yang menjejaskan pembentangan saksama dan pematuhan kepada MPSAS asas akruan (lihat perenggan 36–62), penyata kewangan pertamanya selepas menerima pakai MPSAS asas akruan juga akan menjadi penyata kewangan MPSAS pertamanya.

Asas Perakaunan Sebelumnya

12. Asas perakaunan sebelumnya ialah asas perakaunan yang digunakan oleh penerima pakai kali pertama sejurus sebelum menerima pakai MPSAS asas akruan. Ini mungkin merupakan asas perakaunan tunai, asas perakaunan akruan, versi yang diubah suai sama ada asas perakaunan tunai atau asas perakaunan akruan, atau asas lain yang ditetapkan.

Penyata Kewangan MPSAS Peralihan

13. Penyata kewangan MPSAS peralihan sebuah entiti adalah penyata kewangan tahunan bagi sebuah entiti yang beralih kepada MPSAS asas akruan dan mengguna pakai pengecualian tertentu dalam MPSAS ini yang menjejaskan pembentangan saksama penyata kewangan tersebut serta keupayaannya untuk menegaskan pematuhan kepada MPSAS asas akruan. Jika penerima pakai kali pertama mengguna pakai pengecualian dalam MPSAS ini yang menjejaskan pembentangan saksama dan pematuhan kepada MPSAS asas akruan (lihat perenggan 36–62), penerima pakai kali pertama tidak akan boleh membuat pernyataan pematuhan kepada MPSAS asas akruan yang eksplisit dan tidak tersirat sehingga pengecualian tersebut yang memberikan pelepasan dalam MPSAS ini telah tamat tempoh dan/atau apabila item yang relevan diiktiraf, diukur dan/atau maklumat yang relevan telah dibentangkan dan/atau didedahkan mengikut MPSAS yang berkenaan (yang mana lebih awal). Penyata kewangan tidak boleh dinyatakan sebagai mematuhi MPSAS melainkan penyata kewangan tersebut mematuhi semua keperluan MPSAS yang berkenaan.
14. Penyata kewangan MPSAS peralihan sebuah entiti adalah penyata kewangan bagi entiti yang beralih daripada asas perakaunan lain seperti apabila entiti:
 - (a) Menyediakan penyata kewangan sebelumnya yang terkini menurut MPSAS, *Pelaporan Kewangan Di Bawah Perakaunan Asas Tunai*;
 - (b) Membentangkan penyata kewangan sebelumnya yang terkini:

MPSAS 33 – Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan

- (i) Menurut keperluan ditetapkan yang tidak konsisten dengan MPSAS dalam semua aspek;
 - (ii) Selaras dengan MPSAS dalam semua aspek, kecuali bagi penyata kewangan yang tidak mengandungi pernyataan yang eksplisit dan tidak tersirat bahawa entiti mematuhi MPSAS;
 - (iii) Mengandungi pernyataan eksplisit berkenaan pematuhan dengan beberapa, tetapi bukan semua, MPSAS, termasuk penggunaan pengecualian yang diperuntukkan dalam MPSAS ini yang menjejaskan pembentangan saksama dan pematuhan kepada MPSAS asas akruan (lihat perenggan 36–62);
 - (iv) Menurut keperluan ditetapkan yang tidak konsisten dengan MPSAS, menggunakan beberapa MPSAS secara individu untuk memperakaunkan item yang tidak mempunyai keperluan yang ditetapkan; atau
 - (v) Menurut keperluan ditetapkan, dengan penyesuaian beberapa amaun kepada amaun yang ditentukan mengikut MPSAS;
- (c) Menyediakan penyata kewangan menurut MPSAS untuk kegunaan dalaman sahaja, tanpa menyediakan penyata kewangan kepada pengguna luar;
 - (d) Menyediakan pakej pelaporan mengikut MPSAS untuk tujuan penyatuan tanpa menyediakan penyata kewangan lengkap seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 1; atau
 - (e) Tidak membentangkan penyata kewangan untuk tempoh sebelumnya.

Pengiktirafan dan Pengukuran

Penyata Kedudukan Kewangan Pembukaan pada Pemakaian MPSAS

- 15. **Penerima pakai kali pertama hendaklah menyediakan dan membentangkan penyata kedudukan kewangan pembukaan pada tarikh pemakaian MPSAS. Ini merupakan titik permulaan untuk perakaunannya menurut MPSAS asas akruan.**

Dasar Perakaunan

- 16. **Pada tarikh pemakaian MPSAS asas akruan, penerima pakai kali pertama hendaklah menggunakan keperluan MPSAS secara retrospektif kecuali jika dikehendaki, atau dibenarkan sebaliknya dalam MPSAS ini.**
- 17. **Penerima pakai kali pertama hendaklah menggunakan dasar perakaunan yang sama dalam penyata kedudukan kewangan pembukaannya dan sepanjang semua tempoh pembentangan, kecuali seperti yang dinyatakan dalam perenggan 36–134. Dasar perakaunan hendaklah mematuhi setiap MPSAS yang berkuat kuasa pada tarikh pemakaian MPSAS, kecuali seperti yang dinyatakan dalam perenggan 36–134.**

**MPSAS 33 – Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS)
Asas Akruan**

18. Penerima pakai kali pertama yang memanfaatkan pengecualian dalam perenggan 36–134 akan dikehendaki meminda dasar perakaunannya selepas pengecualian yang memberikan pelepasan telah tamat tempoh dan/atau apabila item yang relevan diiktiraf, diukur dan/atau maklumat yang relevan dibentangkan dan/atau didedahkan dalam penyata kewangan mengikut MPSAS yang berkenaan (yang mana lebih awal).
19. Penerima pakai kali pertama hendaklah menggunakan versi MPSAS asas akruan yang berkuat kuasa pada tarikh pemakaian MPSAS. Penerima pakai kali pertama boleh menggunakan pakai MPSAS baharu yang belum lagi diwajibkan jika MPSAS tersebut membenarkan penggunaan awal. Mana-mana MPSAS baharu yang berkuat kuasa semasa tempoh peralihan hendaklah digunakan oleh penerima pakai kali pertama dari tarikh MPSAS baharu itu berkuat kuasa.
20. Melainkan seperti yang diterangkan dalam perenggan 36–134, penerima pakai kali pertama hendaklah, dalam penyata kedudukan kewangan pembukaannya:
 - (a) Mengiktiraf semua aset dan liabiliti yang pengiktirafannya dikehendaki oleh MPSAS;
 - (b) Tidak mengiktiraf item sebagai aset atau liabiliti jika MPSAS tidak membenarkan pengiktirafan tersebut;
 - (c) Mengklasifikasikan semula item yang diiktiraf menurut asas perakaunan sebelumnya sebagai satu jenis aset, liabiliti atau komponen aset bersih/ekuiti, tetapi merupakan jenis aset, liabiliti atau komponen aset bersih/ekuiti yang berbeza menurut MPSAS; dan
 - (d) Menggunakan pakai MPSAS dalam mengukur semua aset dan liabiliti yang diiktiraf.
21. Dasar perakaunan yang digunakan oleh penerima pakai kali pertama dalam penyata kewangan mungkin berbeza daripada dasar yang digunakan pada akhir tempoh perbandingan di bawah asas perakaunan sebelumnya. Pelarasan yang terhasil adalah timbul daripada urusan niaga, peristiwa atau syarat lain sebelum tarikh pemakaian MPSAS. Oleh itu, penerima pakai kali pertama hendaklah mengiktiraf pelarasan tersebut terhadap baki awal lebih atau kurang terkumpul dalam tempoh item tersebut diiktiraf dan/atau diukur (atau, jika bersesuaian, kategori aset bersih/ekuiti yang lain). Penerima pakai kali pertama hendaklah mengiktiraf pelarasan ini dalam tempoh pembentangan yang terawal.
22. Pengecualian dan peruntukan peralihan dalam MPSAS lain terpakai kepada perubahan dasar perakaunan yang dibuat oleh entiti yang telah menggunakan pakai MPSAS asas akruan. Pengecualian dan peruntukan peralihan dalam MPSAS ini terpakai kepada penerima pakai kali pertama yang menyediakan dan membentangkan penyata kewangan tahunannya ketika pemakaian, dan semasa peralihan kepada MPSAS asas akruan.

Pengecualian kepada Aplikasi Retrospektif MPSAS

23. **Anggaran oleh penerima pakai kali pertama menurut MPSAS pada tarikh pemakaian MPSAS, hendaklah konsisten dengan anggaran yang dibuat menurut asas perakaunan sebelumnya (selepas pelarasan untuk menggambarkan apa-apa perbezaan dalam dasar perakaunan), melainkan terdapat bukti yang objektif bahawa anggaran tersebut tidak konsisten dengan keperluan dalam MPSAS.**
24. MPSAS ini melarang aplikasi retrospektif bagi beberapa aspek MPSAS asas akruan. Penerima pakai kali pertama mungkin menerima maklumat selepas tarikh pemakaian MPSAS tentang anggaran yang telah dibuat di bawah asas perakaunan sebelumnya. Menurut perenggan 23, penerima pakai kali pertama hendaklah mengolah penerimaan maklumat tersebut dengan cara yang sama seperti peristiwa tak perlu pelarasan selepas tempoh pelaporan mengikut MPSAS 14, *Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan*.
25. Penerima pakai kali pertama mungkin perlu membuat anggaran menurut MPSAS pada tarikh pemakaian MPSAS atau semasa tempoh peralihan yang tidak diperlukan pada tarikh tersebut di bawah asas perakaunan sebelumnya. Untuk mencapai ketekalan dengan MPSAS 14, anggaran tersebut menurut MPSAS hendaklah menggambarkan keadaan yang wujud pada tarikh pemakaian MPSAS atau pada tarikh semasa tempoh peralihan tersebut. Khususnya, anggaran yang ditentukan pada tarikh pemakaian MPSAS atau semasa tempoh peralihan bagi harga pasaran, kadar faedah atau kadar tukaran asing hendaklah menggambarkan keadaan pasaran pada tarikh tersebut. Bagi aset bukan kewangan, seperti hartanah, loji dan peralatan, anggaran usia guna aset, nilai sisa atau keadaan yang menggambarkan jangkaan dan pertimbangan pengurusan pada tarikh pemakaian MPSAS atau tarikh semasa tempoh peralihan.
26. Perenggan 23–25 terpakai kepada penyata kedudukan kewangan pembukaan. Perenggan ini juga terpakai kepada tempoh perbandingan apabila entiti memilih untuk membentangkan maklumat perbandingan mengikut perenggan 78, yang dalam hal ini rujukan kepada tarikh pemakaian MPSAS digantikan dengan rujukan kepada akhir tempoh perbandingan tersebut.

Pembentangan Saksama dan Pematuhan kepada MPSAS

27. **Penyata kewangan MPSAS pertama penerima pakai kali pertama hendaklah membentangkan secara saksama kedudukan kewangan, prestasi kewangan dan aliran tunai entiti. Pembentangan saksama menghendaki gambaran sebenar mengenai kesan daripada urus niaga, peristiwa lain dan keadaan menurut takrif serta kriteria pengiktirafan untuk aset, liabiliti, hasil dan belanja yang ditetapkan dalam MPSAS. Jika penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian dalam perenggan 36–62, pengecualian ini akan menjejaskan pembentangan saksama penyata kewangan dan keupayaan penerima pakai kali pertama untuk menegaskan pematuhan MPSAS asas akruan, sehingga pengecualian yang memberikan pelepasan telah tamat tempoh dan/atau apabila item yang relevan diiktiraf dan/atau diukur mengikut MPSAS yang berkenaan (yang mana lebih awal).**

28. **Penerima pakai kali pertama boleh mengaku pematuhan penuh kepada MPSAS hanya apabila penerima pakai kali pertama telah mematuhi semua keperluan MPSAS berkenaan yang berkuat kuasa pada tarikh tersebut, tertakluk kepada perenggan 11. Jika penerima pakai kali pertama mengguna pakai satu atau lebih pengecualian dalam perenggan 36–62, pembentangan saksama penyata kewangan dan keupayaannya untuk menegaskan pematuhan kepada MPSAS asas akruan akan terjejas. Penyata kewangan entiti yang mematuhi MPSAS hendaklah membuat pernyataan yang eksplisit dan tidak tersirat terhadap pematuhan tersebut dalam nota. Penyata kewangan tidak boleh dinyatakan sebagai mematuhi MPSAS melainkan penyata kewangan tersebut mematuhi semua keperluan MPSAS dan boleh layak sebagai penyata kewangan yang patuh MPSAS asas akruan.**
29. Menurut perenggan 29 MPSAS 1 pembentangan saksama akan dicapai dalam hampir semua keadaan dengan mematuhi MPSAS berkenaan. Bagi penerima pakai kali pertama mengaku pematuhan penuh kepada MPSAS, semua keperluan MPSAS berkenaan perlu dipatuhi untuk memastikan bahawa maklumat dibentangkan dengan cara yang memenuhi ciri-ciri kualitatif, tertakluk kepada perenggan 11.
30. Pengecualian dalam perenggan 36–62 memberikan pelepasan daripada keperluan pengiktirafan, pengukuran, pembentangan dan/atau pendedahan dalam MPSAS pada tarikh pemakaian MPSAS dan semasa tempoh peralihan. Penerima pakai kali pertama boleh memilih untuk mengguna pakai pengecualian ini, tetapi hendaklah mempertimbangkan bahawa penggunaan pengecualian ini akan menjejaskan pembentangan saksama penyata kewangan dan keupayaannya untuk menegaskan pematuhan kepada MPSAS asas akruan menurut perenggan 27 dan 28 sehingga pengecualian yang memberikan pelepasan tersebut telah tamat tempoh dan/atau apabila item yang relevan diiktiraf, diukur dan/atau maklumat yang relevan dibentangkan dan/atau didedahkan dalam penyata kewangan menurut MPSAS yang berkenaan (yang mana lebih awal). Sebelum menggunakan pengecualian tersebut, penerima pakai kali pertama hendaklah mempertimbangkan semua fakta dan keadaan yang relevan serta kesan berpotensi ke atas penyata kewangannya.
31. **Penerima pakai kali pertama hendaklah menaksir sama ada pengecualian peralihan yang diguna pakai akan menjejaskan pembentangan saksama penyata kewangan tersebut dan keupayaan penerima pakai kali pertama untuk mematuhi MPSAS asas akruan.**
32. Sebagai contoh, penerima pakai kali pertama mengguna pakai tempoh pelepasan peralihan tiga tahun untuk pengiktirafan dan pengukuran bagi denda lalu lintas kerana ketidakcukupan data sedia ada berkenaan nilai denda yang dikeluarkan, denda yang dihapus kira, kompromi yang dicapai dengan pesalah dan sebagainya. Tempoh pelepasan tidak terpakai pada mana-mana kelas hasil bukan pertukaran yang lain. Hasil yang diterima daripada denda adalah tidak material jika dikaitkan penyata kewangan secara keseluruhan. Entiti tersebut menyimpulkan bahawa, dengan mengguna pakai pengecualian dan peruntukan peralihan, pembentangan saksama dan pematuhan kepada MPSAS tidak akan terjejas. Kesannya, penerima pakai kali pertama masih boleh mencapai pembentangan saksama dan menegaskan pematuhan kepada MPSAS asas akruan pada tarikh pemakaian MPSAS asas akruan atau semasa tempoh peralihan.

Pengecualian yang Menjejaskan Pembentangan Saksama dan Pematuhan kepada MPSAS Asas Akruan semasa Tempoh Peralihan

33. **Penerima pakai kali pertama boleh mengguna pakai pengecualian dalam perenggan 36–62. Pengecualian ini akan menjejaskan pembentangan saksama kewangan penerima pakai kali pertama dan keupayaannya untuk menegaskan pematuhan kepada MPSAS asas akruan semasa tempoh peralihan mengikut perenggan 27 dan 28 sewaktu pengecualian digunakan. Penerima pakai kali pertama tidak boleh menggunakan pengecualian ini dengan analogi kepada item lain.**
34. **Walau apa pun pengecualian yang diperuntukkan dalam perenggan 36–62, penerima pakai kali pertama adalah digalakkan untuk mematuhi sepenuhnya semua keperluan MPSAS yang berkenaan dengan secepat mungkin.**
35. **Setakat mana penerima pakai kali pertama mengguna pakai pengecualian dalam perenggan 36–62, tiada keperluan untuk menggunakan apa-apa pembentangan yang berkaitan dan/atau keperluan pendedahan dalam MPSAS yang berkenaan sehingga pengecualian yang memberikan pelepasan itu telah tamat tempoh atau item yang relevan diiktiraf dan/atau diukur dalam penyata kewangan menurut MPSAS yang berkenaan (yang mana lebih awal).**

Pelepasan Peralihan Tiga Tahun untuk Pengiktirafan dan/atau Pengukuran Aset dan/atau Liabiliti

Pengiktirafan dan/atau Pengukuran Aset dan/atau Liabiliti

36. **Jika penerima pakai kali pertama tidak mengiktiraf aset dan/atau liabiliti di bawah asas perakaunan sebelumnya, maka tiada keperluan untuk mengiktiraf dan/atau mengukur aset dan/atau liabiliti berikut bagi tempoh pelaporan bermula pada tarikh dalam tempoh tiga tahun selepas tarikh pemakaian MPSAS:**
 - (a) **Inventori (lihat MPSAS 12, *Inventori*);**
 - (b) **Hartanah pelaburan (lihat MPSAS 16, *Hartanah Pelaburan*);**
 - (c) **Hartanah, loji dan peralatan (lihat MPSAS 17, *Hartanah, Loji dan Peralatan*);**
 - (d) **Pelan manfaat ditentukan dan manfaat pekerja jangka panjang yang lain (lihat MPSAS 25, *Manfaat Pekerja*);**
 - (e) **Aset biologi dan keluaran pertanian (lihat MPSAS 27, *Pertanian*);**
 - (f) **Aset tak ketara (lihat MPSAS 31, *Aset Tak Ketara*);**
 - (g) **Aset konsesi perkhidmatan dan liabiliti berkaitan, sama ada di bawah model liabiliti kewangan atau model pemberian hak kepada operator (lihat MPSAS 32, *Pengaturan***

Konsesi Perkhidmatan: Grantor); dan

- (h) Instrumen kewangan (lihat MPSAS 29, *Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran*).

Bagi Kerajaan Persekutuan, aset dan/atau liabiliti pajakan kewangan, pelan manfaat ditentukan dan manfaat pekerja jangka panjang yang lain, aset konsesi perkhidmatan dan liabiliti berkaitan hanya akan diambil kira apabila MPSAS 13, MPSAS 25 dan MPSAS 32 diterima pakai.

37. Apabila penerima pakai kali pertama menggunakan pengecualian dalam perenggan 36(d), maka hendaklah mengiktiraf obligasi dan apa-apa aset pelan yang berkaitan pada masa yang sama.
38. Apabila penerima pakai kali pertama telah mengiktiraf aset dan/atau liabiliti yang termasuk dalam perenggan 36 bawah asas perakaunan sebelumnya, maka tiada keperluan untuk mengubah dasar perakaunannya berhubung dengan pengukuran aset dan/atau liabiliti ini bagi tempoh pelaporan bermula pada tarikh dalam tempoh tiga tahun selepas tarikh pemakaian MPSAS.
39. Tertakluk pada perenggan 36 dan 38, penerima pakai kali pertama tidak perlu mengubah dasar perakaunannya berhubung dengan pengiktirafan dan/atau pengukuran aset dan/atau liabiliti bagi tempoh pelaporan bermula pada tarikh dalam tempoh tiga tahun selepas tarikh pemakaian MPSAS. Pengecualian peralihan dalam perenggan 36 dan 38 bertujuan untuk memberikan penerima pakai kali pertama suatu tempoh untuk membangunkan model yang boleh dipercayai bagi mengiktiraf dan/atau mengukur aset dan/atau liabilitinya semasa tempoh peralihan. Penerima pakai kali pertama boleh menggunakan dasar perakaunan bagi pengiktirafan dan/atau pengukuran aset dan/atau liabiliti sedemikian yang tidak mematuhi peruntukan MPSAS yang lain.
40. Tertakluk pada peruntukan perenggan 36 dan 38, penerima pakai kali pertama hanya boleh mengubah dasar perakaunannya semasa tempoh peralihan supaya lebih mematuhi dasar perakaunan dalam MPSAS asas akruan, dan boleh mengekalkan dasar perakaunannya yang sedia ada sehingga pengecualian yang memberikan pelepasan telah tamat tempoh atau apabila item yang relevan diiktiraf dan/atau diukur dalam penyata kewangan mengikut MPSAS yang berkenaan (yang mana lebih awal). Penerima pakai kali pertama boleh mengubah dasar perakaunannya berkenaan dengan pengiktirafan dan/atau pengukuran aset dan/atau liabiliti berdasarkan asas mengikut kelas atau mengikut kategori jika penggunaan kelas atau kategori dibenarkan dalam MPSAS yang berkenaan.
41. Setakat mana penerima pakai kali pertama mengguna pakai pengecualian dalam perenggan 36 dan 38 yang membenarkan tempoh pelepasan peralihan tiga tahun untuk tidak mengiktiraf dan/atau mengukur aset kewangan, tiada keperluan untuk mengiktiraf dan/atau mengukur apa-apa hasil yang berkaitan mengikut terma MPSAS 9, *Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran*, atau hasil belum terima lain yang diselesaikan secara tunai atau aset kewangan lain mengikut terma MPSAS 23, *Hasil daripada Urus Niaga Bukan*

Pertukaran (Cukai dan Pindahan).

Pengiktirafan dan/atau Pengukuran Hasil Bukan Pertukaran

42. **Penerima pakai kali pertama tidak perlu mengubah dasar perakaunannya berhubung dengan pengiktirafan dan pengukuran hasil bukan pertukaran bagi tempoh pelaporan bermula pada tarikh dalam tempoh tiga tahun selepas tarikh pemakaian MPSAS. Penerima pakai kali pertama boleh mengubah dasar perakaunannya berhubung dengan hasil daripada urus niaga bukan pertukaran atas asas mengikut kelas.**
43. Peruntukan peralihan dalam perenggan 42 bertujuan untuk memberikan penerima pakai kali pertama suatu tempoh untuk membangunkan model yang boleh dipercayai bagi mengiktiraf dan mengukur hasil daripada urus niaga bukan pertukaran menurut MPSAS 23, *Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran (Cukai dan Pindahan)* semasa tempoh peralihan. Penerima pakai kali pertama boleh menggunakan dasar perakaunan bagi pengiktirafan dan/atau pengukuran hasil daripada urus niaga bukan pertukaran yang tidak mematuhi peruntukan MPSAS 23. Peruntukan peralihan dalam perenggan 42 membenarkan penerima pakai kali pertama untuk menggunakan pakai MPSAS 23 secara berperingkat kepada kelas hasil yang berbeza daripada urus niaga bukan pertukaran. Contohnya, penerima pakai kali pertama mungkin boleh mengiktiraf dan mengukur cukai hartanah dan beberapa kelas pindahan yang lain menurut MPSAS 23 dari tarikh pemakaian MPSAS, tetapi mungkin memerlukan tiga tahun untuk membangunkan sepenuhnya model yang boleh dipercayai bagi mengiktiraf dan mengukur hasil cukai pendapatan.

Pengecualian Lain

MPSAS 5, Kos Pinjaman

44. **Apabila penerima pakai kali pertama menggunakan pakai pengecualian dalam perenggan 36 yang memberikan tempoh pelepasan peralihan tiga tahun untuk tidak mengiktiraf dan/atau mengukur aset, dan memilih untuk mengambil kira kos pinjaman mengikut terma pengolahan alternatif yang dibenarkan, maka tiada keperluan untuk mempermodalkan apa-apa kos pinjaman ke atas aset layak yang tarikh permulaan untuk permodalan adalah sebelum tarikh pemakaian MPSAS asas akruan, sehingga pengecualian yang memberikan pelepasan tersebut telah tamat tempoh dan/atau apabila aset yang relevan diiktiraf dan/atau diukur mengikut MPSAS yang berkenaan (yang mana lebih awal).**
45. Perenggan 36 membenarkan penerima pakai kali pertama untuk tidak mengiktiraf dan/atau mengukur aset menurut MPSAS 16, 17, 27, 31 dan 32 bagi tempoh hingga tiga tahun dari tarikh pemakaian MPSAS. Dalam tempoh ini, penerima pakai kali pertama mungkin perlu mempertimbangkan keperluan MPSAS tersebut pada masa yang sama dengan permodalan kos pinjaman jika penerima pakai kali pertama menggunakan kaedah alternatif yang dibenarkan. Apabila penerima pakai kali pertama memanfaatkan tempoh pengecualian peralihan untuk pengiktirafan dan/atau pengukuran aset menurut MPSAS 16, 17, 27, 31 dan 32, maka tiada keperluan untuk mempermodalkan kos pinjaman yang ditanggung ke atas aset layak sebelum atau

**MPSAS 33 – Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS)
Asas Akruan**

semasa tempoh peralihan. Hanya apabila pengecualian yang memberikan pelepasan telah tamat tempoh, dan/atau apabila aset yang relevan diiktiraf dan/atau diukur menurut MPSAS yang berkenaan (yang mana lebih awal), penerima pakai kali pertama akan dibenarkan untuk mempermodakan kos pinjaman yang ditanggung ke atas aset layak mengikut pengolahan alternatif yang dibenarkan.

MPSAS 13, Pajakan

46. **Apabila penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian dalam perenggan 36 yang memberikan tempoh pelepasan peralihan tiga tahun untuk tidak mengiktiraf aset, maka tiada keperluan untuk menggunakan keperluan yang berkaitan dengan pajakan kewangan sehingga pengecualian yang memberikan pelepasan itu telah tamat tempoh, dan/atau apabila aset yang relevan diiktiraf menurut MPSAS yang berkenaan (yang mana lebih awal).**
47. MPSAS ini memberikan penerima pakai kali pertama suatu tempoh hingga tiga tahun dari tarikh pemakaian MPSAS untuk tidak mengiktiraf aset mengikut MPSAS 16, 17, 27, 31 dan 32. Dalam tempoh ini, penerima pakai kali pertama mungkin perlu pertimbangkan keperluan pengiktirafan MPSAS tersebut pada masa yang sama bagi mempertimbangkan pengiktirafan pajakan kewangan dalam MPSAS ini. Apabila penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian menurut MPSAS 16, 17, 27, 31 dan 32, maka tiada keperluan untuk mengiktiraf aset dan/atau liabiliti pajakan kewangan sehingga pengecualian yang memberikan pelepasan itu telah tamat tempoh, dan/atau apabila aset yang relevan diiktiraf menurut MPSAS yang berkenaan (yang mana lebih awal).

MPSAS 19, Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka

48. **Apabila penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian dalam perenggan 36 yang memberikan tempoh pelepasan peralihan tiga tahun untuk tidak mengiktiraf dan/atau mengukur hartanah, loji dan peralatan, maka tiada keperluan untuk mengiktiraf dan/atau mengukur liabiliti yang berkaitan dengan anggaran awal bagi kos menanggalkan dan memindahkan item tersebut serta memulihkan tapak terletaknya item itu sehingga pengecualian untuk MPSAS 17 telah tamat tempoh, dan/atau aset yang relevan diiktiraf dan/atau diukur menurut MPSAS 17 (yang mana lebih awal).**
49. MPSAS ini memberikan penerima pakai kali pertama suatu tempoh hingga tiga tahun dari tarikh pemakaian MPSAS untuk tidak mengiktiraf dan/atau mengukur hartanah, loji dan peralatan. MPSAS 17 menghendaki entiti untuk mengambil kira anggaran awal bagi kos untuk menanggalkan dan memindahkan item tersebut serta memulihkan tapak terletaknya item itu sebagai sebahagian daripada kos item hartanah, loji dan peralatan. Apabila penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian yang memberikan tempoh pelepasan peralihan tiga tahun untuk pengiktirafan dan/atau pengukuran hartanah, loji dan peralatan, penerima pakai kali pertama tidak perlu menggunakan keperluan yang berkaitan dengan anggaran awal bagi kos untuk menanggalkan dan memindahkan item tersebut serta memulihkan tapak terletaknya item itu

**MPSAS 33 – Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS)
Asas Akruan**

sehingga pengecualian yang memberikan pelepasan telah tamat tempoh, dan/atau apabila aset yang relevan diiktiraf dan/atau diukur menurut MPSAS 17 (yang mana lebih awal). Liabiliti tersebut hendaklah diukur pada tarikh pemakaian MPSAS, atau apabila penerima pakai kali pertama telah memanfaatkan pengecualian yang memberikan tempoh pelepasan peralihan tiga tahun untuk pengiktirafan dan/atau pengukuran aset, pada tarikh pengecualian yang memberikan pelepasan itu telah tamat tempoh dan/atau aset telah diiktiraf dan/atau diukur mengikut MPSAS yang berkenaan.

50. **Apabila penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian dalam perenggan 48, maka hendaklah mengiktiraf dan/atau mengukur obligasi dan apa-apa aset yang berkaitan pada masa yang sama.**

MPSAS 20, Pendedahan Pihak Berkaitan

51. **Penerima pakai kali pertama tidak perlu untuk mendedahkan hubungan pihak berkaitan, urusan niaga pihak berkaitan dan maklumat mengenai personel pengurusan utama untuk tempoh pelaporan bermula pada tarikh dalam tempoh tiga tahun selepas tarikh pemakaian MPSAS.**
52. **Walau apa pun peruntukan peralihan dalam perenggan 51, penerima pakai kali pertama digalakkan untuk mendedahkan maklumat mengenai hubungan pihak berkaitan, urusan niaga pihak berkaitan dan maklumat berkenaan dengan personel pengurusan utama yang diketahui pada tarikh pemakaian MPSAS.**

MPSAS 34, Penyata Kewangan Berasingan, MPSAS 35, Penyata Kewangan Disatukan dan MPSAS 36, Pelaburan dalam Entiti Bersekutu dan Usaha Sama

53. **Apabila penerima pakai kali pertama belum mengiktiraf kepentingannya dalam entiti dikawal, entiti bersekutu atau usaha sama bawah asas perakaunan sebelumnya, maka tiada keperluan untuk mengiktiraf dan/atau mengukur kepentingannya dalam entiti lain sebagai entiti dikawal, entiti bersekutu atau usaha sama untuk tempoh pelaporan bermula pada tarikh dalam tempoh tiga tahun selepas tarikh pemakaian MPSAS asas akruan.**
54. Tertakluk kepada perenggan 53, penerima pakai kali pertama tidak perlu mengubah dasar perakaunannya berhubung dengan pengiktirafan dan/atau pengukuran kepentingannya dalam entiti dikawal, entiti bersekutu atau usaha sama untuk tempoh pelaporan bermula pada tarikh dalam tempoh tiga tahun selepas tarikh pemakaian MPSAS. Pengecualian peralihan dalam perenggan 53 adalah bertujuan untuk memberikan penerima pakai kali pertama suatu tempoh untuk mengenal pasti dan mengklasifikasi sewajarnya kepentingan dalam entiti yang lain sama ada entiti dikawal, entiti bersekutu atau usaha sama semasa tempoh peralihan. Penerima pakai kali pertama boleh menggunakan dasar perakaunan yang tidak mematuhi peruntukan MPSAS lain bagi pengiktirafan dan/atau pengukuran kepentingannya dalam entiti dikawal, entiti bersekutu atau usaha sama.

**MPSAS 33 – Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS)
Asas Akruan**

MPSAS 35, Penyata Kewangan Disatukan

55. **Tertakluk kepada perenggan 53, penerima pakai kali pertama hendaklah membentangkan penyata kewangan disatukan selepas menerima pakai MPSAS asas akruan. Walau bagaimanapun, penerima pakai kali pertama yang membentangkan penyata kewangan disatukan tidak perlu menyingkirkan semua baki, urus niaga, hasil dan belanja antara entiti dalam entiti ekonomi untuk tempoh pelaporan bermula pada tarikh dalam tempoh tiga tahun selepas tarikh pemakaian MPSAS.**
56. Semasa pemakaian MPSAS, entiti mungkin mempunyai entiti dikawal dengan bilangan urus niaga yang signifikan antara entiti dikawal. Oleh itu, mungkin sukar untuk mengenal pasti sesetengah urus niaga dan baki yang perlu disingkirkan bagi tujuan menyediakan penyata kewangan disatukan untuk entiti ekonomi. Atas sebab ini, perenggan 55 memberikan pelepasan selama tempoh hingga tiga tahun untuk menyingkirkan sepenuhnya baki, urus niaga, hasil dan belanja antara entiti dalam entiti ekonomi.
57. **Walaupun apa pun pengecualian peralihan dalam perenggan 55, penerima pakai kali pertama digalakkan untuk menyingkirkan baki, urus niaga, hasil dan belanja yang diketahui pada tarikh pemakaian MPSAS untuk mematuhi sepenuhnya peruntukan MPSAS 35 dengan secepat mungkin.**
58. **Apabila penerima pakai kali pertama telah memanfaatkan pengecualian peralihan dalam perenggan 53 dan/atau perenggan 55, penerima pakai kali pertama tidak boleh membentangkan penyata kewangan sebagai penyata kewangan disatukan sehingga:**
- (a) **Pengecualian yang memberikan pelepasan telah tamat tempoh; dan**
 - (b) **Kepentingannya dalam entiti lain telah diiktiraf dan/atau diukur dengan sewajarnya sebagai entiti dikawal, entiti bersekutu atau usaha sama; atau**
 - (c) **Baki antara entiti, urus niaga, hasil dan belanja antara entiti dalam entiti ekonomi disingkirkan (yang mana lebih awal).**

MPSAS 36, Pelaburan dalam Entiti Bersekutu dan Usaha Sama

59. **Apabila penerima pakai kali pertama menggunakan kaedah ekuiti semasa menerima pakai MPSAS 36, pelabur tidak perlu menyingkirkan bahagiannya dalam lebihan dan kurangan hasil daripada urus niaga hulu dan hiliran antara pelabur dengan entiti bersekutu atau usaha samanya untuk tempoh pelaporan bermula pada tarikh dalam tempoh tiga tahun selepas tarikh pemakaian MPSAS.**
60. Semasa pemakaian MPSAS, penerima pakai kali pertama mungkin merupakan pelabur dalam satu atau lebih entiti bersekutu atau usaha sama dengan sejumlah besar urus niaga hulu dan hiliran antara pelabur dengan penerima pelaburan. Oleh itu, mungkin sukar untuk mengenal pasti sesetengah urus niaga hulu dan/atau hiliran yang bahagian pelabur dalam lebihan atau

kurangan entiti bersekutu atau usaha sama perlu disingkirkan dalam menggunakan kaedah ekuiti. Atas sebab ini, perenggan 59 memberikan pelepasan kepada pelabur dengan tempoh hingga tiga tahun untuk menyingkirkan keseluruhan bahagiannya dalam lebihan atau kekurangan entiti bersekutu atau usaha sama hasil daripada urus niaga hulu dan/atau hiliran.

61. **Walau apa pun pengecualian peralihan dalam perenggan 59, penerima pakai kali pertama digalakkan untuk menyingkirkan bahagiannya dalam lebihan dan kekurangan entiti bersekutu dan usaha sama hasil daripada urus niaga hulu dan hiliran yang diketahui pada tarikh pemakaian MPSAS, untuk mematuhi sepenuhnya peruntukan MPSAS 36 dengan secepat mungkin.**
62. **Apabila penerima pakai kali pertama telah memanfaatkan pengecualian peralihan dalam perenggan 53 dan/atau perenggan 59, penerima pakai kali pertama tidak boleh membentangkan penyata kewangan yang pelaburannya dalam entiti bersekutu atau usaha sama diambil kira menggunakan kaedah ekuiti sehingga:**
 - (a) **Pengecualian yang memberikan pelepasan telah tamat tempoh; dan**
 - (b) **Kepentingan dalam entiti lain telah diiktiraf dan/atau diukur dengan sewajarnya sebagai entiti bersekutu atau usaha sama; atau**
 - (c) **Bahagiannya dalam lebihan dan kekurangan entiti bersekutu hasil daripada urus niaga hulu dan hiliran antara pelabur dengan penerima pelaburan adalah disingkirkan (yang mana lebih awal).**

Pengecualian yang Tidak Menjejaskan Pembentangan Saksama dan Pematuhan kepada MPSAS Asas Akruan semasa Tempoh Peralihan

63. **Penerima pakai kali pertama hendaklah, atau boleh memilih, untuk mengguna pakai pengecualian dalam perenggan 64–134. Pengecualian ini tidak akan menjejaskan pembentangan saksama penyata kewangan penerima pakai kali pertama dan keupayaannya untuk menegaskan pematuhan kepada MPSAS asas akruan semasa tempoh peralihan menurut perenggan 27 dan 28 selagi mana pengecualian digunakan. Penerima pakai kali pertama tidak boleh menggunakan pengecualian ini dengan analogi kepada item lain.**

Menggunakan Kos Anggaran untuk Mengukur Aset dan/atau Liabiliti

64. **Penerima pakai kali pertama boleh memilih untuk mengukur aset dan/atau liabiliti berikut pada nilai saksama apabila maklumat kos yang boleh dipercayai mengenai aset dan liabiliti tidak tersedia, dan menggunakan nilai saksama itu sebagai kos anggaran untuk:**
 - (a) **Inventori (lihat MPSAS 12);**
 - (b) **Hartanah pelaburan, jika penerima pakai kali pertama memilih untuk menggunakan**

- model kos dalam MPSAS 16;**
- (c) **Hartanah, loji dan peralatan (lihat MPSAS 17);**
 - (d) **Aset tak ketara, selain aset tak ketara yang dijana secara dalaman (lihat MPSAS 31) yang memenuhi:**
 - (i) **Kriteria pengiktirafan dalam MPSAS 31 (tidak termasuk kriteria pengukuran yang boleh dipercayai); dan**
 - (ii) **Kriteria dalam MPSAS 31 untuk penilaian semula (termasuk kewujudan pasaran aktif);**
 - (e) **Instrumen Kewangan (lihat MPSAS 29); atau**
 - (f) **Aset konsesi perkhidmatan (lihat MPSAS 32).**
65. Kos anggapan hanya boleh ditentukan apabila kos pemerolehan aset dan/atau liabiliti tersebut tidak tersedia. Kos anggapan mengandaikan bahawa entiti pada mulanya telah mengiktiraf aset dan/atau liabiliti pada tarikh yang diberikan. Susut nilai atau pelunasan berikutnya dibuat berdasarkan kos anggapan atas premis bahawa kos pemerolehan adalah sama dengan kos anggapan. Contohnya, penerima pakai kali pertama boleh memilih untuk mengukur hartanah, loji dan peralatan pada kos anggapan pada tarikh pemakaian MPSAS kerana maklumat kos mengenai item hartanah, loji dan peralatan tidak tersedia pada tarikh tersebut, dan menggunakan nilai saksama sebagai kos anggapan pada tarikh tersebut. Apa-apa susut nilai berikutnya adalah berdasarkan nilai saksama yang ditentukan pada tarikh tersebut dan bermula dari tarikh kos anggapan itu telah ditentukan.
66. Penggunaan kos anggapan tidak dianggap sebagai penilaian semula atau penggunaan model nilai saksama untuk pengukuran seterusnya menurut MPSAS lain.
67. **Penerima pakai kali pertama boleh memilih untuk menggunakan amaun penilaian semula hartanah, loji dan peralatan di bawah asas perakaunan sebelumnya sebagai kos anggapan jika penilaian semula itu pada tarikh penilaian semula, secara amnya sebanding dengan:**
- (a) **Nilai saksama; atau**
 - (b) **Kos atau kos disusut nilai, jika sesuai, menurut MPSAS yang dilaraskan untuk menggambarkan, contohnya, perubahan dalam indeks harga umum atau khusus.**
68. Penerima pakai kali pertama mungkin telah menetapkan kos anggapan menurut asas perakaunan sebelumnya untuk hartanah, loji dan peralatan dengan mengukur item ini pada nilai saksama berdasarkan satu tarikh tertentu disebabkan oleh peristiwa tertentu:
- (a) Jika tarikh pengukuran adalah pada atau sebelum tarikh pemakaian MPSAS, penerima pakai kali pertama boleh menggunakan pengukuran nilai saksama berasaskan sesuatu

peristiwa sedemikian sebagai kos anggapan untuk MPSAS pada tarikh pengukuran tersebut.

- (b) Jika tarikh pengukuran adalah selepas tarikh pemakaian MPSAS, tetapi semasa tempoh peralihan penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian yang memberikan tempoh pelepasan peralihan tiga tahun untuk tidak mengiktiraf dan/atau mengukur aset tertentu, pengukuran nilai saksama berasaskan sesuatu peristiwa boleh digunakan sebagai kos anggapan apabila peristiwa itu berlaku. Penerima pakai kali pertama hendaklah mengiktiraf pelarasan yang terhasil secara langsung dalam lebihan atau kurangan terkumpul apabila aset itu diiktiraf dan/atau diukur.
69. Semasa menentukan nilai saksama menurut perenggan 67, penerima pakai kali pertama hendaklah menggunakan takrif nilai saksama dan panduan dalam MPSAS lain yang berkenaan dalam menentukan nilai saksama aset berkenaan. Nilai saksama hendaklah menggambarkan keadaan yang wujud pada tarikh nilai saksama ditentukan.
70. **Jika bukti nilai saksama berasaskan pasaran boleh dipercayai tidak tersedia untuk inventori, atau hartanah pelaburan yang bersifat khusus, penerima pakai kali pertama boleh mempertimbangkan alternatif pengukuran berikut dalam menentukan kos anggapan:**
- (a) **Untuk inventori, kos penggantian semasa; dan**
 - (b) **Untuk hartanah pelaburan yang bersifat khusus, kos penggantian disusut nilai.**

Menggunakan Kos Anggapan untuk Mengukur Aset yang Diperoleh Melalui Urus Niaga Bukan Pertukaran

71. **Penerima pakai kali pertama boleh memilih untuk mengukur aset yang diperoleh melalui urus niaga bukan pertukaran pada nilai saksamanya apabila maklumat kos boleh dipercayai mengenai aset tersebut tidak tersedia, dan menggunakan nilai saksama itu sebagai kos anggapan aset.**

Menggunakan Kos Anggapan untuk Pelaburan dalam Entiti Dikawal, Usaha Sama dan Entiti Bersekutu (MPSAS 34)

72. **Apabila penerima pakai kali pertama mengukur pelaburan dalam entiti dikawal, usaha sama atau entiti bersekutu pada kos dalam penyata kewangan berasingannya, penerima pakai kali pertama boleh, pada tarikh pemakaian MPSAS, memilih untuk mengukur pelaburan itu pada salah satu daripada amaun berikut dalam penyata kedudukan kewangan pembukaan berasingannya:**
- (a) **Kos; atau**
 - (b) **Kos anggapan. Kos anggapan bagi pelaburan sedemikian hendaklah merupakan nilai**

saksamanya (ditentukan menurut MPSAS 29) pada tarikh penerima pakai kali pertama menerima pakai MPSAS dalam penyata kewangan berasingannya.

73. Penerima pakai kali pertama mungkin telah menetapkan kos anggapan menurut asas perakaunan sebelumnya untuk pelaburan dalam entiti dikawal, usaha sama atau entiti bersekutu dengan mengukur pelaburan pada nilai saksama berdasarkan satu tarikh tertentu disebabkan oleh peristiwa khusus. Dalam keadaan sedemikian, penerima pakai kali pertama menggunakan perenggan 72(a) dan (b).

Tarikh Kos Anggapan boleh Ditentukan

74. **Tarikh kos anggapan ditentukan mungkin berbeza bergantung kepada sama ada penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian yang memberikan tempoh pelepasan peralihan tiga tahun untuk tidak mengiktiraf dan/atau mengukur aset dan/atau liabiliti tertentu. Apabila penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian itu, kos anggapan boleh ditentukan pada bila-bila tarikh dalam tempoh ini, atau pada tarikh pengecualian itu tamat tempoh (yang mana lebih awal), dan harus diiktiraf menurut perenggan 76. Jika penerima pakai kali pertama tidak mengguna pakai pengecualian ini, kos anggapan hendaklah ditentukan pada permulaan tempoh terawal penerima pakai kali pertama membentangkan penyata kewangan MPSAS.**
75. Apabila penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian yang memberikan tempoh pelepasan peralihan tiga tahun untuk tidak mengiktiraf dan/atau mengukur aset dan/atau liabiliti tertentu, penerima pakai kali pertama boleh menentukan kos anggapan untuk aset dan/atau liabiliti itu pada bila-bila masa dalam tempoh pelepasan peralihan tiga tahun.
76. **Apabila kos anggapan ditentukan dalam tempoh penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian yang memberikan pengecualian peralihan tiga tahun untuk tidak mengiktiraf dan/atau mengukur aset dan/atau liabiliti, penerima pakai kali pertama hendaklah mengiktiraf pelarasan terhadap lebihan atau kekurangan terkumpul pembukaan pada tahun kos anggapan aset dan/atau liabiliti diiktiraf dan/atau diukur.**

MPSAS 1, Pembentangan Penyata Kewangan

Maklumat Perbandingan

77. **Penerima pakai kali pertama adalah digalakkan, tetapi tidak dikehendaki, untuk membentangkan maklumat perbandingan dalam penyata kewangan MPSAS peralihan pertamanya atau penyata kewangan MPSAS pertamanya yang dibentangkan menurut MPSAS ini. Apabila penerima pakai kali pertama membentangkan maklumat perbandingan, maklumat ini hendaklah dibentangkan menurut keperluan MPSAS 1.**
78. **Apabila penerima pakai kali pertama memilih untuk membentangkan maklumat perbandingan, penyata kewangan MPSAS peralihan atau penyata kewangan MPSAS pertama yang dibentangkan menurut MPSAS ini hendaklah mengandungi:**

- (a) **Satu penyata kedudukan kewangan dengan maklumat perbandingan untuk tempoh sebelumnya, dan penyata kedudukan kewangan pembukaan pada permulaan tempoh pelaporan sebelum tarikh pemakaian MPSAS asas akruan;**
 - (b) **Satu penyata prestasi kewangan dengan maklumat perbandingan untuk tempoh sebelumnya;**
 - (c) **Satu penyata perubahan aset bersih/ekuiti dengan maklumat perbandingan untuk tempoh sebelumnya;**
 - (d) **Satu penyata aliran tunai dengan maklumat perbandingan untuk tempoh sebelumnya;**
 - (e) **Perbandingan bajet dan amaun sebenar untuk tahun semasa sebagai penyata kewangan tambahan yang berasingan atau sebagai lajur bajet dalam penyata kewangan jika penerima pakai kali pertama menyediakan bajet yang diluluskan secara terbuka; dan**
 - (f) **Nota berkaitan termasuk maklumat perbandingan dan pendedahan maklumat naratif tentang pelarasan material seperti yang dikehendaki oleh perenggan 142.**
79. **Apabila penerima pakai kali pertama memilih untuk tidak membentangkan maklumat perbandingan, penyata kewangan MPSAS peralihannya selepas menerima pakai MPSAS asas akruan atau penyata kewangan MPSAS pertamanya yang dibentangkan menurut MPSAS ini hendaklah mengandungi:**
- (a) **Satu penyata kedudukan kewangan dan penyata kedudukan kewangan pembukaan pada tarikh pemakaian MPSAS asas akruan;**
 - (b) **Satu penyata prestasi kewangan;**
 - (c) **Satu penyata perubahan aset bersih/ekuiti;**
 - (d) **Satu penyata aliran tunai;**
 - (e) **Perbandingan bajet dan amaun sebenar untuk tahun semasa sebagai penyata kewangan tambahan yang berasingan atau sebagai lajur bajet dalam penyata kewangan jika penerima pakai kali pertama membuat bajetnya yang diluluskan tersedia secara terbuka; dan**
 - (f) **Nota berkaitan dan pendedahan maklumat naratif tentang pelarasan material seperti yang dikehendaki oleh perenggan 142.**
80. **Apabila penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian dalam perenggan 36–62 yang membenarkan tempoh pelepasan peralihan tiga tahun untuk tidak mengiktiraf dan/atau mengukur sesuatu item, maklumat perbandingan bagi tahun selepas tarikh**

pemakaian MPSAS hendaklah dilaraskan hanya apabila maklumat berkenaan item tersebut tersedia selepas pengiktirafan dan/atau pengukuran item semasa tempoh pelepasan.

81. MPSAS 1 menghendaki entiti untuk membentangkan maklumat perbandingan berkenaan dengan tempoh sebelumnya bagi semua jumlah yang dilaporkan dalam penyata kewangan. Apabila penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian yang memberikan pengecualian peralihan tiga tahun untuk tidak mengiktiraf dan/atau mengukur sesuatu item, penerima pakai kali pertama hendaklah, semasa tempoh peralihan membentangkan maklumat perbandingan untuk item yang diiktiraf dan/atau diukur dalam tempoh itu sahaja, jika maklumat tentang item tersebut tersedia bagi tempoh perbandingan. Penerima pakai kali pertama hendaklah mengguna pakai keperluan dalam MPSAS 1 selepas melaraskan penyata kewangan MPSAS pertamanya.

Maklumat Perbandingan Bukan MPSAS

82. Penerima pakai kali pertama boleh membentangkan maklumat perbandingan mengikut asas perakaunan sebelumnya. Dalam mana-mana penyata kewangan yang mengandungi maklumat perbandingan mengikut asas perakaunan sebelumnya, penerima pakai kali pertama hendaklah melabelkan maklumat yang disediakan menggunakan maklumat asas perakaunan sebelumnya sebagai tidak disediakan menurut MPSAS dan mendedahkan jenis pelarasan utama yang diperlukan untuk mematuhi MPSAS.
83. Apabila penerima pakai kali pertama membentangkan maklumat perbandingan bukan MPSAS dalam penyata kewangan MPSAS pertama atau penyata kewangan MPSAS peralihan pertamanya selepas pemakaian MPSAS asas akruan, pengecualian dan peruntukan peralihan yang diperuntukkan dalam Piawaian ini hendaklah tidak digunakan ke atas maklumat perbandingan bukan MPSAS yang dibentangkan dalam penyata kewangan MPSAS pertama atau penyata kewangan MPSAS peralihan pertama.

Ringkasan Sejarah Bukan MPSAS

84. Penerima pakai kali pertama boleh memilih untuk membentangkan ringkasan sejarah data terpilih untuk tempoh sebelum tempoh pertama pembentangan penyata kewangannya menurut MPSAS. MPSAS ini tidak menghendaki ringkasan sedemikian untuk mematuhi keperluan pengiktirafan dan pengukuran MPSAS. Dalam mana-mana penyata kewangan yang mengandungi ringkasan sejarah mengikut asas perakaunan sebelumnya, penerima pakai kali pertama hendaklah melabelkan maklumat asas perakaunan sebelumnya dengan jelas sebagai tidak disediakan menurut MPSAS dan mendedahkan jenis pelarasan utama yang diperlukan untuk mematuhi MPSAS. Penerima pakai kali pertama tidak perlu menyatakan pengukuran pelarasan tersebut.

MPSAS 4, Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing

85. **Pada tarikh pemakaian MPSAS, penerima pakai kali pertama tidak perlu mematuhi keperluan untuk perbezaan terjemahan terkumpul yang wujud pada tarikh tersebut. Jika penerima pakai kali pertama menggunakan pengecualian ini:**

- (a) **Perbezaan terjemahan terkumpul untuk semua operasi asing adalah dianggap sifar pada tarikh pemakaian MPSAS; dan**
 - (b) **Laba atau rugi daripada pelupusan mana-mana operasi asing yang seterusnya hendaklah mengecualikan perbezaan terjemahan yang timbul sebelum tarikh pemakaian MPSAS dan hendaklah kemudiannya memasukkan perbezaan terjemahan tersebut.**
86. **Penerima pakai kali pertama hendaklah menggunakan keperluan untuk mengolah apa-apa muhibah (lihat piawaian perakaunan antarabangsa atau kebangsaan yang relevan bagi menguruskan penggabungan entiti) yang timbul daripada pemerolehan operasi asing dan apa-apa pelarasan nilai saksama kepada amaun bawaan aset dan liabiliti yang timbul atas pemerolehan operasi asing itu, sebagai aset dan liabiliti operasi asing, secara prospektif pada tarikh pemakaian MPSAS.**
87. Semasa menggunakan pengecualian peralihan dalam perenggan 85, penerima pakai kali pertama hendaklah tidak menyatakan semula tahun-tahun sebelumnya bagi pemerolehan operasi asing yang diperoleh sebelum tarikh pemakaian MPSAS, dan sewajarnya hendaklah, jika sesuai, mengolah muhibah dan pelarasan nilai saksama yang timbul atas pemerolehan sebagai aset dan liabiliti entiti dan bukannya sebagai aset dan liabiliti operasi asing. Oleh itu, muhibah dan pelarasan nilai saksama tersebut sama ada telah dinyatakan dalam mata wang fungsian entiti atau item mata wang asing bukan monetari, yang telah dilaporkan menggunakan kadar pertukaran pada tarikh pemerolehan.

MPSAS 5, Kos Pinjaman

88. **Penerima pakai kali pertama digalakkan, tetapi tidak perlu, menggunakan keperluan MPSAS 5 secara retrospektif apabila penerima pakai kali pertama memakai atau mengubah dasar perakaunannya kepada pengolahan tanda aras.**
89. **Apabila penerima pakai kali pertama memakai atau mengubah dasar perakaunannya kepada pengolahan tanda aras maka adalah dibenarkan untuk menetapkan apa-apa tarikh sebelum tarikh pemakaian MPSAS dan mengguna pakai MPSAS 5 secara prospektif pada atau selepas tarikh yang ditetapkan itu.**
90. **Apabila penerima pakai kali pertama mengubah dasar perakaunannya kepada pengolahan alternatif yang dibenarkan, apa-apa kos pinjaman yang ditanggung sebelum dan selepas tarikh pemakaian MPSAS ke atas aset layak yang tarikh permulaan permodalan adalah sebelum tarikh pemakaian MPSAS, hendaklah diiktiraf secara retrospektif menurut pengolahan alternatif yang dibenarkan.**

IPSAS 10, Pelaporan Kewangan dalam Ekonomi Hiperinflasi

91. **Dimansuhkan.**

**MPSAS 33 – Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS)
Asas Akruan**

- 92. Dimansuhkan.
- 93. Dimansuhkan.
- 94. **Dimansuhkan.**

MPSAS 13, Pajak

- 95. **Penerima pakai kali pertama hendaklah pada tarikh pemakaian MPSAS mengklasifikasikan semua pajakan sedia ada sebagai pajakan operasi atau pajakan kewangan berdasarkan keadaan yang wujud pada permulaan pajakan tersebut, setakat yang diketahui pada tarikh pemakaian MPSAS.**
- 96. **Walau bagaimanapun, jika penerima pajak dan pemberi pajak telah bersetuju untuk mengubah peruntukan pajakan antara tarikh permulaan pajakan dengan tarikh pemakaian MPSAS asas akruan dengan cara yang akan mengakibatkan pengelasan pajakan yang berbeza pada tarikh pemakaian, perjanjian yang disemak semula tersebut hendaklah dianggap sebagai perjanjian baharu. Penerima pakai kali pertama hendaklah mempertimbangkan peruntukan perjanjian baharu tersebut pada tarikh pemakaian MPSAS asas akruan dalam mengklasifikasikan pajakan sebagai pajakan operasi atau pajakan kewangan.**

IPSAS 18, Pelaporan Segmen

- 97. **Dimansuhkan.**

MPSAS 21, Penjejasan Nilai Aset Tidak Menjana Tunai

- 98. **Penerima pakai kali pertama hendaklah menggunakan keperluan dalam MPSAS 21 secara prospektif dari tarikh pemakaian MPSAS, kecuali berhubung dengan aset yang penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian dalam perenggan 36 yang membenarkan tempoh pelepasan peralihan tiga tahun untuk tidak mengiktiraf dan/atau mengukur aset. Apabila penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian yang memberikan tempoh pelepasan peralihan tiga tahun dalam MPSAS 16, 17, 27, 31 dan 32, penerima pakai kali pertama mengguna pakai MPSAS 21 apabila pengecualian yang memberikan pelepasan itu telah tamat tempoh, dan/atau aset yang relevan diiktiraf dan/atau diukur menurut MPSAS yang berkenaan (yang mana lebih awal).**
- 99. **Pada tarikh pengecualian peralihan yang memberikan pelepasan telah tamat tempoh, dan/atau apabila aset yang relevan diiktiraf dan/atau diukur dalam penyata kewangan (yang mana lebih awal), penerima pakai kali pertama hendaklah menaksir sama ada terdapat apa-apa petunjuk bahawa aset tidak menjana tunai yang diiktiraf dan/atau diukur telah terjejas atau tidak. Apa-apa kerugian penjejasan nilai hendaklah diiktiraf dalam lebihan atau kekurangan terkumpul pembukaan pada tarikh pemakaian MPSAS, atau dalam lebihan atau kekurangan terkumpul pembukaan dalam tempoh pelaporan yang pengecualian**

peralihannya tamat tempoh, dan/atau aset yang relevan diiktiraf dan/atau diukur (yang mana lebih awal).

100. Penerima pakai kali pertama hendaklah menggunakan keperluan MPSAS 21 secara prospektif. Ini bermakna pada tarikh pemakaian MPSAS asas akruan, atau jika penerima pakai kali pertama telah mengguna pakai pelepasan peralihan yang berkaitan dengan pengiktirafan dan/atau pengukuran aset, hanya apabila pengecualian peralihan tiga tahun telah tamat tempoh, dan/atau apabila aset yang relevan telah diiktiraf dan/atau diukur dalam penyata kewangan (yang mana lebih awal), penerima pakai kali pertama dikehendaki untuk menaksir sama ada terdapat petunjuk bahawa mana-mana aset tidak menjana tunai yang termasuk dalam penyata kedudukan kewangan pembukaan telah terjejas.

MPSAS 25, Manfaat Pekerja

101. **Penerima pakai kali pertama hendaklah mengiktiraf dan/atau mengukur semua manfaat pekerja pada tarikh pemakaian MPSAS, kecuali untuk pelan manfaat ditentukan dan manfaat pekerja jangka panjang yang lain apabila penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian dalam perenggan 36.**

Pelan Manfaat Ditetapkan dan Manfaat Pekerja Jangka Panjang yang Lain

102. **Pada tarikh pemakaian MPSAS, atau jika penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian peralihan tiga tahun, pada tarikh tamat tempoh pengecualian, atau apabila liabiliti yang relevan telah diiktiraf dan/atau diukur dalam penyata kewangan (yang mana lebih awal), penerima pakai kali pertama hendaklah menentukan liabiliti awalnya untuk pelan manfaat ditentukan dan manfaat pekerja jangka panjang yang lain pada tarikh tersebut sebagai:**
- (a) **Nilai kini obligasi pada tarikh pemakaian MPSAS, atau apabila penerima pakai kali pertama memanfaatkan tempoh pelepasan peralihan tiga tahun, pada tarikh tamat tempoh pengecualian, atau apabila liabiliti yang relevan telah diiktiraf dan/atau diukur dalam penyata kewangan (yang mana lebih awal), dengan menggunakan Kaedah Unjuran Kredit Unit;**
 - (b) **Tolak nilai saksama pada tarikh pemakaian MPSAS, atau jika penerima pakai kali pertama memanfaatkan tempoh pelepasan peralihan tiga tahun, pada tarikh pengecualian tersebut tamat tempoh, atau apabila liabiliti yang relevan telah diiktiraf dan/atau diukur dalam penyata kewangan (yang mana lebih awal) bagi aset pelan (jika ada) yang mana obligasinya perlu diselesaikan secara langsung; dan**
 - (c) **Tolak apa-apa kos perkhidmatan lampau hendaklah perlu diiktiraf dalam tempoh kemudian sebagai belanja pada asas garis lurus sepanjang tempoh purata sehingga manfaat tersebut menjadi terletak hak.**

103. **Apabila liabiliti awal mengikut perenggan 102 adalah lebih atau kurang daripada liabiliti yang telah diiktiraf dan/atau diukur pada akhir tempoh perbandingan bawah asas perakaunan sebelumnya maka, penerima pakai kali pertama hendaklah mengiktiraf peningkatan/penurunan tersebut dalam lebihan atau kurangan terkumpul pembukaan dalam tempoh item tersebut diiktiraf dan/atau diukur.**
104. Kesan perubahan dasar perakaunan kepada MPSAS 25 merangkumi apa-apa laba dan rugi aktuari yang timbul, jika ada, dalam tempoh lebih awal, walaupun laba dan rugi ini di luar koridor dasar perakaunan yang dinyatakan dalam MPSAS 25. Bawah asas perakaunan sebelumnya, penerima pakai kali pertama mungkin tidak mengiktiraf dan/atau mengukur apa-apa liabiliti, yang peningkatan dalam liabiliti tersebut akan mewakili amaun penuh liabiliti tolak nilai saksama, pada tarikh pemakaian MPSAS atau apabila penerima pakai kali pertama memanfaatkan tempoh pelepasan peralihan tiga tahun, pada tarikh pengecualian tersebut telah tamat tempoh, atau apabila liabiliti yang relevan diiktiraf dan/atau diukur dalam penyata kewangan (yang mana lebih awal), bagi apa-apa aset pelan menurut perenggan 102(b) dan apa-apa kos perkhidmatan lampau yang akan diiktiraf dalam tempoh kemudian menurut perenggan 102(c). Peningkatan liabiliti ini diiktiraf dalam lebihan atau kurangan terkumpul pembukaan dalam tempoh item tersebut diiktiraf dan/atau diukur.
105. **Penerima pakai kali pertama hendaklah tidak mengasingkan laba dan rugi aktuari terkumpul kepada bahagian yang diiktiraf dan tidak diiktiraf dari permulaan pelan manfaat ditentukan sehingga tarikh pemakaian MPSAS. Semua laba dan rugi aktuari terkumpul hendaklah diiktiraf dalam lebihan atau kurangan terkumpul pembukaan dalam tempoh item tersebut diiktiraf dan/atau diukur.**
106. Penerima pakai kali pertama tidak dibenarkan untuk mengasingkan laba dan rugi aktuari terkumpul kepada bahagian yang diiktiraf dan tidak diiktiraf semasa pemakaian MPSAS 25. Semua laba dan rugi aktuari terkumpul hendaklah diiktiraf dalam lebihan atau kurangan terkumpul pembukaan dalam tempoh item tersebut diiktiraf dan/atau diukur. Walau bagaimanapun, keperluan ini tidak menghalang penerima pakai kali pertama daripada memilih untuk mengiktiraf hanya sebahagian daripada laba dan rugi aktuarinya menurut perenggan 105–107 MPSAS 25 dalam tempoh pelaporan berikutnya.
107. **Penerima pakai kali pertama hendaklah mendedahkan maklumat mengenai pelarasan terdahulu menurut perenggan 141(p) MPSAS 25 secara prospektif pada tarikh pemakaian MPSAS.**

MPSAS 26, Penjejasan Nilai Aset Menjana Tunai

108. **Penerima pakai kali pertama hendaklah menggunakan keperluan dalam MPSAS 26 secara prospektif dari tarikh pemakaian MPSAS, kecuali berhubung dengan aset yang penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian dalam perenggan 36 yang membenarkan tempoh pelepasan peralihan tiga tahun untuk tidak mengiktiraf dan/atau mengukur aset. Apabila penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian yang memberikan**

tempoh pelepasan peralihan tiga tahun dalam MPSAS 16, 17, 27, 31 dan 32, penerima pakai kali pertama mengguna pakai MPSAS 26 apabila pengecualian yang memberikan pelepasan itu telah tamat tempoh, dan/atau aset yang relevan diiktiraf dan/atau diukur menurut MPSAS yang berkenaan (yang mana lebih awal).

109. Pada tarikh pengecualian peralihan yang memberikan pelepasan telah tamat tempoh, dan/atau apabila aset yang relevan diiktiraf dan/atau diukur dalam penyata kewangan (yang mana lebih awal), penerima pakai kali pertama hendaklah menaksir sama ada terdapat apa-apa petunjuk bahawa aset menjana tunai yang diiktiraf dan/atau diukur telah terjejas. Apa-apa kerugian penjejasan nilai hendaklah diiktiraf dalam lebihan atau kurangan terkumpul pembukaan pada tarikh pemakaian MPSAS, atau dalam lebihan atau kurangan terkumpul pembukaan dalam tempoh pelaporan pengecualian peralihan tersebut tamat tempoh, dan/atau aset yang relevan diiktiraf dan/atau diukur (yang mana lebih awal).
110. Penerima pakai kali pertama hendaklah menggunakan keperluan MPSAS 26 secara prospektif. Ini bermaksud pada tarikh pemakaian MPSAS asas akruan, atau apabila penerima pakai kali pertama telah menerima pakai pelepasan peralihan yang berkaitan dengan pengiktirafan dan/atau pengukuran aset, dan hanya apabila pengecualian peralihan tiga tahun tersebut tamat tempoh, dan/atau apabila aset yang relevan diiktiraf dan/atau diukur dalam penyata kewangan (yang mana lebih awal), penerima pakai kali pertama adalah dikehendaki untuk menaksir sama ada terdapat petunjuk bahawa mana-mana aset menjana tunai yang dimasukkan dalam penyata kedudukan kewangan pembukaan telah terjejas.

MPSAS 28, Instrumen Kewangan: Pembentangan

111. Pada tarikh pemakaian MPSAS, penerima pakai kali pertama hendaklah menilai terma instrumen kewangan untuk menentukan sama ada instrumen kewangan mengandungi kedua-dua komponen liabiliti dan komponen aset bersih/ekuiti. Jika komponen liabiliti tidak lagi tertunggak pada tarikh pemakaian MPSAS, penerima pakai kali pertama tidak perlu mengasingkan instrumen kewangan kompaun kepada komponen liabiliti dan komponen aset bersih/ekuiti.
112. MPSAS 28 menghendaki entiti pada permulaan untuk membahagikan instrumen kewangan kompaun kepada komponen liabiliti dan aset bersih/ekuiti yang berasingan. Jika komponen liabiliti tidak lagi tertunggak, aplikasi retrospektif MPSAS 28 melibatkan pengasingan dua bahagian dari aset bersih/ekuiti. Bahagian pertama adalah dalam lebihan dan kurangan terkumpul dan mewakili faedah terkumpul bertambah pada komponen liabiliti. Bahagian yang lain mewakili komponen aset bersih/ekuiti asal. Walau bagaimanapun, MPSAS ini membenarkan penerima pakai kali pertama untuk tidak mengasingkan kedua-dua bahagian ini apabila komponen liabiliti tidak lagi tertunggak pada tarikh pemakaian MPSAS.

MPSAS 29, Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran

Penetapan Instrumen Kewangan pada Tarikh Pemakaian MPSAS semasa Tempoh Peralihan

113. **Penerima pakai kali pertama boleh menetapkan aset kewangan atau liabiliti kewangan sebagai aset kewangan atau liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan yang memenuhi kriteria penetapan dalam MPSAS 29, menurut perenggan 114. Penerima pakai kali pertama hendaklah mendedahkan nilai saksama aset kewangan dan liabiliti kewangan yang ditetapkan ke dalam setiap kategori pada tarikh penetapan, klasifikasi dan amaun bawaannya.**
114. **MPSAS 29 membenarkan aset kewangan untuk ditetapkan pada pengiktirafan awal sebagai sedia dijual atau instrumen kewangan (dengan syarat memenuhi kriteria tertentu) untuk ditetapkan sebagai aset kewangan atau liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan. Walaupun terdapat keperluan ini, pengecualian boleh diguna pakai dalam keadaan berikut:**
- (a) **Penerima pakai kali pertama adalah dibenarkan untuk membuat penetapan sedia dijual pada tarikh pemakaian MPSAS.**
 - (b) **Penerima pakai kali pertama adalah dibenarkan untuk menetapkan, pada tarikh pemakaian MPSAS, apa-apa aset kewangan atau liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan, dengan syarat aset atau liabiliti tersebut memenuhi kriteria dalam perenggan 10(b)(i), 10(b)(ii) atau 13 dalam MPSAS 29 pada tarikh tersebut.**

Penyahiktirafan Aset Kewangan dan Liabiliti Kewangan

115. **Selain dari yang dibenarkan dalam perenggan 116, penerima pakai kali pertama hendaklah mengguna pakai keperluan penyahiktirafan dalam MPSAS 29 secara prospektif untuk urus niaga yang berlaku pada atau selepas dari tarikh pemakaian MPSAS, atau apabila penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian untuk tidak mengiktiraf instrumen kewangan, pada tarikh pengecualian yang memberikan pelepasan tersebut telah tamat tempoh dan/atau instrumen kewangan tersebut telah diiktiraf (yang mana lebih awal). Contohnya, jika penerima pakai kali pertama menyahiktiraf aset kewangan bukan derivatif atau liabiliti kewangan bukan derivatif mengikut asas perakaunan sebelumnya kesan daripada urus niaga yang berlaku sebelum tarikh pemakaian MPSAS, penerima pakai kali pertama tidak boleh mengiktiraf aset dan liabiliti tersebut menurut MPSAS 29, melainkan aset dan liabiliti itu layak untuk pengiktirafan kesan daripada peristiwa atau urus niaga kemudian.**
116. **Walau apa pun peruntukan dalam perenggan 115, penerima pakai kali pertama boleh mengguna pakai keperluan penyahiktirafan dalam MPSAS 29 secara retrospektif dari tarikh yang dipilih oleh penerima pakai kali pertama, dengan syarat maklumat yang diperlukan untuk mengguna pakai MPSAS 29 bagi aset kewangan dan liabiliti kewangan**

yang telah dinyahiktiraf sebagai kesan daripada urus niaga lampau telah diperolehi pada masa urus niaga ini mula diperakaunkan.

Perakaunan Lindung Nilai

117. Seperti yang dikehendaki oleh MPSAS 29, penerima pakai kali pertama hendaklah pada tarikh pemakaian MPSAS, atau apabila penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian yang memberikan tempoh pelepasan peralihan tiga tahun untuk tidak mengiktiraf dan/atau mengukur instrumen kewangan, pada tarikh apabila pengecualian yang memberikan pelepasan tersebut telah tamat tempoh dan/atau instrumen kewangan yang relevan telah diiktiraf dan/atau diukur menurut MPSAS yang berkenaan (yang mana lebih awal):
- (a) Mengukur semua derivatif pada nilai saksama; dan
 - (b) Menyingkirkan semua kerugian dan laba tertunda yang timbul daripada derivatif yang dilaporkan mengikut asas perakaunan sebelumnya seolah-olah kerugian dan laba tertunda ini merupakan aset atau liabiliti.
118. Penerima pakai kali pertama tidak boleh menggambarkan dalam penyata kedudukan kewangan pembukaannya, hubungan lindung nilai daripada jenis yang tidak layak untuk perakaunan lindung nilai menurut MPSAS 29 (contohnya, kebanyakan hubungan lindung nilai yang instrumen lindung nilainya ialah instrumen tunai atau opsyen bertulis; atau apabila item yang dilindung nilai ialah kedudukan bersih). Walau bagaimanapun, jika penerima pakai kali pertama menetapkan kedudukan bersih sebagai item dilindung nilai menurut asas perakaunan sebelumnya, penerima pakai kali pertama boleh menetapkan item individu dalam kedudukan bersih tersebut sebagai item dilindung nilai menurut MPSAS, dengan syarat penerima pakai kali pertama berbuat demikian tidak lewat dari tarikh pemakaian MPSAS atau jika penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian yang memberikan tempoh pelepasan peralihan tiga tahun untuk tidak mengiktiraf dan/atau mengukur instrumen kewangan, pada tarikh apabila pengecualian yang memberikan pelepasan itu telah tamat tempoh, dan/atau instrumen kewangan yang relevan telah diiktiraf dan/atau diukur menurut MPSAS yang berkenaan (yang mana lebih awal).
119. Jika, sebelum tarikh pemakaian MPSAS, atau apabila penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian yang memberikan tempoh pelepasan peralihan tiga tahun untuk tidak mengiktiraf dan/atau mengukur instrumen kewangan pada tarikh pengecualian yang memberikan pelepasan tersebut telah tamat tempoh, dan/atau instrumen kewangan yang relevan diiktiraf dan/atau diukur menurut MPSAS yang berkenaan (yang mana lebih awal), penerima pakai kali pertama telah menetapkan urus niaga sebagai lindung nilai tetapi lindung nilai itu tidak memenuhi syarat perakaunan lindung nilai dalam MPSAS 29, penerima pakai kali pertama hendaklah menggunakan perenggan 102 dan 112 dalam MPSAS 29 untuk menghentikan perakaunan lindung nilai.

Urus niaga yang dibuat sebelum tarikh pemakaian MPSAS, atau jika penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian yang memberikan tempoh pelepasan peralihan tiga tahun untuk tidak mengiktiraf dan/atau mengukur instrumen kewangan, pada tarikh apabila pengecualian peralihan itu telah tamat tempoh dan/atau instrumen kewangan yang relevan diiktiraf dan/atau diukur menurut MPSAS 29 (yang mana lebih awal), hendaklah tidak ditetapkan sebagai lindung nilai secara retrospektif.

Penjejasan Nilai Aset Kewangan

120. **Penerima pakai kali pertama hendaklah menggunakan keperluan penjejasan nilai secara prospektif dari tarikh pemakaian MPSAS, kecuali berkaitan dengan aset kewangan apabila penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian dalam perenggan 36, 38 dan 42 yang membenarkan tempoh pelepasan peralihan tiga tahun untuk tidak mengiktiraf dan/atau mengukur instrumen kewangan. Apabila penerima pakai kali pertama menerima pakai tempoh pelepasan peralihan tiga tahun yang diberikan, penerima pakai kali pertama menggunakan peruntukan penjejasan nilai apabila pengecualian yang memberikan pelepasan telah tamat tempoh, dan/atau instrumen kewangan yang relevan diiktiraf dan/atau diukur menurut MPSAS 29 (yang mana lebih awal).**
121. **Penerima pakai kali pertama hendaklah pada tarikh pemakaian MPSAS, atau jika pengecualian yang memberikan pelepasan telah tamat tempoh, dan/atau apabila instrumen kewangan yang relevan diiktiraf dan/atau diukur serta maklumat relevan telah dibentangkan dan/atau didedahkan dalam penyata kewangan menurut MPSAS yang berkenaan (yang mana lebih awal), menaksir pada tarikh tersebut sama ada terdapat apa-apa petunjuk bahawa instrumen kewangan yang diiktiraf dan/atau diukur dalam penyata kedudukan kewangan telah terjejas. Apa-apa kerugian penjejasan nilai yang ditanggung hendaklah diiktiraf dalam lebihan atau kekurangan terkumpul pembukaan dalam tempoh instrumen kewangan itu diiktiraf dan/atau diukur.**
122. **Penerima pakai kali pertama hendaklah menggunakan keperluan penjejasan nilai secara prospektif. Ini bermaksud bahawa pada tarikh pemakaian MPSAS 29, apabila pengecualian yang memberikan pelepasan telah tamat tempoh, dan/atau apabila instrumen kewangan yang relevan telah diiktiraf dan/atau diukur, penerima pakai kali pertama hendaklah menaksir sama ada terdapat petunjuk bahawa instrumen kewangan tersebut telah terjejas. Apa-apa kerugian penjejasan nilai hendaklah diiktiraf dalam lebihan atau kekurangan terkumpul pembukaan pada tarikh pemakaian MPSAS, atau dalam lebihan atau kekurangan terkumpul pembukaan bagi tempoh pelaporan apabila pengecualian yang memberikan pelepasan telah tamat tempoh, dan/atau instrumen kewangan yang relevan diiktiraf dan/atau diukur (yang mana lebih awal).**

MPSAS 30, Instrumen Kewangan: Pendedahan

123. **Apabila penerima pakai kali pertama memilih untuk membentangkan maklumat perbandingan menurut perenggan 78, maka tiada keperluan untuk membentangkan maklumat tentang jenis dan tahap risiko yang wujud daripada instrumen kewangan bagi**

tempoh perbandingan dalam penyata kewangan MPSAS peralihan atau penyata kewangan MPSAS pertamanya.

124. **Penerima pakai kali pertama hendaklah menggunakan keperluan dalam MPSAS 30 secara prospektif dari tarikh pemakaian MPSAS, atau apabila pengecualian yang memberikan pelepasan tersebut telah tamat tempoh, dan/atau apabila instrumen kewangan yang relevan diiktiraf dan/atau diukur menurut MPSAS 29 (yang mana lebih awal).**

MPSAS 31, Aset Tak Ketara

125. **Penerima pakai kali pertama hendaklah mengiktiraf dan/atau mengukur aset tak ketara yang dijana secara dalaman jika memenuhi takrif aset tak ketara dan kriteria pengiktirafan dalam MPSAS 31, walaupun penerima pakai kali pertama telah membelanjakan kos tersebut di bawah asas perakaunan sebelumnya. Kos anggapan mungkin tidak boleh ditentukan untuk aset tak ketara yang dijana secara dalaman.**
126. Seperti yang dikehendaki oleh perenggan 20, penerima pakai kali pertama dikehendaki untuk mengiktiraf semua aset yang pengiktirafannya diperlukan oleh MPSAS. Oleh itu, penerima pakai kali pertama hendaklah mengiktiraf mana-mana aset tak ketara yang dijana secara dalaman jika memenuhi takrif aset tak ketara dan kriteria pengiktirafan dalam MPSAS 31, tanpa mengira sama ada kos tersebut telah dibelanjakan di bawah asas perakaunan sebelumnya.

MPSAS 32, Pengaturan Konsesi Perkhidmatan

Pengukuran Awal Liabiliti yang Berkaitan

127. **Apabila penerima pakai kali pertama memilih untuk mengukur aset konsesi perkhidmatan menggunakan kos anggapan, liabiliti yang berkaitan hendaklah diukur seperti berikut:**
- (a) **Bagi liabiliti di bawah model liabiliti kewangan, baki aliran tunai berkontrak yang dinyatakan dalam pengaturan mengikat dan kadar yang ditetapkan dalam MPSAS 32; atau**
 - (b) **Bagi liabiliti di bawah model pemberian hak kepada operator, nilai saksama aset tolak apa-apa liabiliti kewangan, dilaraskan untuk menggambarkan baki tempoh pengaturan konsesi perkhidmatan.**
128. **Penerima pakai kali pertama hendaklah mengiktiraf dan/atau mengukur apa-apa perbezaan antara nilai aset konsesi perkhidmatan dengan liabiliti kewangan di bawah model liabiliti kewangan dalam perenggan 127 dalam lebihan atau kurangan terkumpul pembukaan pada tempoh item tersebut diiktiraf dan/ atau diukur.**

MPSAS 34, Penyata Kewangan Berasingan, MPSAS 35, Penyata Kewangan Disatukan dan MPSAS 36, Pelaburan dalam Entiti Bersekutu dan Usaha Sama

129. Jika entiti dikawal menjadi penerima pakai kali pertama lebih lewat daripada entiti mengawalinya, kecuali bagi entiti dikawal oleh entiti pelaburan, entiti dikawal itu hendaklah, dalam penyata kewangannya, mengukur aset dan liabilitinya sama ada:
- (a) Amaun bawaan yang ditentukan menurut MPSAS ini yang akan dimasukkan dalam penyata kewangan disatukan entiti mengawal, berdasarkan tarikh entiti dikawal mengguna pakai MPSAS, jika tiada pelarasan dibuat untuk prosedur penyatuan dan untuk kesan penggabungan entiti apabila entiti mengawal telah memperoleh entiti dikawal;
 - (b) Amaun bawaan yang dikehendaki oleh seluruh MPSAS ini, berdasarkan tarikh entiti dikawal mengguna pakai MPSAS. Amaun bawaan ini mungkin berbeza daripada yang diterangkan dalam (a):
 - (i) Apabila pengecualian dalam MPSAS ini menghasilkan pengukuran yang bergantung pada tarikh pemakaian MPSAS.
 - (ii) Apabila dasar perakaunan yang digunakan dalam penyata kewangan entiti dikawal berbeza daripada dasar perakaunan dalam penyata kewangan disatukan. Sebagai contoh, entiti dikawal mungkin menggunakan model kos sebagai dasar perakaunannya dalam MPSAS 17, manakala entiti ekonomi mungkin menggunakan model penilaian semula.

Pemilihan yang serupa adalah tersedia untuk entiti bersekutu atau usaha sama yang menjadi penerima pakai kali pertama lebih lewat daripada entiti yang mempunyai pengaruh signifikan atau kawalan bersama ke atasnya.

130. Walau bagaimanapun, jika entiti mengawal menjadi penerima pakai kali pertama lebih lewat daripada entiti dikawalnya (atau entiti bersekutu atau usaha sama) entiti mengawal hendaklah, dalam penyata kewangan disatukannya, mengukur aset dan liabiliti entiti dikawal (atau entiti bersekutu atau usaha sama) pada amaun bawaan yang sama seperti dalam penyata kewangan entiti dikawal (atau entiti bersekutu atau usaha sama), selepas pelarasan bagi penyatuan dan pelarasan perakaunan ekuiti serta untuk kesan penggabungan entiti apabila entiti mengawal telah memperoleh entiti dikawal (atau entiti bersekutu atau usaha sama), tertakluk pada pengecualian yang boleh diterima pakai mengikut terma MPSAS ini. Begitu juga, jika entiti dikawal menjadi penerima pakai kali pertama untuk penyata kewangan berasingannya lebih awal atau lebih lewat daripada penyata kewangan disatukan, maka entiti dikawal hendaklah mengukur aset dan liabilitinya pada amaun yang sama dalam kedua-dua penyata kewangan, tertakluk pada pengecualian yang mungkin diguna pakai dalam MPSAS ini, kecuali untuk pelarasan penyatuan.

MPSAS 35, Penyata Kewangan Disatukan

131. Penerima pakai kali pertama yang merupakan entiti dikawal hendaklah menaksir sama ada penerima pakai kali pertama merupakan entiti pelaburan atau tidak berdasarkan fakta dan keadaan yang wujud pada tarikh pemakaian MPSAS asas akruan, dan mengukur pelaburannya dalam setiap entiti dikawal pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan pada tarikh pemakaian MPSAS asas akruan.

MPSAS 37, Pengaturan Bersama

132. Apabila penerima pakai kali pertama mengambil kira pelaburannya dalam usaha sama bawah asas perakaunan sebelumnya menggunakan penyatuan berkadar, pelaburan dalam usaha sama itu hendaklah diukur pada tarikh pemakaian sebagai agregat amaun bawaan aset dan liabiliti yang disatukan secara berkadar oleh entiti sebelum ini, termasuk apa-apa muhibah dibeli yang timbul daripada urus niaga pemerolehan (lihat piawaian perakaunan antarabangsa atau kebangsaan relevan yang berkaitan dengan penggabungan entiti).
133. Baki pembukaan pelaburan yang ditentukan mengikut perenggan 132 dianggap sebagai kos anggapan pelaburan pada pengiktirafan awal. Penerima pakai kali pertama hendaklah menguji pelaburan terhadap penjejasan nilai pada tarikh pemakaian, tidak kira sama ada terdapat apa-apa petunjuk bahawa pelaburan mungkin terjejas. Apa-apa kerugian penjejasan nilai hendaklah dilaraskan kepada lebihan atau kurangan terkumpul pada tarikh pemakaian.
134. Jika mengagregatkan semua aset dan liabiliti yang disatukan secara berkadar sebelum ini menghasilkan aset bersih negatif, penerima pakai kali pertama hendaklah menaksir sama ada penerima pakai kali pertama mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif berhubung dengan aset bersih negatif tersebut dan, jika demikian, penerima pakai kali pertama hendaklah mengiktiraf liabiliti sepadan. Jika penerima pakai kali pertama menyimpulkan bahawa penerima pakai kali pertama tidak mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif berhubung dengan aset bersih negatif tersebut, penerima pakai kali pertama tidak akan mengiktiraf liabiliti sepadan tetapi hendaklah melaraskan lebihan atau kurangan terkumpul pada tarikh pemakaian. Penerima pakai kali pertama hendaklah mendedahkan fakta ini, bersama-sama bahagian kerugian yang tidak diiktiraf terkumpul dalam usaha samanya pada tarikh pemakaian MPSAS asas akruan.

Pendedahan

135. Penerima pakai kali pertama dengan penyata kewangan yang mematuhi keperluan MPSAS ini sambil memanfaatkan pengecualian dan peruntukan peralihan yang menjejaskan pembentangan saksama serta keupayaannya untuk menegaskan pematuhan dengan MPSAS asas akruan, hendaklah membuat pernyataan pematuhan yang eksplisit dan tidak tersirat dengan MPSAS ini dalam nota kepada penyata kewangan. Pernyataan ini hendaklah disertakan dengan pernyataan bahawa penyata kewangan tidak mematuhi

sepenuhnya dengan MPSAS asas akruan.

136. Apabila penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian peralihan dalam MPSAS ini, penerima pakai kali pertama hendaklah mendedahkan:
- (a) Setakat mana penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian peralihan yang menjejaskan pembentangan saksama penyata kewangan dan keupayaannya untuk menegaskan pematuhan dengan MPSAS asas akruan; dan/atau
 - (b) Setakat mana penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian peralihan yang tidak menjejaskan pembentangan saksama penyata kewangan dan keupayaannya untuk menegaskan pematuhan dengan MPSAS asas akruan.
137. Setakat yang penerima pakai kali pertama telah memanfaatkan pengecualian dan peruntukan peralihan dalam MPSAS ini yang menjejaskan pembentangan saksama serta pematuhan dengan MPSAS asas akruan berhubung dengan aset, liabiliti, hasil dan/atau belanja, penerima pakai kali pertama hendaklah mendedahkan:
- (a) Kemajuan yang dibuat ke arah mengiktiraf, mengukur, membentangkan dan/atau mendedahkan aset, liabiliti, hasil dan/atau belanja menurut keperluan MPSAS yang berkenaan;
 - (b) Aset, liabiliti, hasil dan/atau belanja yang telah diiktiraf dan diukur bawah dasar perakaunan yang tidak konsisten dengan keperluan MPSAS yang berkenaan;
 - (c) Aset, liabiliti, hasil dan/atau belanja yang belum diukur, dibentangkan dan/atau didedahkan dalam tempoh pelaporan sebelum ini, tetapi kini diiktiraf dan/atau diukur, dan/atau dibentangkan dan/atau didedahkan;
 - (d) Sifat dan amaun apa-apa pelarasan yang diiktiraf dalam tempoh pelaporan; dan
 - (e) Petunjuk tentang cara dan masa penerima pakai kali pertama berhasrat untuk mematuhi sepenuhnya keperluan MPSAS yang berkenaan.
138. Apabila penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian peralihan untuk tidak menyingkirkan sesetengah baki, urus niaga, hasil dan belanja, dan/atau jika penerima pakai kali pertama menggunakan pelepasan peralihan tiga tahun untuk pengiktirafan dan/atau pengukuran kepentingannya dalam entiti dikawal, entiti bersekutu atau usaha sama dalam perenggan 55, penerima pakai kali pertama hendaklah mendedahkan sifat baki, urus niaga, hasil dan belanja dan/atau urus niaga hulu atau hiliran yang telah disingkirkan dalam tempoh pelaporan.
139. Apabila penerima pakai kali pertama tidak dapat membentangkan penyata kewangan disatukan kerana pengecualian dan peruntukan peralihan yang diterima pakai dalam perenggan 58 atau 62, penerima pakai kali pertama hendaklah mendedahkan:

- (a) **Alasan mengapa penyata kewangan tersebut, pelaburan dalam entiti bersekutu atau kepentingan dalam usaha sama tidak dapat dibentangkan sebagai penyata kewangan disatukan; dan**
 - (b) **Petunjuk mengenai bila penerima pakai kali pertama akan dapat membentangkan penyata kewangan disatukan.**
140. Keperluan pendedahan di perenggan 135 dan 139 akan membantu pengguna menjejaki kemajuan dalam keakuran dasar perakaunannya terhadap keperluan dalam MPSAS yang berkenaan semasa tempoh peralihan tersebut.

Penjelasan tentang Peralihan kepada MPSAS

141. **Penerima pakai kali pertama hendaklah mendedahkan:**
- (a) **Tarikh pemakaian MPSAS; dan**
 - (b) **Maklumat dan penjelasan tentang bagaimana peralihan daripada asas perakaunan sebelumnya kepada MPSAS telah memberi kesan kepada kedudukan kewangan yang dilaporkannya, dan, jika sesuai, prestasi kewangan serta aliran tunai yang dilaporkannya.**

Penyesuaian

142. **Penerima pakai kali pertama hendaklah membentangkan dalam nota kepada penyata kewangan MPSAS peralihan atau penyata kewangan MPSAS pertamanya:**
- (a) **Penyesuaian aset bersih/ekuiti yang dilaporkan mengikut asas perakaunan sebelumnya dengan baki awal aset bersih/ekuiti pada tarikh pemakaian MPSAS; dan**
 - (b) **Penyesuaian lebihan atau kurangan menurut asas perakaunan sebelumnya dengan baki awal lebihan atau kurangan pada tarikh pemakaian MPSAS.**

Penerima pakai kali pertama yang telah mengguna pakai perakaunan asas tunai dalam penyata kewangan terdahulu tidak perlu membentangkan penyesuaian tersebut.

143. Penyesuaian yang dibentangkan menurut perenggan 142 hendaklah memberikan butiran yang mencukupi, kedua-dua kuantitatif dan kualitatif, untuk membolehkan pengguna memahami pelarasan yang material kepada penyata kedudukan kewangan pembukaan dan, jika berkenaan, penyata prestasi kewangan pembukaan yang dibentangkan menurut MPSAS asas akruan. Apabila penjelasan naratif disertakan dalam dokumen awam lain yang diterbitkan bersama dengan penyata kewangan, rujukan silang kepada dokumen itu hendaklah dimasukkan dalam nota tersebut.
144. Jika entiti menyedari kesilapan yang dibuat di bawah asas perakaunan sebelumnya, penyesuaian yang dikehendaki oleh perenggan 142 hendaklah membezakan pembetulan terhadap kesilapan tersebut daripada perubahan dasar perakaunan.

145. **Jika entiti tidak membentangkan penyata kewangan untuk tempoh sebelumnya, penyata kewangan MPSAS peralihan atau penyata kewangan MPSAS pertamanya hendaklah mendedahkan fakta tersebut.**
146. **Jika penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian dalam perenggan 36–43 yang membenarkan tempoh pelepasan peralihan tiga tahun untuk tidak mengiktiraf dan/atau mengukur item, penerima pakai kali pertama hendaklah membentangkan sebagai sebahagian daripada nota, penyesuaian item yang telah diiktiraf dan/atau diukur dalam tempoh pelaporan apabila item tersebut tidak dimasukkan dalam penyata kewangan yang dilaporkan sebelumnya. Penyesuaian ini hendaklah dibentangkan dalam setiap tempoh apabila item baharu diiktiraf dan/atau diukur menurut MPSAS ini.**
147. Penyesuaian yang dibentangkan menurut perenggan 146 memberikan butiran yang mencukupi bagi membolehkan pengguna untuk memahami item yang telah diiktiraf dan/atau diukur semasa tempoh pelaporan apabila penerima pakai kali pertama menggunakan pakai salah satu daripada pengecualian yang memberikan tempoh pelepasan peralihan tiga tahun untuk tidak mengiktiraf dan/atau mengukur sesuatu item. Penyesuaian itu menerangkan pelarasan kepada penyata kedudukan kewangan yang dilaporkan sebelumnya dan, jika berkenaan, penyata prestasi kewangan yang dilaporkan sebelumnya dalam setiap tempoh apabila item baharu diiktiraf dan/atau diukur menurut MPSAS ini.

Pendedahan apabila Kos Anggaran digunakan untuk Inventori, Hartanah Pelaburan, Hartanah, Loji dan Peralatan, Aset Tak Ketara, Instrumen Kewangan atau Aset Konsesi Perkhidmatan

148. **Jika penerima pakai kali pertama menggunakan nilai saksama, atau alternatif dalam perenggan 64, 67 atau 70, sebagai kos anggaran bagi inventori, hartanah pelaburan, hartanah, loji dan peralatan, aset tak ketara, instrumen kewangan atau aset konsesi perkhidmatan, penyata kewangannya hendaklah mendedahkan:**
- (a) **Agregat nilai saksama tersebut atau alternatif pengukuran lain yang dipertimbangkan dalam menentukan kos anggaran;**
 - (b) **Pelarasan agregat kepada amaun bawaan yang diiktiraf di bawah asas perakaunan sebelumnya; dan**
 - (c) **Sama ada kos anggaran telah ditentukan pada tarikh pemakaian MPSAS atau semasa tempoh peralihan.**

Pendedahan Apabila Kos Anggaran Digunakan untuk Pelaburan dalam Entiti Dikawal, Usaha Sama atau Entiti Bersekutu

149. **Jika penerima pakai kali pertama menggunakan nilai saksama sebagai kos anggaran dalam penyata kedudukan kewangan pembukaan bagi pelaburan dalam entiti dikawal, usaha sama atau entiti bersekutu dalam penyata kewangan berasingannya, penyata kewangan**

berasingannya hendaklah mendedahkan:

- (a) Agregat kos anggapan pelaburan tersebut yang mana kos anggapan adalah nilai saksama; dan
 - (b) Pelarasan agregat kepada amaun bawaan yang dilaporkan di bawah asas perakaunan sebelumnya.
150. Keperluan pendedahan yang dikehendaki dalam perenggan 148 dan 149 hendaklah didedahkan dalam setiap tempoh apabila item baharu diiktiraf dan/atau diukur sehingga pengecualian yang memberikan pelepasan telah tamat tempoh dan/atau apabila aset yang relevan diiktiraf dan/atau diukur menurut MPSAS yang berkenaan (yang mana lebih awal).

Pengecualian daripada Keperluan Pendedahan dalam MPSAS semasa Tempoh Peralihan

151. Setakat yang penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian yang memberikan tempoh pelepasan tiga tahun untuk tidak mengiktiraf dan/atau mengukur item, tiada keperluan untuk membuat apa-apa pembentangan berkaitan dan/atau pendedahan berkaitan dengan item tersebut seperti yang dikehendaki dalam MPSAS 1 dan/atau MPSAS yang berkenaan sehingga masa pengecualian yang memberikan pelepasan tersebut telah tamat tempoh dan/atau apabila item yang relevan telah diiktiraf dan/atau diukur menurut MPSAS yang berkenaan (yang mana lebih awal).
152. Walau apa pun peruntukan peralihan dalam perenggan 151, penerima pakai kali pertama digalakkan untuk mendedahkan maklumat yang dikehendaki oleh MPSAS 1 dan/atau MPSAS yang berkenaan secepat yang mungkin.

Peruntukan Peralihan

153. Apabila penerima pakai kali pertama telah mengguna pakai peruntukan peralihan sedia ada dalam MPSAS asas akruan lain, penerima pakai kali pertama hendaklah terus menggunakan peruntukan peralihan tersebut sehingga peruntukan tersebut tamat tempoh dan/atau item yang relevan diiktiraf dan/atau diukur menurut MPSAS yang berkenaan (yang mana lebih awal). Jika penerima pakai kali pertama memilih untuk mengguna pakai pengecualian peralihan dalam MPSAS ini, tempoh pelepasan yang digunakan dalam menerima pakai MPSAS asas akruan, tidak boleh melebihi tempoh pelepasan yang diperuntukkan dalam MPSAS ini.

Tarikh Kuat Kuasa

154. Penerima pakai kali pertama hendaklah menggunakan Piawaian ini jika penyata kewangan MPSAS pertamanya adalah untuk tempoh yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2017. Penggunaan lebih awal dibenarkan.

Lampiran A

Pindaan ke atas MPSAS Lain

MPSAS 1, *Pembentangan Penyata Kewangan*

Perenggan 151, 152 dan 154 telah dipinda dan perenggan 154A ditambah seperti berikut:

Peruntukan Peralihan

151. ~~Semua peruntukan dalam Piawaian ini berkuat kuasa dari tarikh Piawaian ini pertama kali diterima pakai, kecuali berkaitan dengan item yang belum diiktiraf akibat daripada peruntukan peralihan di bawah MPSAS lain. Peruntukan pendedahan bagi Piawaian ini tidak perlu diguna pakai ke atas item tersebut sehingga peruntukan peralihan dalam MPSAS lain tamat tempoh. Maklumat perbandingan tidak diperlukan bagi penyata kewangan yang menerima pakai asas perakaunan akruan buat pertama kalinya berdasarkan MPSAS.~~
152. ~~Walaupun terdapat peruntukan peralihan di bawah MPSAS yang lain, entiti digalakkan mematuhi sepenuhnya peruntukan dalam Piawaian lain seberapa segera yang mungkin semasa dalam proses menerima pakai asas perakaunan akruan untuk tujuan pelaporan kewangan.~~

Tarikh Kuat Kuasa

154. Apabila entiti menerima pakai perakaunan asas akruan MPSAS seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 33, Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan oleh MPSAS untuk tujuan pelaporan kewangan selepas tarikh kuat kuasa ini, Piawaian ini terpakai kepada penyata kewangan tahunan entiti yang meliputi tempoh yang bermula pada atau selepas tarikh pemakaian MPSAS.
- 154A. **Perenggan 151, 152 dan 154 telah dipinda oleh MPSAS 33, Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan yang diterbitkan pada Januari 2016. Entiti hendaklah menggunakan pindaan itu untuk penyata kewangan tahunan yang meliputi tempoh yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2017. Penggunaan lebih awal adalah dibenarkan. Sekiranya entiti mengguna pakai MPSAS 33 untuk tempoh yang bermula sebelum 1 Januari 2017, pindaan itu hendaklah juga digunakan untuk tempoh awal tersebut.**

MPSAS 2, *Penyata Aliran Tunai*

Perenggan 64 telah dipinda dan perenggan 64A ditambah seperti berikut:

Tarikh Kuat Kuasa

64. Apabila entiti menerima pakai perakaunan asas akruan MPSAS seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 33, Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan oleh ~~MPSAS~~ untuk tujuan pelaporan kewangan selepas tarikh kuat kuasa ini, Piawaian ini terpakai kepada penyata kewangan tahunan entiti yang meliputi tempoh yang bermula pada atau selepas tarikh pemakaian MPSAS.
- 64A. **Perenggan 64 telah dipinda oleh MPSAS 33, Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan yang diterbitkan pada Januari 2016. Entiti hendaklah menggunakan pindaan itu untuk penyata kewangan tahunan yang meliputi tempoh yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2017. Penggunaan lebih awal adalah dibenarkan. Sekiranya entiti mengguna pakai MPSAS 33 untuk tempoh yang bermula sebelum 1 Januari 2017, pindaan itu hendaklah juga digunakan untuk tempoh awal tersebut.**

MPSAS 3, *Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan*

Perenggan 60 telah dipinda dan perenggan 60A ditambah seperti berikut:

Tarikh Kuat Kuasa

60. Apabila entiti menerima pakai perakaunan asas akruan MPSAS seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 33, Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan oleh ~~MPSAS~~ untuk tujuan pelaporan kewangan selepas tarikh kuat kuasa ini, Piawaian ini terpakai kepada penyata kewangan tahunan entiti yang meliputi tempoh yang bermula pada atau selepas tarikh pemakaian MPSAS.
- 60A. **Perenggan 60 telah dipinda oleh MPSAS 33, Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan yang diterbitkan pada Januari 2016. Entiti hendaklah menggunakan pindaan itu untuk penyata kewangan tahunan yang meliputi tempoh yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2017. Penggunaan lebih awal adalah dibenarkan. Sekiranya entiti mengguna pakai MPSAS 33 untuk tempoh yang bermula sebelum 1 Januari 2017, pindaan itu hendaklah juga digunakan untuk tempoh awal tersebut.**

MPSAS 4, *Kesan Perubahan dalam Urus Niaga Pertukaran Asing*

Perenggan 67, 68, 69 dan 72 telah dipinda dan perenggan 72A ditambah seperti berikut:

Peruntukan Peralihan

Pemakaian Kali Pertama Perakaunan Akruan

- ~~67. Entiti pelaporan tidak dikehendaki mematuhi keperluan bagi perbezaan terjemahan terkumpul yang wujud pada tarikh mula menerima pakai perakaunan akruan menurut MPSAS. Jika penerima pakai kali pertama menggunakan pengecualian ini:~~
- ~~(a) Perbezaan terjemahan terkumpul bagi semua operasi asing itu dianggap sifar pada tarikh mula menerima pakai MPSAS; dan~~
 - ~~(b) Laba dan rugi daripada pelupusan berikutnya bagi mana-mana operasi asing hendaklah mengecualikan perbezaan terjemahan yang timbul sebelum tarikh mula menerima pakai MPSAS, dan hendaklah memasukkan perbezaan terjemahan yang berikutnya.~~
- ~~68. Piawaian ini menghendaki entiti untuk:~~
- ~~(a) Mengklasifikasikan sesetengah perbezaan terjemahan sebagai komponen berasingan aset bersih/ekuiti; dan~~
 - ~~(b) Apabila operasi asing itu dilupuskan, memindahkan perbezaan terjemahan terkumpul bagi operasi asing kepada penyata prestasi kewangan sebagai sebahagian daripada laba atau rugi daripada pelupusan.~~

~~Peruntukan peralihan ini memberikan pengecualian daripada keperluan ini kepada penerima pakai MPSAS kali pertama.~~

Peruntukan Peralihan bagi Semua Entiti

- ~~69. Entiti hendaklah mengguna pakai perenggan 56 secara prospektif bagi semua pemerolehan yang berlaku selepas bermulanya tempoh pelaporan kewangan yang menerima pakai Piawaian ini buat pertama kali. Penggunaan retrospektif perenggan 56 terhadap pemerolehan terdahulu adalah dibenarkan. Bagi pemerolehan operasi asing yang diolah secara prospektif, tetapi berlaku sebelum tarikh Piawaian ini kali pertama diterima pakai, entiti tidak perlu menyatakan semula tahun sebelumnya dan jika bersesuaian, mengolah pelarasan muhibah dan nilai saksama yang timbul daripada pemerolehan tersebut sebagai aset dan liabiliti entiti dan bukannya sebagai aset dan liabiliti operasi asing. Oleh itu, pelarasan muhibah dan nilai saksama itu adalah sama ada telah dinyatakan dalam mata wang fungsian entiti tersebut atau item mata wang asing bukan monetari, yang telah dilaporkan menggunakan kadar pertukaran pada tarikh pemerolehan itu.~~

**MPSAS 33 – Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS)
Asas Akruan**

70. ~~Semua perubahan lain yang terhasil daripada penggunaan Piawaian ini hendaklah diakaunkan menurut keperluan MPSAS 3, *Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan*.~~

Tarikh Kuat Kuasa

72. Apabila entiti menerima pakai perakaunan asas akruan MPSAS seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 33, *Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan* oleh MPSAS untuk tujuan pelaporan kewangan selepas tarikh kuat kuasa ini, Piawaian ini terpakai kepada penyata kewangan tahunan entiti yang meliputi tempoh yang bermula pada atau selepas tarikh pemakaian MPSAS.
- 72A. Perenggan 67, 68, 69 dan 72 telah dipinda oleh MPSAS 33, *Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan* yang diterbitkan pada Januari 2016. Entiti hendaklah menggunakan pindaan itu untuk penyata kewangan tahunan yang meliputi tempoh yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2017. Penggunaan lebih awal adalah dibenarkan. Sekiranya entiti mengguna pakai MPSAS 33 untuk tempoh yang bermula sebelum 1 Januari 2017, pindaan itu hendaklah juga digunakan untuk tempoh awal tersebut.

MPSAS 5, *Kos Pinjaman*

Perenggan 41 dan 43 telah dipinda dan perenggan 43A ditambah seperti berikut:

Peruntukan Peralihan

41. ~~Apabila menerima pakai Piawaian ini menyebabkan perubahan dalam dasar perakaunan, entiti digalakkan untuk menyelaraskan penyata kewangannya menurut MPSAS 3, *Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan*. Sebagai pilihan, entiti yang menggunakan pengolahan alternatif dibenarkan hendaklah mempermodalkan kos pinjaman yang hanya ditanggung selepas tarikh kuat kuasa Piawaian ini dan memenuhi kriteria untuk dipermodalkan.~~

Tarikh Kuat Kuasa

43. Apabila entiti menerima pakai perakaunan asas akruan MPSAS seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 33, *Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan* oleh MPSAS untuk tujuan pelaporan kewangan selepas tarikh kuat kuasa ini, Piawaian ini terpakai kepada penyata kewangan tahunan entiti yang meliputi tempoh yang bermula pada atau selepas tarikh pemakaian MPSAS.
- 43A. Perenggan 41 dan 43 telah dipinda oleh MPSAS 33, *Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan* yang diterbitkan pada Januari 2016. Entiti hendaklah menggunakan pindaan itu untuk penyata kewangan tahunan yang meliputi tempoh yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2017. Penggunaan lebih awal adalah dibenarkan. Sekiranya entiti mengguna pakai MPSAS 33 untuk tempoh yang

bermula sebelum 1 Januari 2017, pindaan itu hendaklah juga digunakan untuk tempoh awal tersebut.

MPSAS 9, Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran

Perenggan 42 telah dipinda dan perenggan 42A ditambah seperti berikut:

Tarikh Kuat Kuasa

42. Apabila entiti menerima pakai perakaunan asas akruan MPSAS seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 33, Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan oleh ~~MPSAS~~ untuk tujuan pelaporan kewangan selepas tarikh kuat kuasa ini, Piawaian ini terpakai kepada penyata kewangan tahunan entiti yang meliputi tempoh yang bermula pada atau selepas tarikh pemakaian MPSAS.
- 42A. **Perenggan 42 telah dipinda oleh MPSAS 33, Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan yang diterbitkan pada Januari 2016. Entiti hendaklah menggunakan pindaan itu untuk penyata kewangan tahunan yang meliputi tempoh yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2017. Penggunaan lebih awal adalah dibenarkan. Sekiranya entiti mengguna pakai MPSAS 33 untuk tempoh yang bermula sebelum 1 Januari 2017, pindaan itu hendaklah juga digunakan untuk tempoh awal tersebut.**

MPSAS 11, Kontrak Pembinaan

Perenggan 58 telah dipinda dan perenggan 58A ditambah seperti berikut:

Tarikh Kuat Kuasa

58. Apabila entiti menerima pakai perakaunan asas akruan MPSAS seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 33, Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan oleh ~~MPSAS~~ untuk tujuan pelaporan kewangan selepas tarikh kuat kuasa ini, Piawaian ini terpakai kepada penyata kewangan tahunan entiti yang meliputi tempoh yang bermula pada atau selepas tarikh pemakaian MPSAS.
- 58A. **Perenggan 58 telah dipinda oleh MPSAS 33, Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan yang diterbitkan pada Januari 2016. Entiti hendaklah menggunakan pindaan itu untuk penyata kewangan tahunan yang meliputi tempoh yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2017. Penggunaan lebih awal adalah dibenarkan. Sekiranya entiti mengguna pakai MPSAS 33 untuk tempoh yang bermula sebelum 1 Januari 2017, pindaan itu hendaklah juga digunakan untuk tempoh awal tersebut.**

MPSAS 12, *Inventori*

Perenggan 52 telah dipinda dan perenggan 52A ditambah seperti berikut:

Tarikh Kuat Kuasa

52. Apabila entiti menerima pakai perakaunan asas akruan MPSAS seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 33, Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan oleh ~~MPSAS~~ untuk tujuan pelaporan kewangan selepas tarikh kuat kuasa ini, Piawaian ini terpakai kepada penyata kewangan tahunan entiti yang meliputi tempoh yang bermula pada atau selepas tarikh pemakaian MPSAS.
- 52A. **Perenggan 52 telah dipinda oleh MPSAS 33, Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan yang diterbitkan pada Januari 2016. Entiti hendaklah menggunakan pindaan itu untuk penyata kewangan tahunan yang meliputi tempoh yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2017. Penggunaan lebih awal adalah dibenarkan. Sekiranya entiti mengguna pakai MPSAS 33 untuk tempoh yang bermula sebelum 1 Januari 2017, pindaan itu hendaklah juga digunakan untuk tempoh awal tersebut.**

MPSAS 13, *Pajakan*

Perenggan 79, 80 dan 86 telah dipinda dan perenggan 86A ditambah seperti berikut:

Peruntukan Peralihan

79. ~~Semua peruntukan dalam Piawaian ini hendaklah diguna pakai dari tarikh pertama kali perakaunan akruan diterima pakai menurut MPSAS, kecuali yang berkaitan dengan aset pajakan yang belum diiktiraf sebagai kesan daripada peruntukan peralihan di bawah MPSAS lain. Peruntukan Piawaian ini tidak perlu diguna pakai terhadap aset tersebut sehingga peruntukan peralihan dalam MPSAS lain tamat. Dalam apa jua keadaan kewujudan peruntukan peralihan dalam Piawaian lain hendaklah tidak menghalang penggunaan penuh perakaunan akruan menurut MPSAS.~~
80. ~~Walaupun terdapat peruntukan peralihan di bawah MPSAS yang lain, entiti yang sedang dalam proses menerima pakai perakaunan asas akruan digalakkan untuk mematuhi sepenuhnya peruntukan dalam Piawaian lain tersebut secepat mungkin.~~

Tarikh Kuat Kuasa

86. Apabila entiti menerima pakai perakaunan asas akruan MPSAS seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 33, Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan oleh ~~MPSAS~~ untuk tujuan pelaporan kewangan selepas tarikh kuat kuasa ini, Piawaian ini terpakai kepada penyata kewangan tahunan entiti yang meliputi tempoh yang bermula pada atau selepas tarikh pemakaian MPSAS.

MPSAS 33 – Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS)
Asas Akruan

- 86A. Perenggan 79, 80 dan 86 telah dipinda oleh MPSAS 33, Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan yang diterbitkan pada Januari 2016. Entiti hendaklah menggunakan pindaan itu untuk penyata kewangan tahunan yang meliputi tempoh yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2017. Penggunaan lebih awal adalah dibenarkan. Sekiranya entiti mengguna pakai MPSAS 33 untuk tempoh yang bermula sebelum 1 Januari 2017, pindaan itu hendaklah juga digunakan untuk tempoh awal tersebut.

MPSAS 14, Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan

Perenggan 33 telah dipinda dan perenggan 33A ditambah seperti berikut:

Tarikh Kuat Kuasa

33. Apabila entiti menerima pakai perakaunan asas akruan MPSAS seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 33, Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan oleh MPSAS untuk tujuan pelaporan kewangan selepas tarikh kuat kuasa ini, Piawaian ini terpakai kepada penyata kewangan tahunan entiti yang meliputi tempoh yang bermula pada atau selepas tarikh pemakaian MPSAS.
- 33A. Perenggan 33 telah dipinda oleh MPSAS 33, Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan yang diterbitkan pada Januari 2016. Entiti hendaklah menggunakan pindaan itu untuk penyata kewangan tahunan yang meliputi tempoh yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2017. Penggunaan lebih awal adalah dibenarkan. Sekiranya entiti mengguna pakai MPSAS 33 untuk tempoh yang bermula sebelum 1 Januari 2017, pindaan itu hendaklah juga digunakan untuk tempoh awal tersebut.

MPSAS 16, Hartanah Pelaburan

Perenggan 91, 92, 93, 94, 95, 96, 98, 99 dan 102 telah dipinda dan perenggan 102A ditambah seperti berikut:

Peruntukan Peralihan

~~Pemakaian Awal Perakaunan Akruan~~

91. ~~Entiti yang menerima pakai perakaunan akruan mengikut MPSAS buat pertama kali hendaklah pada awalnya mengiktiraf hartanah pelaburan pada kos atau nilai saksama. Bagi hartanah pelaburan yang diperoleh tanpa apa-apa kos atau pada kos yang nominal, kos adalah nilai saksama hartanah pelaburan pada tarikh pemerolehan.~~
92. ~~Entiti hendaklah mengiktiraf kesan pengiktirafan awal hartanah pelaburan sebagai pelarasan kepada baki awal bagi lebihan atau kekurangan terkumpul dalam tempoh perakaunan akruan pertama kali diterima pakai mengikut MPSAS.~~

**MPSAS 33 – Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS)
Asas Akruan**

93. Sebelum pemakaian perakaunan akruan buat kali pertama mengikut MPSAS, entiti:
- (a) boleh mengiktiraf hartanah pelaburan pada asas selain kos atau nilai saksama seperti yang ditakrifkan dalam Piawaian ini, atau
 - (b) boleh mengawal hartanah pelaburan yang belum diiktiraf.

Piawaian ini menghendaki entiti pada awalnya mengiktiraf hartanah pelaburan pada kos atau nilai saksama pada tarikh pemakaian perakaunan akruan buat pertama kali selaras dengan MPSAS. Jika aset pada awalnya diiktiraf pada kos dan diperoleh tanpa apa-apa kos, atau kos yang nominal, kos akan ditentukan dengan merujuk nilai saksama hartanah pelaburan pada tarikh pemerolehan. Jika kos pemerolehan hartanah pelaburan tidak diketahui, maka kosnya boleh dianggarkan dengan merujuk nilai saksama pada tarikh pemerolehan.

Model Nilai Saksama

94. ~~Di bawah model nilai saksama, entiti hendaklah mengiktiraf kesan mengguna pakai Piawaian ini sebagai pelarasan kepada baki awal lebih atau kurangan terkumpul bagi tempoh Piawaian ini pertama kali diguna pakai. Selain itu:~~

- ~~(a) Jika entiti sebelum ini telah mendedahkan kepada awam (dalam penyata kewangan atau selainnya) nilai saksama hartanah pelaburannya dalam tempoh sebelum ini (ditentukan atas dasar yang memenuhi takrifan nilai saksama dalam perenggan 7 dan panduan dalam perenggan 45–61), entiti digalakkan, tetapi tidak dikehendaki untuk:~~
 - ~~(i) Melaraskan baki awal lebih atau kurangan terkumpul bagi tempoh terawal pembentangan apabila nilai saksama itu didedahkan kepada awam; dan~~
 - ~~(ii) Menyatakan semula maklumat boleh banding bagi tempoh tersebut; dan~~
- ~~(b) Jika entiti belum mendedahkan kepada awam maklumat yang dinyatakan dalam (a), ia tidak perlu menyatakan semula maklumat boleh banding dan hendaklah mendedahkan fakta tersebut.~~

95. Semasa menerima pakai Piawaian ini buat pertama kali, entiti boleh memilih untuk mengguna pakai model nilai saksama bagi hartanah pelaburan yang telah diiktiraf dalam penyata kewangannya. Apabila ini berlaku, Piawaian ini menghendaki apa-apa pelarasan kepada amaun bawaan hartanah pelaburan itu dimasukkan dalam baki awal lebih atau kurangan terkumpul bagi tempoh Piawaian ini pertama kali diterima pakai. Piawaian ini menghendaki pengolohan yang berbeza daripada yang dikehendaki oleh MPSAS 3. MPSAS 3 menghendaki maklumat boleh banding dinyatakan semula melainkan ia tidak praktikal untuk berbuat demikian. Piawaian ini hanya menggalakkan maklumat boleh banding sebegini dinyatakan semula dalam keadaan tertentu.

MPSAS 33 – Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan

96. Apabila entiti pertama kali mengguna pakai Piawaian ini, pelarasan kepada baki awal lebihan atau kurangan terkumpul hendaklah termasuk pengelasan semula apa-apa amaun yang dipegang dalam lebihan penilaian semula bagi hartanah pelaburan.

Model Kos

98. Sebelum menerima pakai Piawaian ini buat pertama kali, entiti boleh mengiktiraf hartanah pelaburannya berasaskan selain kos, contohnya, nilai saksama atau asas pengukuran lain. MPSAS 3 diterima pakai jika terdapat apa-apa perubahan dalam dasar perakaunan yang dibuat apabila entiti menerima pakai Piawaian ini buat pertama kali dan memilih untuk menggunakan model kos. Kesan perubahan dasar perakaunan ini termasuk pengelasan semula apa-apa amaun yang dipegang dalam lebihan penilaian semula bagi hartanah pelaburan.
99. MPSAS 3 menghendaki entiti mengguna pakai dasar perakaunan secara retrospektif, melainkan ia tidak praktikal untuk berbuat demikian. Oleh itu, apabila entiti:
- (a) — membuat pengiktirafan awal hartanah pelaburan pada kos, dan
 - (b) — memilih untuk menggunakan model kos mengikut Piawaian ini, entiti hendaklah juga mengiktiraf apa-apa susut nilai terkumpul dan apa-apa kerugian penjejakan terkumpul yang berkaitan dengan hartanah itu, seolah-olah entiti telah menerima pakai dasar perakaunan ini sejak awal lagi.

Tarikh Kuat Kuasa

102. Apabila entiti menerima pakai perakaunan asas akruan MPSAS seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 33, Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan oleh MPSAS untuk tujuan pelaporan kewangan selepas tarikh kuat kuasa ini, Piawaian ini terpakai kepada penyata kewangan tahunan entiti yang meliputi tempoh yang bermula pada atau selepas tarikh pemakaian MPSAS.
- 102A. **Perenggan 91, 92, 93, 94, 95, 96, 98, 99 dan 102 telah dipinda oleh MPSAS 33, Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan yang diterbitkan pada Januari 2016. Entiti hendaklah menggunakan pindaan itu untuk penyata kewangan tahunan yang meliputi tempoh yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2017. Penggunaan lebih awal adalah dibenarkan. Sekiranya entiti mengguna pakai MPSAS 33 untuk tempoh yang bermula sebelum 1 Januari 2017, pindaan itu hendaklah juga digunakan untuk tempoh awal tersebut.**

MPSAS 17, Hartanah, Loji dan Peralatan

Perenggan 95, 96, 97, 98, 99, 100, 101, 102, 103, 104 dan 108 telah dipinda dan perenggan 108A ditambah seperti berikut:

Peruntukan Peralihan

95. ~~Entiti tidak perlu mengiktiraf hartanah, loji dan peralatan bagi tempoh pelaporan bermula pada tarikh dalam tempoh lima tahun selepas tarikh pertama kali entiti menerima pakai perakaunan akruan menurut MPSAS.~~
96. ~~Entiti yang mengguna pakai perakaunan akruan menurut MPSAS buat pertama kali hendaklah pada awalnya mengiktiraf hartanah, loji dan peralatan pada kos atau nilai saksama. Untuk item hartanah, loji dan peralatan yang diperolehi tanpa sebarang kos, atau pada kos nominal, kos adalah nilai saksama item pada tarikh pemerolehan.~~
97. ~~Entiti hendaklah mengiktiraf kesan pengiktirafan awal hartanah, loji dan peralatan sebagai pelarasan kepada baki awal bagi lebih atau kurang terkumpul bagi tempoh semasa hartanah, loji dan peralatan pada peringkat awal pengiktirafan.~~
98. Sebelum mengguna pakai Piawaian ini buat pertama kali, entiti boleh mengiktiraf hartanah, loji dan peralatan pada asas selain kos atau nilai saksama seperti yang ditakrifkan dalam Piawaian ini, atau boleh mengawal aset yang belum diiktirafnya. Piawaian ini menghendaki entiti pada awalnya mengiktiraf item hartanah, loji dan peralatan pada kos atau nilai saksama pada tarikh pengiktirafan awal selaras dengan Piawaian ini. Jika aset pada awalnya diiktiraf pada kos dan diperolehi tanpa sebarang kos, atau kos nominal, kos akan ditentukan dengan merujuk nilai saksama aset pada tarikh pemerolehan. Jika kos pemerolehan aset tidak diketahui, maka kosnya boleh dianggarkan dengan merujuk nilai saksama aset pada tarikh pemerolehan.
99. MPSAS 3 menghendaki entiti mengguna pakai dasar perakaunan secara retrospektif melainkan ia tidak praktikal untuk berbuat demikian. Oleh itu, apabila entiti pada awalnya mengiktiraf item hartanah, loji dan peralatan pada kos menurut Piawaian ini, maka ia hendaklah juga mengiktiraf apa apa susut nilai terkumpul dan apa apa kerugian penjejasan nilai terkumpul yang berkaitan dengan item itu, seolah-olah ia sentiasa mengguna pakai dasar perakaunan tersebut.
100. Perenggan 14 Piawaian ini menghendaki kos bagi item hartanah, loji dan peralatan diiktiraf sebagai aset jika, dan hanya jika:
 - (a) Terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang berkaitan dengan item tersebut akan mengalir kepada entiti; dan
 - (b) Kos atau nilai saksama item tersebut boleh diukur dengan munasabah.
101. ~~Peruntukan peralihan dalam perenggan 95 dan 96 bertujuan untuk memberikan kelonggaran kepada entiti yang cuba mematuhi peruntukan Piawaian ini, dalam konteks untuk melaksanakan~~

MPSAS 33 – Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan

perakaunan akruan buat pertama kalinya menurut MPSAS, bermula dari tarikh kuat kuasa Piawaian ini atau selepasnya. Apabila entiti menerima pakai perakaunan akruan menurut MPSAS buat pertama kalinya, biasanya terdapat kesukaran untuk mengumpulkan maklumat komprehensif tentang kewujudan dan penilaian aset. Atas sebab ini, bagi tempoh lima tahun selepas tarikh mula menerima pakai perakaunan akruan menurut MPSAS ini, entiti tidak perlu mematuhi sepenuhnya keperluan dalam perenggan 14.

102. Walaupun terdapat peruntukan peralihan dalam perenggan 95 dan 96, entiti yang sedang dalam proses untuk mengguna pakai perakaunan akruan digalakkan untuk mematuhi sepenuhnya peruntukan Piawaian ini seberapa segera yang mungkin.
103. Pengecualian daripada keperluan dalam perenggan 14 membawa maksud bahawa pengukuran yang berkaitan dan peruntukan pendedahan Piawaian ini tidak perlu dipatuhi berhubung dengan aset atau kelas aset yang tidak diiktiraf di bawah perenggan 95 dan 96.
104. ~~Apabila entiti menggunakan peruntukan peralihan dalam perenggan 95 dan 96, fakta tersebut hendaklah didedahkan. Maklumat tentang kelas utama aset yang tidak diiktiraf menurut perenggan 95 hendaklah juga didedahkan. Apabila entiti menggunakan peruntukan peralihan bagi tempoh pelaporan kedua atau yang berikutnya, butiran aset atau kelas aset yang tidak diiktiraf pada tarikh pelaporan sebelumnya tetapi kini diiktiraf hendaklah didedahkan.~~

Tarikh Kuat Kuasa

108. Apabila entiti menerima pakai perakaunan asas akruan MPSAS seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 33, Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan oleh MPSAS untuk tujuan pelaporan kewangan selepas tarikh kuat kuasa ini, Piawaian ini terpakai kepada penyata kewangan tahunan entiti yang meliputi tempoh yang bermula pada atau selepas tarikh pemakaian MPSAS.
- 108A. Perenggan 95, 96, 97, 98, 99, 100, 101, 102, 103, 104 dan 108 telah dipinda oleh MPSAS 33, Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan yang diterbitkan pada Januari 2016. Entiti hendaklah menggunakan pindaan itu untuk penyata kewangan tahunan yang meliputi tempoh yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2017. Penggunaan lebih awal adalah dibenarkan. Sekiranya entiti mengguna pakai MPSAS 33 untuk tempoh yang bermula sebelum 1 Januari 2017, pindaan itu hendaklah juga digunakan untuk tempoh awal tersebut.

MPSAS 19, *Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka*

Perenggan 110 dan 112 telah dipinda dan perenggan 112A ditambah seperti berikut:

Peruntukan Peralihan

- ~~110. Kesan pemakaian Piawaian ini pada tarikh kuat kuasanya (atau lebih awal) hendaklah dilaporkan sebagai pelarasan kepada baki awal bagi lebihan/(kurangan) terkumpul bagi tempoh Piawaian ini mula diterima pakai. Entiti digalakkan, tetapi tidak dikehendaki, untuk:~~
- ~~(a) melaraskan baki awal bagi lebihan/(kurangan) terkumpul untuk tempoh terawal yang dibentangkan, dan~~
 - ~~(b) menyatakan semula maklumat perbandingan. Jika maklumat perbandingan tidak dinyatakan semula, fakta ini hendaklah didedahkan.~~

Tarikh Kuat Kuasa

112. Apabila entiti menerima pakai perakaunan asas akruan MPSAS seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 33, *Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan* oleh MPSAS untuk tujuan pelaporan kewangan selepas tarikh kuat kuasa ini, Piawaian ini terpakai kepada penyata kewangan tahunan entiti yang meliputi tempoh yang bermula pada atau selepas tarikh pemakaian MPSAS.
- 112A. Perenggan 110 dan 112 telah dipinda oleh MPSAS 33, *Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan yang diterbitkan pada Januari 2016. Entiti hendaklah menggunakan pindaan itu untuk penyata kewangan tahunan yang meliputi tempoh yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2017. Penggunaan lebih awal adalah dibenarkan. Sekiranya entiti mengguna pakai MPSAS 33 untuk tempoh yang bermula sebelum 1 Januari 2017, pindaan itu hendaklah juga digunakan untuk tempoh awal tersebut.*

MPSAS 20, *Pendedahan Pihak Berkaitan*

Perenggan 43 telah dipinda dan perenggan 43A ditambah seperti berikut:

Tarikh Kuat Kuasa

43. Apabila entiti menerima pakai perakaunan asas akruan MPSAS seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 33, *Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan* oleh MPSAS untuk tujuan pelaporan kewangan selepas tarikh kuat kuasa ini, Piawaian ini terpakai kepada penyata kewangan tahunan entiti yang meliputi tempoh yang bermula pada atau selepas tarikh pemakaian MPSAS.

**MPSAS 33 – Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS)
Asas Akruan**

- 43A. Perenggan 43 telah dipinda oleh MPSAS 33, Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan yang diterbitkan pada Januari 2016. Entiti hendaklah menggunakan pindaan itu untuk penyata kewangan tahunan yang meliputi tempoh yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2017. Penggunaan lebih awal adalah dibenarkan. Sekiranya entiti mengguna pakai MPSAS 33 untuk tempoh yang bermula sebelum 1 Januari 2017, pindaan itu hendaklah juga digunakan untuk tempoh awal tersebut.

MPSAS 21, Penjejasan Nilai Aset Tidak Menjana Tunai

Perenggan 80, 81 dan 83 telah dipinda dan perenggan 83A ditambah seperti berikut:

Peruntukan Peralihan

80. ~~Piawaian ini hendaklah digunakan secara prospektif dari tarikh penggunaannya. Kerugian penjejasan nilai (penimbalbalikan kerugian penjejasan nilai) yang terhasil daripada penggunaan MPSAS ini hendaklah diiktiraf menurut Piawaian ini (iaitu dalam lebihan atau kurangan).~~
81. ~~Sebelum pemakaian Piawaian ini, entiti boleh menerima pakai dasar perakaunan untuk pengiktirafan dan penimbalbalikan kerugian penjejasan nilai. Apabila menerima pakai Piawaian ini, perubahan dalam dasar perakaunan mungkin timbul. Agak sukar untuk menentukan amaun palarasan yang terhasil daripada penggunaan retrospektif terhadap perubahan dalam dasar perakaunan. Oleh itu, apabila menerima pakai Piawaian ini, entiti tidak boleh menggunakan tanda aras atau membenarkan pengolahan alternatif bagi apa-apa perubahan lain dalam dasar perakaunan dalam MPSAS 3, Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan.~~

Tarikh Kuat Kuasa

83. Apabila entiti menerima pakai perakaunan asas akruan MPSAS seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 33, Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan oleh ~~MPSAS~~ untuk tujuan pelaporan kewangan selepas tarikh kuat kuasa ini, Piawaian ini terpakai kepada penyata kewangan tahunan entiti yang meliputi tempoh yang bermula pada atau selepas tarikh pemakaian MPSAS.
- 83A. Perenggan 80, 81 dan 83 telah dipinda oleh MPSAS 33, Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan yang diterbitkan pada Januari 2016. Entiti hendaklah menggunakan pindaan itu untuk penyata kewangan tahunan yang meliputi tempoh yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2017. Penggunaan lebih awal adalah dibenarkan. Sekiranya entiti mengguna pakai MPSAS 33 untuk tempoh yang bermula sebelum 1 Januari 2017, pindaan itu hendaklah juga digunakan untuk tempoh awal tersebut.

MPSAS 22, Pendedahan Maklumat Kewangan tentang Sektor Kerajaan Am

Perenggan 48 telah dipinda dan perenggan 48A ditambah seperti berikut:

Tarikh Kuat Kuasa

48. Apabila entiti menerima pakai perakaunan asas akruan MPSAS seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 33, Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan oleh ~~MPSAS~~ untuk tujuan pelaporan kewangan selepas tarikh kuat kuasa ini, Piawaian ini terpakai kepada penyata kewangan tahunan entiti yang meliputi tempoh yang bermula pada atau selepas tarikh pemakaian MPSAS.
- 48A. Perenggan 48 telah dipinda oleh MPSAS 33, Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan yang diterbitkan pada Januari 2016. Entiti hendaklah menggunakan pindaan itu untuk penyata kewangan tahunan yang meliputi tempoh yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2017. Penggunaan lebih awal adalah dibenarkan. Sekiranya entiti mengguna pakai MPSAS 33 untuk tempoh yang bermula sebelum 1 Januari 2017, pindaan itu hendaklah juga digunakan untuk tempoh awal tersebut.

MPSAS 23, Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran (Cukai dan Pindahan)

Perenggan 116, 117, 118, 119, 120, 121, 122, 123 dan 125 telah dipinda dan perenggan 125A ditambah seperti berikut:

Peruntukan Peralihan

- ~~116. Entiti tidak dikehendaki mengubah dasar perakaunannya berhubung dengan pengiktirafan dan pengukuran hasil pereukaian bagi tempoh pelaporan bermula pada suatu tarikh dalam masa lima tahun selepas tarikh Piawaian ini mula diterima pakai.~~
- ~~117. Entiti tidak dikehendaki mengubah dasar perakaunannya berhubung dengan pengiktirafan dan pengukuran hasil daripada urus niaga bukan pertukaran, selain daripada hasil pereukaian, bagi tempoh pelaporan bermula pada suatu tarikh dalam masa tiga tahun selepas tarikh Piawaian ini mula diterima pakai.~~
- ~~118. Perubahan dalam dasar perakaunan berhubung dengan pengiktirafan dan pengukuran hasil daripada urus niaga bukan pertukaran yang dibuat sebelum tamatnya tempoh lima tahun yang dibenarkan dalam perenggan 116, atau tempoh tiga tahun yang dibenarkan dalam perenggan 117, hanya boleh dibuat supaya lebih mematuhi dasar perakaunan Piawaian ini. Entiti boleh mengubah dasar perakaunannya berhubung dengan hasil daripada urus niaga bukan pertukaran berasaskan kelas demi kelas.~~

119. ~~Apabila sesuatu entiti memanfaatkan peruntukan peralihan dalam perenggan 116 atau 117, fakta ini hendaklah didedahkan. Entiti juga hendaklah mendedahkan:~~
- ~~(a) kelas hasil daripada urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf menurut Piawaian ini;~~
 - ~~(b) apa-apa yang diiktiraf di bawah dasar perakaunan yang tidak selaras dengan keperluan Piawaian ini; dan~~
 - ~~(c) kemajuan entiti ke arah pelaksanaan dasar perakaunan yang selaras dengan Piawaian ini. Entiti hendaklah mendedahkan rancangannya untuk melaksanakan dasar perakaunan yang selaras dengan Piawaian ini.~~
120. ~~Apabila sesuatu entiti memanfaatkan peruntukan peralihan ini untuk tempoh pelaporan kedua atau selepasnya, butiran kelas hasil daripada urus niaga bukan pertukaran yang sebelum ini diiktiraf menggunakan asas yang lain, tetapi kini sudah diiktiraf menurut Piawaian ini, hendaklah didedahkan.~~
121. Peruntukan peralihan ini bertujuan memberi entiti suatu tempoh untuk menghasilkan model yang kukuh bagi mengukur hasil daripada urus niaga bukan pertukaran sepanjang tempoh peralihan itu. Entiti boleh mengamalkan dasar perakaunan untuk mengiktiraf hasil daripada urus niaga bukan pertukaran yang tidak mematuhi peruntukan dalam Piawaian ini. Peruntukan peralihan ini membenarkan entiti mengguna pakai Piawaian ini secara berperingkat terhadap kelas hasil yang berbeza daripada urus niaga bukan pertukaran. Contohnya, entiti mungkin boleh mengiktiraf dan mengukur cukai hartanah dan beberapa kelas pindahan mengikut Piawaian ini daripada tarikh penggunaan, tetapi mungkin memerlukan sehingga lima tahun untuk menghasilkan sepenuhnya suatu model yang kukuh bagi mengukur hasil cukai pendapatan.
122. ~~Apabila sesuatu entiti memanfaatkan peruntukan peralihan dalam Piawaian ini, dasar perakaunan bagi setiap kelas hasil daripada urus niaga bukan pertukaran hanya boleh diubah untuk lebih mematuhi Piawaian ini. Sesuatu entiti boleh mengekalkan dasar perakaunannya yang sedia ada sehingga ia memutuskan untuk mengguna pakai sepenuhnya peruntukan dalam Piawaian ini, atau sehingga peruntukan peralihan itu tamat, mengikut mana mana yang terdahulu, atau ia boleh mengubahnya bagi mengguna pakai keperluan Piawaian ini secara progresif. Sesuatu entiti boleh, contohnya, mengubah daripada dasar pengiktirafan berasaskan tunai kepada yang berasaskan tunai atau akruan yang diubah suai sebelum ia mengguna pakai sepenuhnya Piawaian ini.~~
123. Keperluan pendedahan di perenggan 119 membantu pengguna mengikut kemajuan entiti dalam pematuhan dasar perakaunannya terhadap keperluan MPSAS ini sepanjang tempoh pelaporan yang mengguna pakai peruntukan peralihan ini. Pendedahan ini memudahkan pencapaian objektif akauntabiliti penuh dan telus.

Tarikh Kuat Kuasa

125. Apabila entiti menerima pakai perakaunan asas akruan MPSAS seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 33, Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan oleh MPSAS untuk tujuan pelaporan kewangan selepas tarikh kuat kuasa ini,

MPSAS 33 – Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan

Piawaian ini terpakai kepada penyata kewangan tahunan entiti yang meliputi tempoh yang bermula pada atau selepas tarikh pemakaian MPSAS.

- 125A. Perenggan 116, 117, 118, 119, 120, 121, 122, 123 dan 125 telah dipinda oleh MPSAS 33, Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan yang diterbitkan pada Januari 2016. Entiti hendaklah menggunakan pindaan itu untuk penyata kewangan tahunan yang meliputi tempoh yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2017. Penggunaan lebih awal adalah dibenarkan. Sekiranya entiti menggunakan MPSAS 33 untuk tempoh yang bermula sebelum 1 Januari 2017, pindaan itu hendaklah juga digunakan untuk tempoh awal tersebut.

MPSAS 24, Pembentangan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan

Perenggan 55 telah dipinda dan perenggan 55A ditambah seperti berikut:

Tarikh Kuat Kuasa

55. Apabila entiti menerima pakai perakaunan asas akruan MPSAS seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 33, Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan oleh ~~MPSAS~~ untuk tujuan pelaporan kewangan selepas tarikh kuat kuasa ini, Piawaian ini terpakai kepada penyata kewangan tahunan entiti yang meliputi tempoh yang bermula pada atau selepas tarikh pemakaian MPSAS.
- 55A. Perenggan 55 telah dipinda oleh MPSAS 33, Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan yang diterbitkan pada Januari 2016. Entiti hendaklah menggunakan pindaan itu untuk penyata kewangan tahunan yang meliputi tempoh yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2017. Penggunaan lebih awal adalah dibenarkan. Sekiranya entiti menggunakan MPSAS 33 untuk tempoh yang bermula sebelum 1 Januari 2017, pindaan itu hendaklah juga digunakan untuk tempoh awal tersebut.

MPSAS 25, Manfaat Pekerja

Perenggan 166, 167, 168, 169, 170, 171, 172, 173, 174, 175, 176 dan 178 telah dipinda dan perenggan 179A ditambah seperti berikut:

Penggunaan Kali Pertama Piawaian ini

- ~~166. Pada kali pertama menggunakan Piawaian ini, entiti hendaklah menentukan liabiliti awalnya untuk pelan manfaat ditentukan pada tarikh tersebut seperti:~~
- ~~(a) Nilai kini obligasi (lihat perenggan 77) pada tarikh penggunaan;~~
 - ~~(b) Tolak nilai saksama, pada tarikh penggunaan aset pelan (jika ada) yang daripadanya obligasi diselesaikan secara langsung (lihat perenggan 118–120);~~

- (e) ~~Tolak apa-apa kos perkhidmatan lampau di bawah perenggan 112, hendaklah diiktiraf kemudian.~~
167. ~~Jika liabiliti awal yang ditentukan menurut perenggan 166 lebih atau kurang daripada liabiliti yang sepatutnya diiktiraf pada tarikh yang sama di bawah dasar perakaunan entiti yang terdahulu, entiti hendaklah mengiktiraf kenaikan/pengurangan tersebut dalam lebihan atau kurangan awal terkumpul.~~
168. Pada penggunaan awal Piawaian ini, kesan perubahan dalam dasar perakaunan termasuk semua laba dan rugi aktuari yang timbul dalam tempoh lebih awal, walaupun laba dan rugi aktuari tersebut termasuk dalam koridor yang dinyatakan dalam perenggan 105. Entiti yang membuat pelaporan di bawah perakaunan akruan untuk kali pertama tidak akan mengiktiraf apa-apa liabiliti, dalam hal ini peningkatan liabiliti merupakan amaun penuh liabiliti tolak nilai saksama, pada tarikh penggunaan bagi mana-mana aset pelan menurut perenggan 166(b) dan apa-apa kos perkhidmatan lampau yang hendak diiktiraf dalam tempoh kemudian menurut perenggan 166(c). Di bawah peruntukan Piawaian ini, kenaikan liabiliti ini diiktiraf dalam lebihan atau kurangan terkumpul.
169. ~~Pada kali pertama menggunakan Piawaian ini, entiti tidak boleh mengasingkan laba dan rugi aktuari terkumpul bermula dari tarikh pelan manfaat ditentukan sehingga tarikh penggunaan pertama Piawaian ini kepada bahagian diiktiraf dan tidak diiktiraf. Semua laba dan rugi aktuari terkumpul hendaklah diiktiraf dalam lebihan atau kurangan awal terkumpul.~~
170. Pada kali pertama penggunaan Piawaian ini, entiti tidak dibenarkan mengasingkan laba dan rugi aktuari terkumpul kepada bahagian diiktiraf dan tidak diiktiraf. Semua laba dan rugi terkumpul diiktiraf dalam lebihan atau kurangan awal terkumpul. Keperluan penggunaan kali pertama Piawaian ini tidak menghalang entiti daripada memilih untuk mengiktiraf hanya sebahagian daripada laba dan rugi aktuarinya menurut keperluan perenggan 105-107 dalam tempoh pelaporan berikutnya.
171. ~~Pada tahun pertama penggunaan Piawaian ini, entiti tidak dikehendaki menyediakan maklumat perbandingan.~~
172. Perenggan 171 memberikan pelepasan daripada pemasukan maklumat perbandingan kepada semua entiti pada tahun pertama penggunaan Piawaian ini. Entiti digalakkan untuk memasukkan maklumat perbandingan jika maklumat ini boleh didapati.
173. ~~Pada tahun pertama penggunaan Piawaian ini, entiti tidak dikehendaki menyediakan pendedahan dalam perenggan 141(c), 141(e) dan 141(f).~~
174. Penyesuaian dalam perenggan 141(c) dan 141(e) melibatkan pendedahan baki awal yang berkaitan dengan komponen dalam obligasi manfaat ditentukan, aset pelan dan hak pembayaran balik. Pendedahan dalam perenggan 141(f) menghendaki penyesuaian yang bergantung pada maklumat dalam perenggan 141(c) dan 141(e). Pendedahan ini tidak dikehendaki pada tahun

MPSAS 33 – Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan

pertama penggunaan Piawaian ini. Entiti digalakkan memasukkan pendedahan ini jika maklumat boleh didapati.

175. ~~Pada tahun pertama penggunaan Piawaian ini, entiti boleh menyediakan maklumat yang dikehendaki dalam perenggan 141(p) secara prospektif.~~
176. ~~Maklumat yang dinyatakan dalam perenggan 141(p) berkait dengan nilai kini obligasi manfaat ditentukan, nilai saksama aset pelan, lebihan atau kurangan dalam pelan, dan beberapa pelarasan terdahulu. Pendedahan ini hanya dikehendaki untuk laporan tahunan semasa pada tahun pertama penggunaan. Maklumat pada tempoh tahunan terdahulu boleh disediakan secara prospektif apabila entiti melaporkannya di bawah keperluan Piawaian ini. Keadaan ini membolehkan entiti membina maklumat trend dalam satu tempoh, dan bukannya menghasilkan maklumat tersebut untuk tempoh pelaporan sebelum tempoh penggunaan kali pertama Piawaian ini.~~

Tarikh Kuat Kuasa

178. Apabila entiti menerima pakai perakaunan asas akruan MPSAS seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 33, Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan oleh MPSAS untuk tujuan pelaporan kewangan selepas tarikh kuat kuasa ini, Piawaian ini terpakai kepada penyata kewangan tahunan entiti yang meliputi tempoh yang bermula pada atau selepas tarikh pemakaian MPSAS.
- 178A. Perenggan 166, 167, 168, 169, 170, 171, 172, 173, 174, 175, 176 dan 178 telah dipinda oleh MPSAS 33, Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan yang diterbitkan pada Januari 2016. Entiti hendaklah menggunakan pindaan itu untuk penyata kewangan tahunan yang meliputi tempoh yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2017. Penggunaan lebih awal adalah dibenarkan. Sekiranya entiti mengguna pakai MPSAS 33 untuk tempoh yang bermula sebelum 1 Januari 2017, pindaan itu hendaklah juga digunakan untuk tempoh awal tersebut.

MPSAS 26, Penjejasan Nilai Aset Menjana Tunai

Perenggan 127 telah dipinda dan perenggan 127A ditambah seperti berikut:

Tarikh Kuat Kuasa

127. Apabila entiti menerima pakai perakaunan asas akruan MPSAS seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 33, Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan oleh MPSAS untuk tujuan pelaporan kewangan selepas tarikh kuat kuasa ini, Piawaian ini terpakai kepada penyata kewangan tahunan entiti yang meliputi tempoh yang bermula pada atau selepas tarikh pemakaian MPSAS.
- 127A. Perenggan 127 telah dipinda oleh MPSAS 33, Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan yang diterbitkan pada Januari 2016. Entiti hendaklah menggunakan pindaan itu untuk penyata kewangan tahunan yang meliputi tempoh yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2017. Penggunaan lebih awal

adalah dibenarkan. Sekiranya entiti mengguna pakai MPSAS 33 untuk tempoh yang bermula sebelum 1 Januari 2017, pindaan itu hendaklah juga digunakan untuk tempoh awal tersebut.

MPSAS 27, Pertanian

Perenggan 55 dan 57 telah dipinda dan perenggan 57A ditambah seperti berikut:

Peruntukan Peralihan

~~Pemakaian Awal Perakaunan Akruan~~

~~55. Apabila entiti mulanya mengiktiraf aset biologi atau keluaran pertanian pada pemakaian kali pertama asas perakaunan akruan, entiti hendaklah melaporkan kesan pengiktirafan awal aset dan akan menyebabkan pelarasan kepada baki awal lebih atau kurang terkumpul bagi tempoh yang Piawaian ini mula-mula diterima pakai.~~

Tarikh Kuat Kuasa

57. Apabila entiti menerima pakai perakaunan asas akruan MPSAS seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 33, Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan oleh MPSAS untuk tujuan pelaporan kewangan selepas tarikh kuat kuasa ini, Piawaian ini terpakai kepada penyata kewangan tahunan entiti yang meliputi tempoh yang bermula pada atau selepas tarikh pemakaian MPSAS.
- 57A. Perenggan 55 dan 57 telah dipinda oleh MPSAS 33, Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan yang diterbitkan pada Januari 2016. Entiti hendaklah menggunakan pindaan itu untuk penyata kewangan tahunan yang meliputi tempoh yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2017. Penggunaan lebih awal adalah dibenarkan. Sekiranya entiti mengguna pakai MPSAS 33 untuk tempoh yang bermula sebelum 1 Januari 2017, pindaan itu hendaklah juga digunakan untuk tempoh awal tersebut.

MPSAS 28, Instrumen Kewangan: Pembentangan

Perenggan 56, 57, 58 dan 61 telah dipinda dan perenggan 61A ditambah seperti berikut:

Peralihan

56. ~~Entiti hendaklah mengguna pakai Piawaian ini secara retrospektif bagi pemakaian kali pertama.~~
57. ~~Apabila entiti yang sebelum ini mengguna pakai MPSAS 15, Instrumen Kewangan: Pendedahan dan Pembentangan, mengguna pakai keperluan dalam perenggan 15 hingga 18, entiti dikehendaki mengasingkan instrumen kewangan kompaun dengan obligasi untuk menyerahkan kepada pihak lain bahagian pro rata aset bersih entiti yang dibubarkan,~~

~~kepada komponen liabiliti dan komponen aset bersih/ekuiti. Jika komponen liabiliti tidak lagi tertunggak, aplikasi retrospektif ke atas keperluan ini melibatkan pengasingan dua komponen aset bersih/ekuiti. Komponen pertama akan berada dalam lebihan dan kurangan terkumpul dan merupakan faedah terkumpul ke atas komponen liabiliti. Komponen yang lain merupakan komponen asal aset bersih/ekuiti. Oleh itu, entiti tidak perlu mengasingkan dua komponen jika komponen liabiliti tidak lagi tertunggak apabila Piawaian ini diterima pakai.~~

58. ~~Entiti yang sama ada sebelum ini tidak mengguna pakai MPSAS 15 atau menerima pakai perakaunan akruan buat pertama kali, menggunakan peruntukan peralihan dalam perenggan 57 kepada semua instrumen kewangan kompaun.~~

Tarikh Kuat Kuasa

61. Apabila entiti menerima pakai perakaunan asas akruan MPSAS seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 33, Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan oleh MPSAS untuk tujuan pelaporan kewangan selepas tarikh kuat kuasa ini, Piawaian ini terpakai kepada kewangan tahunan entiti yang meliputi tempoh yang bermula pada atau selepas tarikh pemakaian MPSAS.
- 61A. Perenggan 56, 57, 58 dan 61 telah dipinda oleh MPSAS 33, Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan yang diterbitkan pada Januari 2016. Entiti hendaklah menggunakan pindaan itu untuk penyata kewangan tahunan yang meliputi tempoh yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2017. Penggunaan lebih awal adalah dibenarkan. Sekiranya entiti mengguna pakai MPSAS 33 untuk tempoh yang bermula sebelum 1 Januari 2017, pindaan itu hendaklah juga digunakan untuk tempoh awal tersebut.

MPSAS 29, Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran

Perenggan 114, 115, 116, 117, 118, 119, 120, 121, 122, 123 dan 126 telah dipinda dan perenggan 126A ditambah seperti berikut:

Peralihan

114. ~~Piawaian ini hendaklah diguna pakai secara retrospektif kecuali seperti yang dinyatakan dalam perenggan 115–123. Baki awal bagi lebihan atau kurangan terkumpul bagi tempoh terdahulu yang terawal dibentangkan dan semua amaun perbandingan lain hendaklah dilaraskan seolah-olah Piawaian ini sentiasa digunakan melainkan menyatakan semula maklumat tersebut tidak praktikal. Jika pernyataan semula tidak dapat dilaksanakan, entiti hendaklah mendedahkan fakta tersebut dan menunjukkan sejauh mana maklumat tersebut telah dinyatakan semula.~~
115. Apabila Piawaian ini kali pertama diguna pakai, entiti dibenarkan untuk menetapkan aset kewangan, termasuk aset yang mungkin telah diiktiraf sebelum ini, sebagai sedia dijual.

~~Bagi mana-mana aset kewangan tersebut, entiti hendaklah mengiktiraf semua perubahan kumulatif dalam nilai saksama dalam komponen berasingan aset bersih/ekuiti sehingga penyahiktirafan atau penjejasan nilai berikutnya, apabila entiti akan memindahkan laba atau rugi kumulatif tersebut kepada lebihan atau kurangan. Bagi aset kewangan yang diiktiraf sebelum ini, entiti juga hendaklah:~~

- ~~(a) Menyatakan semula aset kewangan menggunakan penetapan baharu dalam penyata kewangan perbandingan; dan~~
- ~~(b) Mendedahkan nilai saksama aset kewangan tersebut pada tarikh penetapan dan pengelasannya serta amaun bawaan dalam penyata kewangan sebelum ini.~~

116. ~~Apabila Piawaian ini kali pertama diguna pakai, entiti dibenarkan untuk menetapkan aset kewangan atau liabiliti kewangan, termasuk yang mungkin telah diiktiraf sebelum ini, pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan yang memenuhi kriteria penetapan dalam perenggan 10, 13, 14, 15, 51, PA7 PA16, PA47 dan PA48. Apabila entiti telah mengiktiraf aset kewangan dan liabiliti kewangan sebelum ini, perkara yang berikut adalah terpakai:~~

- ~~(a) Tanpa mengambil kira perenggan 111, apa-apa aset kewangan dan liabiliti kewangan yang ditetapkan sebagai pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan menurut subperenggan ini yang sebelum ini ditetapkan sebagai item lindung nilai dalam hubungan perakaunan lindung nilai saksama hendaklah dinyahtetapkan daripada hubungan tersebut pada masa yang sama ia ditetapkan sebagai pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan.~~
- ~~(b) Hendaklah mendedahkan nilai saksama bagi apa-apa aset kewangan atau liabiliti kewangan yang ditetapkan menurut subperenggan (a) pada tarikh penetapan serta pengelasannya dan amaun bawaan dalam penyata kewangan sebelum ini.~~
- ~~(c) Hendaklah dinyahtetapkan semua apa-apa aset kewangan atau liabiliti kewangan yang sebelum ini ditetapkan sebagai pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan jika ia tidak layak bagi penetapan itu menurut perenggan tersebut. Apabila aset kewangan atau liabiliti kewangan akan diukur pada kos pelunasan selepas dinyahtetapkan, tarikh dinyahtetapkan dianggap sebagai tarikh pengiktirafan awal.~~
- ~~(d) Hendaklah mendedahkan nilai saksama apa-apa aset kewangan atau liabiliti kewangan yang dinyahtetapkan menurut subperenggan (c) pada tarikh dinyahtetapkan dan pengelasan baharunya.~~

117. ~~Entiti hendaklah menyatakan semula penyata kewangan perbandingan menggunakan penetapan baharu dalam perenggan 116 dengan syarat, dalam kes aset kewangan, liabiliti kewangan, atau sekumpulan aset kewangan, liabiliti kewangan atau kedua-duanya, ditetapkan sebagai pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan, item atau kumpulan tersebut telah memenuhi kriteria dalam perenggan 10(b)(i), 10(b)(ii) atau 13 pada permulaan tempoh perbandingan atau, jika diperoleh selepas permulaan tempoh~~

~~perbandingan, telah memenuhi kriteria dalam perenggan 10(b)(i), 10(b)(ii) atau 13 pada tarikh pengiktirafan awal.~~

- ~~118. Kecuali seperti yang dibenarkan dalam perenggan 119, entiti hendaklah mengguna pakai keperluan penyahiktirafan dalam perenggan 17 39 dan perenggan PA51 PA67 dalam Lampiran A secara prospektif. Jika entiti menyahiktiraf aset kewangan di bawah asas perakaunan lain kesan urus niaga yang berlaku sebelum pemakaian Piawaian ini dan aset tersebut tidak akan dinyahiktiraf di bawah Piawaian ini, ia hendaklah tidak mengiktiraf aset tersebut.~~
- ~~119. Tanpa mengambil kira perenggan 118, entiti boleh mengguna pakai keperluan penyahiktirafan dalam perenggan 17 39 dan perenggan PA51 PA67 dalam Lampiran A secara retrospektif dari tarikh yang dipilih oleh entiti, dengan syarat maklumat yang diperlukan untuk mengguna pakai Piawaian ini terhadap aset dan liabiliti yang dinyahiktiraf kesan urus niaga lampau diperoleh pada masa awal perakaunan urus niaga tersebut.~~
- ~~120. Tanpa mengambil kira perenggan 114, entiti boleh mengguna pakai keperluan dalam ayat terakhir perenggan PA108, dan perenggan PA109, dalam mana-mana cara yang berikut:~~
- ~~(a) Secara prospektif bagi urus niaga yang dilaksanakan selepas pemakaian Piawaian ini; atau~~
- ~~(b) Secara retrospektif dari tarikh yang dipilih oleh entiti, dengan syarat maklumat yang diperlukan untuk mengguna pakai Piawaian ini terhadap aset dan liabiliti kesan urus niaga lampau diperoleh pada masa awal perakaunan urus niaga tersebut.~~
- ~~121. Entiti tidak boleh melaraskan amaun bawaan aset bukan kewangan dan liabiliti bukan kewangan untuk mengecualikan laba dan rugi yang berkaitan lindung nilai aliran tunai yang termasuk dalam amaun bawaan sebelum permulaan tahun kewangan apabila Piawaian ini kali pertama diguna pakai. Pada permulaan tempoh kewangan apabila Piawaian ini kali pertama diterima pakai, apa-apa amaun yang diiktiraf secara langsung dalam aset bersih/ekuiti bagi lindung nilai komitmen teguh bawah Piawaian ini diperakaunkan sebagai pada lindung nilai saksama hendaklah dikelaskan semula sebagai aset atau liabiliti, kecuali bagi lindung nilai risiko mata wang asing yang terus dianggap sebagai lindung nilai aliran tunai.~~
- ~~122. Jika entiti telah menetapkan sebagai item lindung nilai urus niaga ramalan luar yang:~~
- ~~(a) Didenominasikan dalam mata wang fungsian entiti yang menjalankan urus niaga tersebut;~~
- ~~(b) Menyebabkan pendedahan yang akan memberikan kesan terhadap lebih atau kurang disatukan (iaitu didenominasikan dalam mata wang selain mata wang pembentangan entiti ekonomi); dan~~

MPSAS 33 – Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS)
Asas Akruan

~~(e) Layak untuk perakaunan lindung nilai jika urus niaga tidak didenominasikan dalam mata wang fungsian entiti yang menjalankan urus niaga tersebut;~~

~~entiti boleh mengguna pakai perakaunan lindung nilai dalam penyata kewangan disatukan dalam tempoh sebelum tarikh pemakaian kali pertama ayat terakhir dalam perenggan 89 dan perenggan PA133 dan PA134.~~

~~123. Entiti tidak perlu mengguna pakai perenggan PA134 bagi maklumat perbandingan yang berkaitan tempoh sebelum tarikh pemakaian ayat terakhir dalam perenggan 89 dan perenggan PA133.~~

Tarikh Kuat Kuasa

126. Apabila entiti menerima pakai perakaunan asas akruan MPSAS seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 33, Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan oleh MPSAS untuk tujuan pelaporan kewangan selepas tarikh kuat kuasa ini, Piawaian ini terpakai kepada penyata kewangan tahunan entiti yang meliputi tempoh yang bermula pada atau selepas tarikh pemakaian MPSAS.

126A. Perenggan 114, 115, 116, 117, 118, 119, 120, 121, 122, 124 dan 126 telah dipinda oleh MPSAS 33, Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan yang diterbitkan pada Januari 2016. Entiti hendaklah menggunakan pindaan itu untuk penyata kewangan tahunan yang meliputi tempoh yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2017. Penggunaan lebih awal adalah dibenarkan. Sekiranya entiti mengguna pakai MPSAS 33 untuk tempoh yang bermula sebelum 1 Januari 2017, pindaan itu hendaklah juga digunakan untuk tempoh awal tersebut.

MPSAS 30, Instrumen Kewangan: Pendedahan

Perenggan 53 telah dipinda dan perenggan 53A ditambah seperti berikut:

Tarikh Kuat Kuasa dan Peralihan

53. Apabila entiti menerima pakai perakaunan asas akruan MPSAS seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 33, Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan oleh MPSAS untuk tujuan pelaporan kewangan selepas tarikh kuat kuasa ini, Piawaian ini terpakai kepada penyata kewangan tahunan entiti yang meliputi tempoh yang bermula pada atau selepas tarikh pemakaian MPSAS.

53A. Perenggan 53 telah dipinda oleh MPSAS 33, Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan yang diterbitkan pada Januari 2016. Entiti hendaklah menggunakan pindaan itu untuk penyata kewangan tahunan yang meliputi tempoh yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2017. Penggunaan lebih awal adalah dibenarkan. Sekiranya entiti mengguna pakai MPSAS 33 untuk tempoh yang bermula sebelum 1 Januari 2017, pindaan itu hendaklah juga digunakan untuk tempoh awal tersebut.

MPSAS 31, *Aset Tak Ketara*

Perenggan 129, 130, 131 dan 133 telah dipinda dan perenggan 133A ditambah seperti berikut:

Peralihan

~~129. Entiti yang belum mengiktiraf aset tak ketara sebelumnya dan menggunakan asas perakaunan akruan hendaklah mengguna pakai Piawaian ini secara prospektif. Walau bagaimanapun, penggunaan retrospektif dibenarkan.~~

130. Bagi item tak ketara yang memenuhi:

(a) ~~Kriteria pengiktirafan dalam Piawaian ini (termasuk pengukuran kos asal yang pasti); dan~~

(b) ~~Kriteria penilaian semula dalam Piawaian ini (termasuk kewujudan suatu pasaran aktif);~~

~~entiti boleh memilih untuk mengukur aset tak ketara pada tarikh peralihan, pada nilai saksamanya dan menggunakan nilai saksama tersebut sebagai kos anggapannya pada tarikh tersebut.~~

131. ~~Entiti boleh memilih untuk menggunakan penilaian semula sebelumnya bagi sesuatu aset tak ketara pada atau sebelum tarikh peralihan sebagai kos anggapan pada tarikh penilaian semula, jika penilaian semula tersebut boleh dibandingkan secara umumnya pada tarikh penilaian semula dengan:~~

(a) ~~Nilai saksama; atau~~

(b) ~~Kos atau kos disusut nilai menurut MPSAS, yang dilaraskan untuk menggambarkan, sebagai contoh, perubahan dalam sesuatu indeks harga umum atau khusus.~~

Tarikh Kuat Kuasa

133. Apabila entiti menerima pakai perakaunan asas akruan MPSAS seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 33, Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan oleh MPSAS untuk tujuan pelaporan kewangan selepas tarikh kuat kuasa ini, Piawaian ini terpakai kepada penyata kewangan tahunan entiti yang meliputi tempoh yang bermula pada atau selepas tarikh pemakaian MPSAS.

133A. Perenggan 129, 130, 131 and 133 telah dipinda oleh MPSAS 33, Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan yang diterbitkan pada Januari 2016. Entiti hendaklah menggunakan pindaan itu untuk penyata kewangan tahunan yang meliputi tempoh yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2017. Penggunaan lebih awal adalah dibenarkan. Sekiranya entiti mengguna pakai MPSAS 33 untuk tempoh yang bermula sebelum 1 Januari 2017, pindaan itu hendaklah juga digunakan untuk tempoh awal tersebut.

MPSAS 32, *Pengaturan Konsesi Perkhidmatan: Grantor*

Perenggan 35, 37 dan Panduan Aplikasi PA68–PA73 telah dipinda dan perenggan 37A ditambah seperti berikut:

~~Peralihan (lihat perenggan PA68–PA73)~~

~~35. Grantor yang sebelum ini tidak mengiktiraf aset konsesi perkhidmatan serta liabiliti yang berkaitan, hasil dan belanja hendaklah sama ada:~~

- ~~(a) Mengguna pakai Piawaian ini secara retrospektif mengikut MPSAS 3; atau~~
- ~~(b) Memilih untuk mengiktiraf dan mengukur aset konsesi perkhidmatan dan liabiliti yang berkaitan pada permulaan tempoh yang paling awal yang baginya maklumat perbandingan dibentangkan dalam penyata kewangan.~~

~~Apabila grantor membuat pilihan ini, ia hendaklah mendedahkan fakta ini, berserta pendedahan berkaitan pengukuran aset dan liabiliti itu.~~

Tarikh Kuat Kuasa

37. Apabila entiti menerima pakai perakaunan asas akruan MPSAS seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 33, *Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan* oleh MPSAS untuk tujuan pelaporan kewangan selepas tarikh kuat kuasa ini, Piawaian ini terpakai kepada penyata kewangan tahunan entiti yang meliputi tempoh yang bermula pada atau selepas tarikh pemakaian MPSAS.

37A. Perenggan 35 dan 37 telah dipinda oleh MPSAS 33, *Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan* yang diterbitkan pada Januari 2016. Entiti hendaklah menggunakan pindaan itu untuk penyata kewangan tahunan yang meliputi tempoh yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2017. Penggunaan lebih awal adalah dibenarkan. Sekiranya entiti mengguna pakai MPSAS 33 untuk tempoh yang bermula sebelum 1 Januari 2017, pindaan itu hendaklah juga digunakan untuk tempoh awal tersebut.

Panduan Aplikasi

~~Peralihan (lihat perenggan 34–35)~~

~~PA68. Apabila sebelum ini grantor belum mengiktiraf aset konsesi perkhidmatan, ia boleh memilih untuk, mengikut perenggan 35(b) untuk mengiktiraf dan mengukur aset konsesi perkhidmatan dan liabiliti yang berkaitan secara prospektif menggunakan kos anggapan. Kos anggapan ditentukan pada permulaan tempoh paling awal maklumat perbandingan dibentangkan dalam penyata kewangan.~~

**MPSAS 33 – Pemakaian Kali Pertama Piawai Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS)
Asas Akruan**

PA69. ~~Kos anggapan bagi aset konsesi perkhidmatan hendaklah ditentukan menggunakan asas pengukuran berikut:~~

- ~~(a) Bagi hartanah, loji dan peralatan pada nilai saksama, atau kos penggantian disusut nilai sebagai cara menganggarkan nilai saksama apabila tiada pasaran. MPSAS 17 membenarkan penilaian semula dibuat menggunakan nilai saksama atau kos penggantian disusut nilai (lihat MPSAS 17, perenggan 46–48); dan~~
- ~~(b) Bagi aset tak ketara pada nilai saksama. MPSAS 31 hanya membenarkan nilai saksama untuk penilaian semula, dengan itu, kos anggapan terhadap kepada nilai saksama.~~

PA70. ~~Liabiliti yang berkaitan hendaklah ditentukan menggunakan pendekatan berikut:~~

- ~~(a) Bagi liabiliti di bawah model liabiliti kewangan, baki aliran tunai kontraktual yang dinyatakan dalam pengaturan yang mengikat dan kadar yang diterangkan dalam perenggan PA41–PA46.~~
- ~~(b) Bagi liabiliti di bawah model pemberian hak kepada operator, nilai saksama aset tolak apa-apa liabiliti kewangan, yang dilaraskan untuk mencerminkan baki tempoh pengaturan konsesi perkhidmatan.~~

PA71. ~~Susut nilai atau pelunasan adalah berdasarkan kos anggapan tersebut dan bermula dari tarikh apabila entiti menetapkan kos anggapan.~~

Penggunaan Kos Anggapan di bawah Model Liabiliti Kewangan

PA72. ~~Apabila grantor menggunakan kos anggapan di bawah model liabiliti kewangan, ia mengukur:~~

- ~~(a) Aset konsesi perkhidmatan pada nilai saksama (lihat perenggan 11); dan~~
- ~~(b) Liabiliti kewangan menggunakan baki aliran tunai kontraktual yang dinyatakan dalam pengaturan yang mengikat dan kadar yang diterangkan dalam perenggan PA41–PA46 pada permulaan tempoh paling awal maklumat perbandingan dibentangkan dalam penyata kewangan.~~

~~Apa-apa perbezaan antara nilai aset dengan liabiliti kewangan diiktiraf terus dalam aset bersih/ekuiti. Jika entiti memilih model penilaian semula dalam MPSAS 17 atau MPSAS 31 sebagai dasar perakaunannya, perbezaan ini termasuk dalam apa-apa kelebihan penilaian semula.~~

Penggunaan Kos Anggapan di bawah Model Pemberian Hak kepada Operator

PA73. ~~Apabila grantor menggunakan kos anggapan di bawah model pemberian hak kepada operator, ia mengukur:~~

- ~~(a) Aset konsesi perkhidmatan pada nilai saksama (lihat perenggan 11); dan~~
- ~~(b) Liabiliti yang mewakili bahagian belum peroleh bagi apa-apa hasil yang timbul daripada terimaan aset konsesi perkhidmatan. Amaun ini hendaklah ditentukan sebagai nilai~~

**MPSAS 33 – Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS)
Asas Akruan**

~~saksama aset tolak apa-apa liabiliti kewangan yang dilaraskan untuk mencerminkan baki tempoh pengatur-an konsesi perkhidmatan.~~

Panduan Pelaksanaan

Panduan ini hanyalah sebagai lampiran, dan bukan sebahagian daripada MPSAS 33.

PP1. Tujuan Panduan Pelaksanaan ini adalah untuk menunjukkan aspek-aspek tertentu tentang keperluan MPSAS 33.

Tarikh Pemakaian MPSAS

PP2. Tarikh pemakaian MPSAS ialah tarikh entiti memakai MPSAS asas akruan buat kali pertama dalam penyediaan penyata kewangannya.

PP3. Sebelum pemakaian MPSAS ini, penerima pakai kali pertama hendaklah bersedia dengan secukupnya untuk peralihan kepada MPSAS asas akruan. Panduan yang disediakan dalam Kajian 14, *Transition to the Accrual Basis of Accounting: Guidance for Governments and Government Entities* yang diterbitkan oleh IPSASB boleh membantu penerima pakai kali pertama dalam merancang penukaran kepada MPSAS asas akruan. Pelepasan yang diberikan dalam MPSAS ini tidak boleh dilihat sebagai hala tuju yang lengkap untuk pemakaian MPSAS asas akruan, tetapi sebaliknya sebagai peringkat akhir proses pemakaian.

PP4. Tarikh pemakaian bagi penerima pakai kali pertama adalah merupakan permulaan tempoh pelaporan penerima pakai kali pertama memilih untuk menerima pakai MPSAS asas akruan yang membentangkan penyata kewangan MPSAS peralihan atau penyata kewangan MPSAS pertama. Contohnya, entiti memilih untuk menerima pakai MPSAS asas akruan dari 1 Januari 20X1 untuk tempoh pelaporan yang berakhir pada 31 Disember 20X1. Tarikh pemakaian MPSAS ialah 1 Januari 20X1.

Penyata Kewangan MPSAS Peralihan

PP5. Pada tarikh pemakaian MPSAS, penerima pakai kali pertama boleh memilih untuk pemakaian salah satu daripada banyak pengecualian yang termasuk dalam MPSAS 33, *Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan*. Seseengah pengecualian yang termasuk dalam MPSAS 33 menjejaskan pembentangan saksama penyata kewangan penerima pakai kali pertama dan keupayaannya untuk menegaskan pematuhan kepada MPSAS asas akruan (Lampiran A menyenaraikan pengecualian peralihan dan peruntukan yang perlu digunakan dan/atau boleh dipilih untuk digunakan oleh penerima pakai kali pertama semasa pemakaian MPSAS asas akruan dan menunjukkan sama ada pembentangan saksama dan keupayaan penerima pakai kali pertama untuk menegaskan pematuhan kepada MPSAS asas akruan akan terjejas).

PP6. Oleh sebab penerima pakai kali pertama tidak dapat membuat pernyataan pematuhan yang eksplisit dan tidak tersirat dengan MPSAS asas akruan selepas pemakaian pengecualian yang diperuntukkan dalam MPSAS 33, penyata kewangan yang dibentangkan untuk tempoh pelaporan pertama selepas pemakaian MPSAS asas akruan akan dirujuk sebagai “penyata kewangan MPSAS peralihan”.

**MPSAS 33 – Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS)
Asas Akruan**

- PP7. Contohnya, jika penerima pakai kali pertama menerima pakai pengecualian peralihan yang memberikan pelepasan bagi pengiktirafan item hartanah, loji dan peralatan tertentu apabila menerima pakai MPSAS asas akruan pada 1 Januari 20X1, penerima pakai kali pertama tidak akan dapat membuat pernyataan pematuhan yang eksplisit dan tidak tersirat dengan MPSAS asas akruan pada akhir tempoh pelaporan pertamanya, iaitu 31 Disember 20X1. Oleh itu, penyata kewangan yang disediakan untuk tempoh pelaporan pertama akan dirujuk sebagai “penyata kewangan MPSAS peralihan pertama”.
- PP8. Penyata kewangan yang dibentangkan semasa tempoh peralihan sehingga pengecualian yang memberikan pelepasan telah tamat tempoh, dan/atau apabila item yang relevan diiktiraf dan/atau diukur dalam penyata kewangan mengikut MPSAS yang berkenaan, akan dirujuk sebagai “penyata kewangan MPSAS peralihan”.

Asas Penyediaan Semasa Menyediakan Penyata Kewangan MPSAS Peralihan

- PP9. Seperti yang dinyatakan dalam perenggan 27 MPSAS 33, penerima pakai kali pertama yang memilih untuk menerima pakai satu atau lebih pengecualian yang termasuk dalam MPSAS 33, mungkin tidak dapat membuat pernyataan pematuhan yang eksplisit dan tidak tersirat dengan MPSAS asas akruan seperti yang dikehendaki oleh MPSAS 1. Semasa tempoh peralihan, fakta ini hendaklah ditekankan kepada pengguna penyata kewangan semasa membentangkan “asas penyediaan” dalam penyata kewangan.
- PP10. Sebagai ilustrasi, jika penerima pakai kali pertama memilih untuk menerima pakai pengecualian peralihan yang membenarkannya tiga tahun untuk mengiktiraf dan/atau mengukur hartanah pelaburan, penjelasan berikut akan dinyatakan dalam perenggan “asas penyediaan” dalam penyata kewangan semasa tempoh peralihan:

Asas penyediaan

Penyata kewangan telah disediakan mengikut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) asas akruan. MPSAS 33 membenarkan penerima pakai kali pertama suatu tempoh hingga tiga tahun untuk mengiktiraf dan/atau mengukur aset dan/atau liabiliti tertentu.

Dalam peralihan kepada MPSAS asas akruan, Entiti Sektor Awam X telah memanfaatkan pengecualian peralihan ini untuk hartanah pelaburan. Akibatnya, entiti tidak dapat membuat pernyataan pematuhan yang eksplisit dan tidak tersirat kepada MPSAS asas akruan dalam penyediaan penyata kewangan MPSAS peralihannya untuk tempoh pelaporan ini. Entiti Sektor Awam X berhasrat untuk mengiktiraf dan/atau mengukur hartanah pelaburannya menjelang tahun 20X3.

Penyata Kewangan MPSAS Pertama

- PP11. Penyata kewangan MPSAS pertama bagi penerima pakai kali pertama adalah merupakan set penyata kewangan pertama yang dikeluarkan yang membuat pernyataan pematuhan yang eksplisit dan tidak tersirat kepada MPSAS asas akruan.

**MPSAS 33 – Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS)
Asas Akruan**

- PP12. Penerima pakai kali pertama tidak akan dapat menyediakan penyata kewangan MPSAS pertama sehingga pengecualian dalam MPSAS 33 yang memberikan pelepasan yang memberi kesan pembentangan saksama dan pematuhan dengan MPSAS, telah tamat tempoh, atau apabila item yang relevan diiktiraf, diukur dan/atau maklumat relevan telah dibentangkan dan/atau didedahkan menurut MPSAS yang berkenaan (yang mana lebih awal).
- PP13. Susulan daripada contoh dalam PP5, pengecualian peralihan yang memberikan pelepasan untuk pengiktirafan item hartanah, loji dan peralatan tertentu tamat tempoh selepas tiga tahun, iaitu pada 31 Disember 20X3. Sekiranya diandaikan bahawa entiti tidak menerima pakai mana-mana pengecualian peralihan lain dalam MPSAS 33 yang memberi kesan pembentangan saksama dan pematuhan dengan MPSAS, dan entiti mengiktiraf dan/atau mengukur item hartanah, loji dan peralatan semasa tempoh peralihan, penerima pakai kali pertama akan mengeluarkan penyata kewangan MPSAS pertama bagi tempoh berakhir 31 Disember 20X3.
- PP14. Jika penerima pakai kali pertama tidak menerima pakai mana-mana pengecualian dalam MPSAS 33 yang memberi kesan pembentangan saksama dan keupayaannya untuk menuntut pematuhan kepada MPSAS asas akruan, penyata kewangan akruan pertamanya juga merupakan penyata kewangan MPSAS pertamanya.

Untuk ilustrasi:


Garis Masa – Pemakaian Kali Pertama MPSAS (mengandaikan bahawa entiti memilih untuk menggunakan pelepasan peralihan tiga tahun untuk pengiktirafan dan/atau pengukuran aset tertentu)

Entiti menerima pakai MPSAS asas akruan pada 1 Januari 20X0 dengan mengguna pakai MPSAS 33, *Pemakaian Kali Pertama MPSAS Asas Akruan*

Penerima pakai kali pertama memilih untuk menggunakan pelepasan tiga tahun bagi pengiktirafan hartanah, loji dan peralatan. Andaikan bahawa penerima pakai kali pertama tidak menerima pakai apa-apa tempoh pelepasan yang lain. Penerima pakai kali pertama juga memilih untuk tidak membentangkan maklumat perbandingan.

Penerima pakai kali pertama mengiktiraf semua hartanah, loji dan peralatan sebelum 31 Disember 20X2. 31

MPSAS 33 – Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan



Tahun 1 (berakhir 31 Disember 20X0) –Peralihan Pertama Penyata Kewangan MPSAS
Tidak boleh menegaskan pematuhan kepada MPSAS asas akruan

Bentangkan penyata berikut:

- *penyata kedudukan kewangan pembukaan seperti pada 01/01/20X0
- *penyata kedudukan kewangan seperti pada 31/12/20X0
- *penyata prestasi kewangan bagi 31/12/20X0
- *penyata perubahan aset bersih seperti pada 31/12/20X0
- *penyata aliran tunai bagi 31/12/20X0
- *penyata perbandingan bajet dan maklumat sebenar bagi 31/12/20X0

(Bergantung kepada dasar yang dipilih untuk pembentangan maklumat, penerima pakai kali pertama boleh memasukkan lajur tambahan dalam penyata kewangan tahunan)

Bentangkan perkara berikut dalam nota:

- *penyesuaian perubahan daripada asas perakaunan terdahulunya (menunjukkan pelarasan yang berkaitan dengan pemakaian semua MPSAS selain MPSAS 17)

Nota: Jika penerima pakai kali pertama memilih untuk membentangkan maklumat perbandingan, penyata berikut hendaklah dibentangkan:

- *penyata kedudukan kewangan pembukaan pada 01/01/19X0
- *penyata prestasi kewangan bagi 31/12/10X0 dan 31/12/20X0
- *penyata perubahan aset bersih seperti pada 31/12/19X0 dan 31/12/20X0
- *penyata aliran tunai bagi 31/12/19X0 dan 31/12/20X0
- *penyata perbandingan bajet dan maklumat sebenar bagi 31/12/19X0 dan 31/12/20X0

Tahun 2 (berakhir 31 Disember 20X1) –Peralihan Penyata Kewangan MPSAS
Tidak boleh menegaskan pematuhan dengan MPSAS

Bentangkan penyata berikut untuk kedua-dua 31/12/20X1 dan 20X0:

- *penyata kedudukan kewangan
- *penyata prestasi kewangan
- *penyata perubahan aset bersih
- *penyata aliran tunai

Bentangkan penyata perbandingan bajet dan maklumat sebenar bagi 31/12/20X1 sahaja (bergantung pada dasar yang dipilih untuk pembentangan maklumat, penerima pakai kali pertama boleh memasukkan lajur tambahan dalam penyata kewangan tahunan)

Tahun 3 (berakhir 31 Disember 20X2) –Penyata Kewangan MPSAS Pertama
Boleh menegaskan pematuhan dengan MPSAS

Bentangkan penyata berikut untuk kedua-dua 31/12/20X2 dan 20X1:

- *penyata kedudukan kewangan
- *penyata prestasi kewangan
- *penyata perubahan aset bersih
- *penyata aliran tunai

Bentangkan penyata perbandingan bajet dan maklumat sebenar bagi 31/12/20X2 sahaja (bergantung kepada dasar yang dipilih untuk pembentangan maklumat, penerima pakai kali pertama boleh memasukkan lajur tambahan dalam penyata kewangan tahunan)

Bentangkan perkara berikut dalam nota:

- *penyesuaian pelarasan yang dibuat untuk mengiktiraf hartanah, loji dan peralatan

Anggaran

- PP15. Perenggan 23 MPSAS 33 menghendaki bahawa anggaran penerima pakai kali pertama mengikut MPSAS pada tarikh pemakaian MPSAS hendaklah konsisten dengan anggaran yang dibuat pada akhir tempoh perbandingannya mengikut asas perakaunan sebelumnya (selepas pelarasan untuk menunjukkan apa-apa perbezaan dalam dasar perakaunan), melainkan terdapat bukti objektif bahawa anggaran tersebut adalah kesilapan. Entiti mungkin menerima maklumat selepas tarikh pemakaian MPSAS tentang anggaran yang telah dibuat di bawah asas perakaunan sebelumnya. Menurut perenggan 24, penerima pakai kali pertama hendaklah mengolah penerimaan maklumat tersebut dengan cara yang sama seperti peristiwa tak perlu pelarasan selepas tempoh pelaporan mengikut MPSAS 14, *Peristiwa selepas Tarikh Pelaporan*.
- PP16. Contohnya, andaikan bahawa tarikh penerima pakai kali pertama menerima pakai MPSAS ialah 1 Januari 20X4 dan maklumat baharu pada 15 Julai 20X4 menghendaki semakan anggaran yang dibuat menurut asas perakaunan sebelumnya pada 31 Disember 20X3. Penerima pakai kali pertama hendaklah tidak menunjukkan maklumat baharu itu dalam penyata kedudukan kewangan pembukaannya (melainkan anggaran memerlukan pelarasan untuk apa-apa perbezaan dalam dasar perakaunan atau terdapat bukti objektif bahawa anggaran tersebut adalah kesilapan). Sebaliknya, penerima pakai kali pertama hendaklah menunjukkan maklumat baharu itu dalam lebihan atau kurangan bagi tahun berakhir 31 Disember 20X4.

Pengecualian Peralihan yang Memberikan Pelepasan Tiga Tahun untuk Pengiktirafan dan/atau Pengukuran bagi Aset dan/atau Liabiliti

- PP17. MPSAS 33 memberi penerima pakai kali pertama suatu tempoh pelepasan hingga tiga tahun, iaitu dibenarkan untuk tidak mengiktiraf dan/atau mengukur aset dan liabiliti tertentu. Jika penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian ini, ia perlu mempertimbangkan dan menganalisis surat ikatan hak milik, kontrak dan pengaturan lain yang serupa dalam perakaunan dan mengelaskan aset ini menurut MPSAS yang berkenaan.
- PP18. Contohnya, andaikan bahawa penerima pakai kali pertama mengawal pelbagai jenis hartanah, loji dan peralatan ketika menerima pakai MPSAS asas akruan pada 1 Januari 20X1. Jika penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian yang memberikan tempoh pelepasan peralihan tiga tahun untuk tidak mengiktiraf dan/atau mengukur hartanah, loji dan peralatan, penerima pakai kali pertama boleh mengiktiraf dan/atau mengukur hartanah, loji dan peralatan semasa tempoh peralihan dari 1 Januari 20X1 hingga 31 Disember 20X3. Jika hartanah, loji dan peralatan diiktiraf contohnya, pada 1 April 20X2, penerima pakai kali pertama hendaklah melaraskan lebihan atau kurangan terkumpul pembukaan pada 1 Januari 20X2. Seperti yang dikehendaki oleh perenggan 142 dalam MPSAS 33, penerima pakai kali pertama hendaklah, sebagai sebahagian daripada nota kepada penyata kewangan, menyediakan penyesuaian kepada lebihan atau kurangan terkumpul pada 31 Disember 20X1 (contohnya baki awal pada 1 Januari 20X2) untuk hartanah, loji dan peralatan yang diiktiraf pada 1 April 20X2.

**MPSAS 33 – Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS)
Asas Akruan**

PP19. Jika penerima pakai kali pertama telah memanfaatkan tempoh pelepasan tiga tahun, ia hendaklah tidak menyahiktiraf apa-apa aset dan/atau liabiliti yang diiktiraf di bawah asas perakaunan sebelumnya melainkan tindakan ini adalah untuk mematuhi keperluan MPSAS. Apa-apa pelarasan kepada aset dan/atau liabiliti yang diiktiraf di bawah asas perakaunan sebelumnya hendaklah dilaraskan semasa tempoh peralihan terhadap lebih atau kurang terkumpul pembukaan dalam tempoh pelarasan dibuat.

Perakaunan untuk Aset Pajak Kewangan dan Liabiliti Pajak Kewangan

PP20. Apabila penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian yang memberikan tempoh pelepasan peralihan tiga tahun untuk tidak mengiktiraf aset pajak kewangan, ia juga tidak akan dapat mematuhi keperluan pengiktirafan yang berkaitan dengan liabiliti pajak kewangan, sehingga pengecualian peralihan yang berkaitan dengan aset pajak kewangan telah tamat tempoh, atau aset pajak kewangan telah diiktiraf menurut MPSAS 13.

PP21. Contohnya, andaikan bahawa penerima pakai kali pertama mempunyai kenderaan bermotor yang tertakluk kepada perjanjian pajak kewangan pada tarikh pemakaian MPSAS asas akruan pada 1 Januari 20X1. Penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian yang memberikan tempoh pelepasan peralihan tiga tahun untuk tidak mengiktiraf kenderaan bermotor tersebut. Kenderaan bermotor tersebut diiktiraf pada 31 Disember 20X3 setelah pengecualian tamat tempoh. MPSAS 33 menghendaki penerima pakai kali pertama hanya mengiktiraf liabiliti pajak kewangan yang sepadan untuk kenderaan bermotor pada 31 Disember 20X3, iaitu pada tarikh aset pajak kewangan (kenderaan bermotor) diiktiraf.

Pengiktirafan Peruntukan yang Termasuk dalam Kos Awal Item Hartanah, Loji dan Peralatan

PP22. MPSAS 17 mengiktiraf bahawa dalam sesetengah kes, pembinaan atau pentauliah item hartanah, loji dan peralatan akan menyebabkan entiti mempunyai obligasi untuk menanggalkan atau mengalihkan item hartanah, loji dan peralatan serta memulihkan tapak terletaknya aset itu. Entiti dikehendaki mengguna pakai MPSAS 19, *Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka* dalam mengiktiraf dan mengukur peruntukan yang terhasil untuk dimasukkan dalam kos awal item hartanah, loji dan peralatan tersebut.

PP23. MPSAS 33 memberikan pengecualian untuk pengiktirafan liabiliti ini. Penerima pakai kali pertama dibenarkan untuk tidak mengiktiraf dan/atau mengukur liabiliti yang berkaitan dengan anggaran awal kos menanggal dan mengalihkan item tersebut serta memulihkan tapak terletaknya item tersebut, sehingga tempoh pengecualian untuk MPSAS 17 tamat dan/atau aset yang relevan diiktiraf dan/atau diukur serta maklumat yang relevan telah dibentangkan dan/atau didedahkan dalam penyata kewangan menurut MPSAS 17 (yang mana lebih awal).

PP24. Contohnya, entiti menerima pakai MPSAS asas akruan pada 1 Januari 20X1 dan memanfaatkan pengecualian dalam MPSAS 33 yang memberikan tempoh pelepasan peralihan tiga tahun untuk tidak mengiktiraf stesen janakuasa nuklear milik kerajaan. Penerima pakai kali pertama menentukan kos anggapan untuk aset pada 30 Jun 20X3 dan mengiktiraf aset pada tarikh

MPSAS 33 – Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan

tersebut dengan harga RM1,000,000. Penerima pakai kali pertama menentukan bahawa aset mempunyai obligasi penyahtauliah di bawah MPSAS 19 sebanyak RM500,000 pada tarikh pemakaian MPSAS. Obligasi itu berjumlah RM550,000 pada 30 Jun 20X3 apabila aset tersebut diiktiraf.

- PP25. MPSAS 33 menghendaki penerima pakai kali pertama hanya mengiktiraf dan/atau mengukur obligasinya yang berkaitan dengan menanggal dan memulihkan tapak pada 30 Jun 20X3, iaitu tarikh aset tersebut diiktiraf. Liabiliti akan diukur pada harga RM550,000 yang menunjukkan obligasi penerima pakai kali pertama pada tarikh aset tersebut diiktiraf. Penerima pakai kali pertama hendaklah, sebagai sebahagian daripada nota kepada penyata kewangan, menyediakan penyesuaian kepada lebih atau kurang terkumpul pada 31 Disember 20X2 (iaitu baki awal pada 1 Januari 20X3) bagi pengiktirafan obligasi dan aset berkaitan yang telah diiktiraf pada 30 Jun 20X2.

Kos Pinjaman yang Ditanggung atas Aset Layak

- PP26. Perenggan 90 MPSAS 33 menghendaki bahawa, jika penerima pakai kali pertama memilih untuk memperakaunkan kos pinjaman mengikut pengolahan alternatif yang dibenarkan, penerima pakai kali pertama dikehendaki menggunakan keperluan dalam MPSAS 5, *Kos Pinjaman* secara retrospektif, untuk apa-apa kos pinjaman yang ditanggung atas aset layak sebelum tarikh pemakaian MPSAS.
- PP27. Perenggan 44 MPSAS 33 memberikan pengecualian kepada keperluan ini dengan membenarkan penerima pakai kali pertama memulakan permodalan kos pinjaman yang ditanggung atas aset layak selepas pengiktirafan aset jika penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian yang memberikan tempoh pelepasan peralihan tiga tahun untuk pengiktirafan aset.
- PP28. Contohnya, penerima pakai kali pertama memakai pengolahan alternatif yang dibenarkan dalam perakaunan kos pinjaman yang ditanggung atas aset layak. Tarikh pemakaian MPSAS ialah 1 Januari 20X1. Penerima pakai kali pertama menentukan bahawa kos pinjaman yang ditanggung sebelum menerima pakai MPSAS pada 1 Januari 20X1 berjumlah RM500,000 dan kos pinjaman yang ditanggung pada dua akhir tempoh pelaporan yang berikutnya berjumlah RM20,000 dan RM30,000. Di samping itu, penerima pakai kali pertama menerima pakai pengecualian yang memberikan pelepasan peralihan tiga tahun daripada pengiktirafan hartanah, loji dan peralatan dan kesannya, mengiktiraf item hartanah, loji dan peralatan pada akhir tempoh pelaporan kedua pada RM1,000,000.

Pada akhir 20X2, item hartanah, loji dan peralatan yang diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan menjadi RM1,030,000 (RM1,000,000 + RM30,000). Kos pinjaman yang ditanggung sebelum pengiktirafan item hartanah, loji dan peralatan, iaitu RM500,000 dan RM20,000 tidak akan dimasukkan sebagai sebahagian daripada kos aset layak.

Membentangkan Maklumat Perbandingan

PP29. Perenggan 78 MPSAS 33 menggalakkan, tetapi tidak menghendaki entiti membentangkan maklumat perbandingan dalam penyata kewangan MPSAS peralihan atau penyata kewangan MPSAS pertama menurut MPSAS ini. Keputusan untuk membentangkan maklumat perbandingan memberi kesan bukan sahaja tahap maklumat yang dibentangkan, tetapi juga tarikh pemakaian MPSAS.

Tarikh Pemakaian MPSAS

PP30. Sebagai ilustrasi: Akhir tempoh pelaporan asas akruan pertama bagi penerima pakai kali pertama ialah 31 Disember 20X5. Penerima pakai kali pertama memutuskan untuk membentangkan maklumat perbandingan dalam penyata kewangan tersebut untuk satu tahun sahaja (lihat perenggan 78 MPSAS 33). Oleh itu, tarikh pemakaian MPSAS adalah pada permulaan tempoh perbandingan iaitu 1 Januari 20X4 (atau bersamaan dengan 31 Disember 20X3).

Maklumat yang Dibentangkan apabila Penerima Pakai Kali Pertama Memilih untuk Menyediakan Maklumat Perbandingan

PP31. Apabila penerima pakai kali pertama memilih untuk menyediakan maklumat perbandingan, penerima pakai kali pertama dikehendaki mengguna pakai MPSAS asas akruan yang berkuat kuasa bagi tempoh yang berakhir pada 31 Disember 20X5 dalam:

- (a) Menyedia dan membentangkan penyata kedudukan kewangan asas akruan pembukaannya pada 1 Januari 20X4; dan
- (b) Menyedia dan membentangkan:
 - (i) Penyata kedudukan kewangan seperti pada 31 Disember 20X5 (termasuk amaun perbandingan bagi 20X4);
 - (ii) Penyata prestasi kewangan (termasuk amaun perbandingan bagi 20X4);
 - (iii) Penyata perubahan aset bersih/ekuiti seperti pada 31 Disember 20X5 (termasuk amaun perbandingan bagi 20X4);
 - (iv) Penyata aliran tunai bagi tahun tersebut hingga 31 Disember 20X5 (termasuk amaun perbandingan bagi 20X4);
 - (v) Pendedahan (termasuk maklumat perbandingan bagi 20X4);
 - (vi) Perbandingan amaun bajet dan sebenar bagi tahun tersebut hingga 31 Disember 20X5; dan
 - (vii) Penyesuaian menurut perenggan 142.

**MPSAS 33 – Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS)
Asas Akruan**

Penerima Pakai Kali Pertama Memilih untuk Tidak Menyediakan Maklumat Perbandingan

PP32. Apabila penerima pakai kali pertama memilih untuk tidak menyediakan maklumat perbandingan, penerima pakai kali pertama dikehendaki mengguna pakai asas akruan yang berkuat kuasa bagi tempoh yang berakhir pada 31 Disember 20X5:

- (a) Menyedia dan membentangkan penyata kedudukan kewangan asas akruan pembukaannya pada 1 Januari 20X5; dan
- (b) Penyediaan dan pembentangan:
 - (i) Penyata kedudukan kewangan seperti pada 31 Disember 20X5;
 - (ii) Penyata prestasi kewangan bagi 31 Disember 20X5;
 - (iii) Penyata perubahan aset bersih/ekuiti seperti pada 31 Disember 20X5;
 - (iv) Penyata aliran tunai untuk tahun tersebut hingga 31 Disember 20X5;
 - (v) Pendedahan;
 - (vi) Perbandingan amaun bajet dan sebenar bagi tahun tersebut hingga 31 Disember 20X5; dan
 - (vii) Penyesuaian menurut perenggan 142.

Pemakaian Tempoh Pelepasan Peralihan Tiga Tahun

PP33. Apabila penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian yang memberikan pelepasan daripada pengiktirafan dan/atau pengukuran aset dan/atau liabiliti, MPSAS 33 menghendaki penerima pakai kali pertama untuk hanya melaraskan maklumat perbandingan bagi tempoh pelaporan selepas tarikh pemakaian MPSAS setakat yang maklumat boleh dipercayai dan relevan tersedia mengenai item yang telah diiktiraf dan/atau diukur.

PP34. Sebagai ilustrasi: Akhir tempoh pelaporan asas akruan pertama bagi penerima pakai kali pertama ialah 31 Disember 20X2. Pada tarikh pemakaian MPSAS pada 1 Januari 20X1, penerima pakai kali pertama mengguna pakai pengecualian peralihan yang memberikan tempoh pelepasan tiga tahun untuk pengiktirafan hartanah pelaburan. Pada akhir tahun 20X3, penerima pakai kali pertama telah mengiktiraf hartanah pelaburan yang dimasukkan dalam penyata kedudukan kewangan seperti pada 31 Disember 20X3. Hanya jika maklumat yang boleh dipercayai dan relevan tersedia tentang nilai hartanah pelaburan yang diiktiraf semasa tahun 20X3, penerima pakai kali pertama akan melaraskan maklumat perbandingan yang dibentangkan (contohnya, bagi tempoh berakhir pada 31 Disember 20X2).

Membentangkan Penyesuaian

- PP35. Perenggan 142 MPSAS 33 menghendaki penerima pakai kali pertama membentangkan penyesuaian baki akhir yang dilapor berdasarkan kepada asas perakaunan sebelumnya, kepada aset bersih/ekuiti menurut MPSAS bagi penyata kewangan MPSAS peralihan atau penyata kewangan MPSAS pertama. Penyesuaian lebihan atau kurangan dibentangkan menurut asas perakaunan sebelumnya kepada baki awal lebihan atau kurangan pada tarikh pemakaian MPSAS.
- PP36. Contohnya, penerima pakai kali pertama, yang sebelum ini mengguna pakai perakaunan asas akruan ubah suai, menerima pakai MPSAS asas akruan pada 1 Januari 20X4 dan memilih untuk tidak membentangkan maklumat perbandingan seperti yang dibenarkan dalam MPSAS 33. Menurut perenggan 142 MPSAS 33, penerima pakai kali pertama hendaklah membentangkan penyesuaian dalam nota kepada penyata kewangan MPSAS peralihan yang memberikan butiran yang mencukupi untuk membolehkan pengguna memahami pelarasan material pada penyata kedudukan kewangan pembukaan, dan jika berkenaan, penyata prestasi kewangan pembukaan seperti pada 1 Januari 20X4.
- PP37. Perenggan 146 selanjutnya menghendaki penerima pakai kali pertama yang memanfaatkan pengecualian yang memberikan tempoh pelepasan peralihan tiga tahun untuk tidak mengiktiraf dan/atau mengukur item, untuk membentangkan penyesuaian item yang telah diiktiraf dan/atau diukur dalam tempoh pelaporan yang tidak diiktiraf dan/atau diukur dalam penyata kewangan sebelum ini.
- PP38. Susulan daripada contoh dalam PP29, penerima pakai kali pertama menerima pakai pengecualian dalam MPSAS 33 yang membenarkannya untuk tidak mengiktiraf hartanah pelaburan selama tempoh tiga tahun. Penerima pakai kali pertama menggunakan pengecualian ini dan hanya mengiktiraf hartanah pelaburan pada akhir tahun ketiga, iaitu 31 Disember 20X4. Oleh sebab pelarasan dibuat pada baki awal lebihan atau kurangan terkumpul seperti pada 1 Januari 20X4 dalam mengiktiraf hartanah pelaburan, perenggan 146 menghendaki penerima pakai kali pertama membentangkan penyesuaian dalam nota kepada penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 20X4 untuk membolehkan pengguna memahami pelarasan yang telah dibuat selepas pengiktirafan hartanah pelaburan.

Kos Anggaran

PP39. MPSAS 33 membenarkan penerima pakai kali pertama menentukan kos anggaran sebagai pengganti kos pemerolehan atau kos disusut nilai pada tarikh pemakaian MPSAS, apabila penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian yang memberikan tempoh pelepasan peralihan tiga tahun untuk tidak mengiktiraf dan/atau mengukur aset dan/atau liabiliti tertentu. Kos anggaran, walau bagaimanapun hanya boleh ditentukan jika tiada maklumat kos tersedia mengenai kos sejarah aset dan/atau liabiliti. Apabila penerima pakai kali pertama mengukur aset ini pada pengukuran awal pada tarikh pemakaian MPSAS, atau apabila pengecualian peralihan yang memberi penerima pakai kali pertama tempoh pelepasan tiga tahun untuk tidak mengiktiraf dan/atau mengukur aset tertentu yang telah tamat tempoh, penerima pakai kali pertama akan mengiktiraf kesannya:

- (a) Sebagai pelarasan kepada baki awal lebihan atau kekurangan terkumpul dalam penyata kedudukan kewangan pembukaan dalam tempoh kos anggaran ditentukan; atau
- (b) Dalam lebihan penilaian semula jika penerima pakai kali pertama menerima pakai model penilaian semula dalam MPSAS 17 atau dalam MPSAS 31, *Aset Tak Ketara* .

Sebagai ilustrasi:

Entiti Sektor Awam X menerima pakai MPSAS asas akruan pada 1 Januari 20X4 dan menggunakan kos anggaran untuk mengukur hartanah pelaburan. Apabila menggunakan kos anggaran, hartanah pelaburan telah dinilai dengan harga RM1,800,000 pada tarikh pemakaian. Entiti Sektor Awam X memilih untuk tidak membentangkan maklumat perbandingan.

**MPSAS 33 – Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS)
Asas Akruan**

Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti bagi Tahun berakhir 31 Disember 20X4

	Disebabkan oleh pemilik entiti mengawal		Jumlah aset bersih/ekuiti
	Lebihan/kurangan terkumpul RM	Rizab lain RM	RM
Baki awal pada 1 Januari 20X4	210,000	10,000	220,000
Pengukuran hartanah pelaburan pada kos anggapan menurut MPSAS 33 (lihat nota 34)	1,500,000		1,500,000
Baki awal yang dinyatakan semula seperti pada 1 Januari 20X4	1,710,000	10,000	1,720,000
Lebihan untuk tempoh tersebut	5,000		5,000
Baki seperti pada 31 Disember 20X4	1,715,000	10,000	1,725,000

Nota kepada penyata kewangan Entiti Sektor Awam X seperti pada 31 Disember 20X4:

Nota 34 –Hartanah Pelaburan

	<i>31 Disember 20X4</i> <i>RM</i>
Baki awal hartanah pelaburan yang diiktiraf di bawah asas perakaunan sebelumnya	300,000
Hartanah pelaburan diukur pada kos anggapan seperti yang diperuntukkan dalam MPSAS 33 seperti pada 1 Januari 20X4	1,500,000
Baki awal hartanah pelaburan yang dinyatakan semula seperti pada 1 Januari 20X4	1,800,000
Tambahan

Pengecualian peralihan yang diterima pakai dalam MPSAS 33 semasa menerima pakai MPSAS asas akruan

Entiti Sektor Awam X menerima pakai MPSAS asas akruan pada 1 Januari 20X4 dan menggunakan kos anggapan dalam mengukur hartanah pelaburan kerana maklumat kos yang boleh dipercayai tentang beberapa hartanah pelaburan tidak tersedia. Kesannya, Entiti Sektor Awam X menyatakan semula baki awal hartanah pelaburannya dengan nilai tambahan sebanyak RM1,500,000 pada 1 Januari 20X4.

**MPSAS 33 – Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS)
Asas Akruan**

Nota 54 –Penyesuaian aset bersih/ekuiti dan lebih atau kurangan pada 1 Januari 20X4

Penyesuaian aset bersih/ekuiti seperti pada 1 Januari 20X4

	Aset bersih/ekuiti seperti pada 1 Januari 20X4
	RM
<i>Baki awal aset bersih/ekuiti seperti pada 1 Januari 20X4 yang dilaporkan di bawah asas perakaunan sebelumnya</i>	220,000
<i>Pengiktirafan hartanah pelaburan pada kos anggapan (lihat nota 34)</i>	1,500,000
<i>Baki awal aset bersih/ekuiti yang dinyatakan semula seperti pada 1 Januari 20X4</i>	1,720,000

Penyesuaian lebih atau kurangan pada 1 Januari 20X4

	Lebih atau kurangan pada 1 Januari 20X4
	RM
<i>Lebih atau kurangan seperti pada 31 Disember 20X3 seperti yang dilaporkan di bawah asas perakaunan sebelumnya</i>	210,000
<i>Pengiktirafan hartanah pelaburan pada kos anggapan (lihat nota 34)</i>	1,500,000
<i>Lebih atau kurangan yang dinyatakan semula seperti pada 1 Januari 20X4</i>	1,710,000

Menentukan Kos Anggapan Semasa Tempoh Peralihan

- PP40. Jika penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian dalam MPSAS 33 yang memberikan tempoh pelepasan peralihan tiga tahun untuk tidak mengiktiraf dan/atau mengukur aset, MPSAS menghendaki bahawa ia boleh menentukan kos anggapan untuk aset tersebut pada bila-bila masa dalam tempoh pelepasan peralihan tiga tahun.
- PP41. Susut nilai dan pelunasan berikutnya, jika berkenaan, dibuat berdasarkan kos anggapan tersebut dan bermula dari tarikh pemakaian MPSAS, atau apabila pengecualian peralihan yang memberikan pelepasan itu telah tamat tempoh, atau apabila item yang relevan diiktiraf dan/atau diukur mengikut MPSAS yang berkenaan (yang mana lebih awal).
- PP42. Contohnya, penerima pakai kali pertama menerima pakai MPSAS pada 1 Januari 20X1 dan menerima pakai pengecualian yang memberikan tempoh pelepasan peralihan tiga tahun untuk pengiktirafan hartanah pelaburan. Oleh sebab penerima pakai kali pertama tidak mempunyai maklumat kos yang boleh dipercayai tentang kos sejarah hartanah pelaburan pada tarikh pemakaian MPSAS, ia memutuskan untuk menentukan kos anggapan bagi hartanah pelaburan tersebut. Kos anggapan bagi hartanah pelaburan ditentukan dalam tempoh pelaporan kedua (contohnya 20X2) yang penerima pakai kali pertama menggunakan pengecualian tersebut.

MPSAS 33 – Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan

MPSAS 33 membenarkan penerima pakai kali pertama menggunakan kos anggapan yang ditentukan semasa tahun 20X2 dalam mengiktiraf hartanah pelaburan dengan melaraskan lebihan dan kurangan terkumpul pembukaan pada 1 Januari 20X2. Kos anggapan seperti yang ditentukan pada 1 Januari 20X2 akan digunakan dalam menentukan susut nilai berikutnya dan dalam menaksir penjejasan nilai jika penerima pakai kali pertama memilih untuk menggunakan model kos sebagai asas pengukuran seterusnya dalam mengguna pakai MPSAS 16.

MPSAS 5, Kos Pinjaman

PP43. Entiti menerima pakai MPSAS asas akruan pada 1 Januari 20X3 dan menerima pakai pengolahan alternatif yang dibenarkan dalam perakaunan kos pinjaman. Kos pinjaman yang berkaitan secara langsung dengan pemerolehan aset berjumlah RM525,000, iaitu RM500,000 telah ditanggung sebelum pemakaian MPSAS asas akruan, manakala RM25,000 telah ditanggung dalam tempoh pelaporan pertama berakhir 31 Disember 20X3. Perenggan 90 MPSAS 33 menghendaki penerima pakai kali pertama mengiktiraf secara retrospektif apa-apa kos pinjaman yang ditanggung sebelum menerima pakai MPSAS asas akruan apabila ia menerima pakai kaedah alternatif yang dibenarkan. Oleh itu, RM500,000 hendaklah dipermodalkan kepada kos aset yang diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan pembukaan seperti pada 1 Januari 20X3.

PP44. Jika entiti tersebut telah memilih untuk menggunakan pengolahan tanda aras, perenggan 88 MPSAS 33 menggalakkan, tetapi tidak menghendaki, penerima pakai kali pertama menggunakan dasar perakaunan secara retrospektif. Jika penerima pakai kali pertama memilih untuk menggunakan dasar perakaunannya secara prospektif, ia hanya akan membelanjakan RM25,000 dalam penyata prestasi kewangan bagi tempoh berakhir 31 Disember 20X3.

MPSAS 9, Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran

PP45. Jika penerima pakai kali pertama telah menerima amaun yang belum lagi layak untuk pengiktirafan sebagai hasil menurut MPSAS 9 (contohnya, hasil jualan yang tidak layak untuk pengiktirafan sebagai hasil), penerima pakai kali pertama mengiktiraf amaun diterima tersebut sebagai liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan pembukaannya dan mengukur liabiliti itu pada amaun yang diterima. Ia hendaklah menyahiktiraf liabiliti dan mengiktiraf hasil dalam penyata prestasi kewangannya apabila kriteria pengiktirafan dalam MPSAS 9 dipenuhi.

MPSAS 14, Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan

PP48. Melainkan seperti yang diterangkan dalam perenggan PP49, penerima pakai kali pertama mengguna pakai MPSAS 14, *Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan* dalam menentukan sama ada:

- (a) Penyata kedudukan kewangan pembukaannya menunjukkan peristiwa yang berlaku selepas tarikh peralihan; dan
- (b) Amaun perbandingan dalam penyata kewangan MPSAS peralihan atau penyata kewangan MPSAS pertama, jika berkenaan, menunjukkan peristiwa yang berlaku selepas akhir tempoh perbandingan tersebut.

**MPSAS 33 – Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS)
Asas Akruan**

PP49. Perenggan 23–26 MPSAS 33 menghendaki beberapa pengubahsuaian pada prinsip dalam MPSAS 14 apabila penerima pakai kali pertama menentukan sama ada perubahan dalam anggaran merupakan peristiwa perlu pelarasan atau tak perlu pelarasan pada tarikh pemakaian MPSAS (atau, apabila berkenaan, pada akhir tempoh perbandingan). Kes 1 dan 2 di bawah menggambarkan pengubahsuaian tersebut. Dalam kes 3 di bawah, perenggan 23–26 MPSAS 33 tidak menghendaki pengubahsuaian kepada prinsip dalam MPSAS 14.

- (a) Kes 1—Jika asas perakaunan sebelumnya penerima pakai kali pertama bagi item yang serupa untuk tarikh pemakaian MPSAS, menggunakan dasar perakaunan yang konsisten dengan MPSAS. Dalam kes ini, anggaran mengikut MPSAS perlu konsisten dengan anggaran yang dibuat untuk tarikh tersebut mengikut asas perakaunan sebelumnya, melainkan terdapat bukti objektif bahawa anggaran tersebut adalah kesilapan (lihat MPSAS 3, *Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan*). Penerima pakai kali pertama melaporkan semakan kemudian bagi anggaran tersebut sebagai peristiwa dalam tempoh ia membuat semakan tersebut, bukannya sebagai peristiwa pelarasan yang terhasil daripada penerimaan bukti lanjut tentang keadaan yang wujud pada tarikh pemakaian MPSAS.
- (b) Kes 2—asas perakaunan sebelumnya menghendaki anggaran item yang serupa bagi tarikh pemakaian MPSAS, tetapi penerima pakai kali pertama membuat anggaran tersebut menggunakan dasar perakaunan yang tidak konsisten dengan dasar perakaunan menurut MPSAS. Dalam kes ini, anggaran mengikut MPSAS perlu konsisten dengan anggaran yang diperlukan mengikut asas perakaunan sebelumnya bagi tarikh tersebut (melainkan terdapat bukti objektif bahawa anggaran tersebut adalah kesilapan), selepas melaraskan perbezaan dalam dasar perakaunan. Penyata kedudukan kewangan pembukaan menunjukkan pelarasan tersebut untuk perbezaan dalam dasar perakaunan. Seperti dalam kes 1, penerima pakai kali pertama melaporkan semakan kemudian bagi anggaran tersebut sebagai peristiwa dalam tempoh ia membuat semakan tersebut.

Contohnya, asas perakaunan sebelumnya mungkin menghendaki penerima pakai kali pertama mengiktiraf dan mengukur peruntukan berdasarkan asas yang konsisten dengan MPSAS 19, *Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka*, kecuali bahawa pengukuran asas perakaunan sebelumnya adalah pada asas yang tidak terdiskaun. Dalam contoh ini, penerima pakai kali pertama menggunakan anggaran mengikut asas perakaunan sebelumnya sebagai input dalam membuat pengukuran terdiskaun yang dikehendaki oleh MPSAS 19.

- (c) Kes 3—Asas perakaunan sebelumnya tidak memerlukan anggaran item yang serupa bagi tarikh pemakaian MPSAS. Anggaran menurut MPSAS untuk tarikh tersebut menunjukkan keadaan yang wujud pada tarikh tersebut. Khususnya, anggaran harga pasaran, kadar faedah atau kadar tukaran asing pada tarikh pemakaian MPSAS menunjukkan keadaan pasaran pada tarikh tersebut. Ini adalah konsisten dengan perbezaan dalam MPSAS 14 antara peristiwa perlu pelarasan selepas tempoh pelaporan dengan peristiwa tak perlu pelarasan selepas tempoh pelaporan.

MPSAS 33 – Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan

PP50. Sebagai ilustrasi: Penyata kewangan MPSAS peralihan pertama Entiti A adalah untuk tempoh berakhir 31 Disember 20X5 dengan penerima pakai kali pertama memilih untuk membentangkan maklumat perbandingan. Mengikut terma asas perakaunan sebelumnya, urus niaga dan peristiwa berikut dicatatkan dalam penyata kewangan entiti A bagi 31 Disember 20X3 dan 20X4:

- (a) Anggaran belanja terakru dan peruntukan telah dibuat pada tarikh tersebut;
- (b) Entiti memperakaunkan menggunakan asas tunai untuk pelan pencen manfaat ditentukan; dan
- (c) Tiada peruntukan diiktiraf untuk kes mahkamah yang timbul daripada peristiwa yang berlaku pada September 20X4. Apabila kes mahkamah selesai pada 30 Jun 20X5, entiti A dikehendaki membayar RM1 000 dan membayar amaun ini pada 10 Julai 20X5.

Semasa menyediakan penyata kewangan MPSAS peralihannya, entiti A merumuskan bahawa anggarannya menurut asas perakaunan sebelumnya bagi belanja terakru dan peruntukan pada 31 Disember 20X3 dan 20X4 telah dibuat berdasarkan asas yang konsisten dengan dasar perakaunannya menurut MPSAS. Walaupun beberapa akruan dan peruntukan menjadi terlebih anggar dan yang lain pula terkurang anggar, entiti A merumuskan bahawa anggarannya adalah munasabah dan oleh itu, tiada kesilapan telah berlaku. Kesannya, perakaunan untuk anggaran terlebih dan anggaran terkurang tersebut melibatkan pelarasan rutin anggaran menurut MPSAS 3, *Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan*.

Aplikasi Keperluan

Semasa menyediakan penyata kedudukan kewangan pembukaan pada 1 Januari 20X4 dan dalam penyata perbandingan kedudukan kewangan pada 31 Disember 20X4, entiti A:

- (a) Tidak melaraskan anggaran sebelum bagi belanja terakru dan peruntukan; dan
- (b) Membuat anggaran (dalam bentuk andaian aktuari) yang diperlukan untuk mengambil kira pelan pencen menurut MPSAS 25, *Manfaat Pekerja*. Andaian aktuari entiti A pada 1 Januari 20X4 dan 31 Disember 20X4 tidak menunjukkan keadaan yang timbul selepas tarikh tersebut. Contohnya, entiti A:
 - (i) Kadar diskaun pada 1 Januari 20X4 dan 31 Disember 20X4 untuk pelan pencen dan peruntukan menunjukkan keadaan pasaran pada tarikh tersebut; dan
 - (ii) Andaian aktuari pada 1 Januari 20X4 dan 31 Disember 20X4 tentang kadar pusing ganti pekerja masa depan tidak menunjukkan keadaan yang timbul selepas tarikh tersebut—seperti peningkatan signifikan dalam anggaran kadar pusing ganti pekerja akibat pengurangan pelan pencen pada tahun 20X5.

Pengolahan kes mahkamah pada 31 Disember 20X4 bergantung kepada sebab mengapa entiti A tidak mengiktiraf peruntukan menurut asas perakaunan sebelumnya pada tarikh tersebut.

MPSAS 33 – Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan

Andaian 1 –Asas perakaunan sebelumnya adalah konsisten dengan MPSAS 19, *Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka*. Entiti A merumuskan bahawa kriteria pengiktirafan tidak dipenuhi. Dalam kes ini, andaian entiti A menurut MPSAS adalah konsisten dengan andaian menurut asas perakaunan sebelumnya. Oleh itu, entiti A tidak mengiktiraf peruntukan pada 31 Disember 20X4.

Andaian 2 –Asas perakaunan sebelumnya entiti A tidak konsisten dengan MPSAS 19. Oleh itu, entiti A membuat anggaran menurut MPSAS 19. Di bawah MPSAS 19, entiti menentukan sama ada obligasi wujud pada akhir tempoh pelaporan dengan mengambil kira semua bukti yang tersedia, termasuk apa-apa bukti tambahan yang disediakan oleh peristiwa selepas tempoh pelaporan. Begitu juga, menurut MPSAS 14, *Peristiwa selepas Tarikh Pelaporan*, penyelesaian kes mahkamah selepas tempoh pelaporan merupakan peristiwa perlu pelarasan selepas tempoh pelaporan jika entiti mengesahkan bahawa entiti mempunyai obligasi kini pada tarikh tersebut. Dalam keadaan ini, penyelesaian kes mahkamah mengesahkan bahawa entiti A mempunyai liabiliti pada September 20X4 (apabila peristiwa berlaku yang menimbulkan kes mahkamah). Oleh itu, entiti A mengiktiraf peruntukan pada 31 Disember 20X4. Entiti A mengukur peruntukan itu dengan mendiskaunkan RM1 000 yang dibayar pada 10 Julai 20X5 kepada nilai kini, menggunakan kadar diskaun yang mematuhi MPSAS 19 dan menunjukkan keadaan pasaran pada 31 Disember 20X4.

- PP51. Perenggan 23–26 MPSAS 33 tidak mengatasi keperluan dalam MPSAS lain yang berasaskan klasifikasi atau pengukuran pada keadaan yang wujud pada tarikh tertentu. Contohnya termasuk:
- (a) Perbezaan antara pajakan kewangan dengan pajakan operasi (lihat MPSAS 13, *Pajakan*); dan
 - (b) Perbezaan antara liabiliti kewangan dengan instrumen ekuiti (lihat MPSAS 28, *Instrumen Kewangan: Pembentangan*).

MPSAS 13, Pajakan

- PP52. Menurut perenggan 95 MPSAS 33 dan perenggan 18 MPSAS 13, penerima pajak atau pemberi pajak mengklasifikasikan pajakan sebagai pajakan operasi atau pajakan kewangan berasaskan keadaan yang wujud pada permulaan pajakan, pada tarikh pemakaian MPSAS asas akruan. Dalam sesetengah kes, penerima pajak dan pemberi pajak mungkin bersetuju untuk menukar peruntukan pajakan, selain daripada memperbaharui pajakan, dengan cara yang akan mengakibatkan klasifikasi yang berbeza menurut MPSAS 13 sekiranya terma yang diubah itu berkuat kuasa pada permulaan pajakan. Jika demikian, perjanjian yang disemak itu dianggap sebagai perjanjian baharu sepanjang tempoh dari tarikh pemakaian MPSAS asas akruan. Walau bagaimanapun, perubahan dalam anggaran (contohnya, perubahan dalam anggaran usia ekonomi atau nilai sisa hartanah yang dipajak) atau perubahan dalam keadaan (contohnya, kemungkiran oleh penerima pajak) tidak menimbulkan klasifikasi baharu pajakan.

MPSAS 17, Hartanah, Loji dan Peralatan

- PP53. Jika kaedah dan kadar susut nilai penerima pakai kali pertama menurut asas perakaunan sebelumnya boleh diterima menurut MPSAS, ia akan mengakaunkan apa-apa perubahan dalam anggaran usia guna atau corak susut nilai secara prospektif dari masa ia membuat perubahan dalam anggaran tersebut (perenggan 22 dan 26 MPSAS 33 dan perenggan 76 MPSAS 17). Walau bagaimanapun, dalam sesetengah kes, kaedah dan kadar susut nilai penerima pakai kali pertama menurut asas perakaunan sebelumnya mungkin berbeza daripada kaedah dan kadar yang boleh diterima menurut MPSAS (contohnya, jika kaedah dan kadar tidak menunjukkan anggaran yang munasabah bagi usia guna aset tersebut). Jika perbezaan tersebut mempunyai kesan material ke atas penyata kewangan, entiti akan melaraskan susut nilai terkumpul dalam penyata kedudukan kewangan pembukaannya secara retrospektif supaya mematuhi MPSAS.
- PP54. Penerima pakai kali pertama boleh memilih untuk menggunakan salah satu daripada amaun berikut sebagai kos anggapan hartanah, loji dan peralatan:
- (a) Nilai saksama pada tarikh pemakaian MPSAS (perenggan 67 MPSAS 33), bagi kes penerima pakai kali pertama memberikan pendedahan yang dikehendaki oleh perenggan 148 MPSAS 33; atau
 - (b) Penilaian semula menurut asas perakaunan sebelumnya yang memenuhi kriteria dalam perenggan 67 MPSAS 33.
- PP55. Susut nilai berikutnya dibuat berdasarkan kos anggapan tersebut dan bermula dari tarikh penerima pakai kali pertama menentukan kos anggapan, atau apabila penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian yang memberikan tempoh pelepasan peralihan tiga tahun untuk tidak mengiktiraf aset tertentu, apabila pengecualian yang memberikan pelepasan telah tamat tempoh, atau aset telah diiktiraf menurut MPSAS 17 (yang mana lebih awal).
- PP56. Jika penerima pakai kali pertama memilih model penilaian semula dalam MPSAS 17 sebagai dasar perakaunannya untuk beberapa atau semua kelas hartanah, loji dan peralatan, ia akan membentangkan lebih penilaian semula terkumpul sebagai komponen berasingan dalam aset bersih/ekuiti. Lebih penilaian semula pada tarikh pemakaian MPSAS adalah berdasarkan perbandingan amaun bawaan aset pada tarikh tersebut dengan kos atau kos anggapannya. Jika kos anggapan ialah nilai saksama pada tarikh pemakaian MPSAS atau jika penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian yang memberikan tempoh pelepasan peralihan tiga tahun untuk tidak mengiktiraf dan/atau mengukur aset tertentu, apabila pengecualian yang memberikan pelepasan telah tamat tempoh, atau aset telah diiktiraf dan/atau diukur menurut MPSAS 17 (yang mana lebih awal), penerima pakai kali pertama akan memberikan pendedahan yang dikehendaki oleh perenggan 148 MPSAS 33.
- PP57. Jika penilaian semula menurut asas perakaunan sebelumnya penerima pakai kali pertama tidak memenuhi kriteria dalam perenggan 67 atau 69 MPSAS 33, penerima pakai kali pertama akan mengukur aset yang dinilai semula dalam penyata kedudukan kewangan pembukaannya menggunakan salah satu asas berikut:

MPSAS 33 – Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan

- (a) Kos (atau kos anggapan) ditolak apa-apa susut nilai terkumpul dan apa-apa kerugian penjejasan nilai terkumpul di bawah model kos dalam MPSAS 17;
- (b) Kos anggapan, sebagai nilai saksama atau alternatif apabila bukti nilai saksama berasaskan pasaran tidak tersedia, pada tarikh pemakaian MPSAS, atau jika penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian yang memberikan tempoh pelepasan peralihan tiga tahun untuk tidak mengiktiraf dan/atau mengukur aset tertentu, pada tarikh aset itu diiktiraf dan/atau diukur semasa tempoh peralihan, atau apabila pengecualian peralihan tamat tempoh (yang mana lebih awal); atau
- (c) Amaun yang dinilai semula, jika entiti mengguna pakai model penilaian semula dalam MPSAS 17 sebagai dasar perakaunannya menurut MPSAS bagi semua item hartanah, loji dan peralatan dalam kelas yang sama.

PP58. MPSAS 17 menghendaki setiap bahagian item hartanah, loji dan peralatan dengan kos yang signifikan berbanding dengan jumlah kos item tersebut disusut nilai secara berasingan. Walau bagaimanapun, MPSAS 17 tidak menetapkan unit pengukuran untuk pengiktirafan aset, iaitu perkara yang membentuk item hartanah, loji dan peralatan. Oleh itu, pertimbangan diperlukan dalam menggunakan kriteria pengiktirafan pada keadaan khusus entiti (perenggan 18 dan 59).

MPSAS 25, Manfaat Pekerja

PP59. Pada tarikh pemakaian MPSAS, penerima pakai kali pertama mengguna pakai MPSAS 25 semasa mengukur pelan manfaat ditentukan dan manfaat pekerja jangka panjang yang lain, serta mengiktiraf semua laba atau rugi aktuari terkumpul dari permulaan pelan hingga tarikh pemakaian MPSAS, atau jika penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian yang memberikan tempoh pelepasan peralihan tiga tahun daripada pengiktirafan pelan manfaat ditentukan dan manfaat pekerja jangka panjang yang lain, pada tarikh tamat tempoh pengecualian atau apabila pelan manfaat ditentukan dan manfaat pekerja jangka panjang yang lain diiktiraf dan/atau diukur menurut MPSAS 25 (yang mana lebih awal), walaupun dasar perakaunannya menurut MPSAS 25 akan melibatkan peninggalan beberapa laba dan rugi aktuari yang kemudian tidak diiktiraf (lihat perenggan 105 MPSAS 33).

PP60. Andaian aktuari penerima pakai kali pertama pada tarikh pemakaian MPSAS, atau jika penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian yang memberikan pelepasan daripada pengiktirafan pelan manfaat ditentukan dan manfaat pekerja jangka panjang yang lain, pada tarikh tamat tempoh pengecualian atau apabila pelan manfaat ditentukan dan manfaat pekerja jangka panjang yang lain diiktiraf dan/atau diukur menurut MPSAS 25 (yang mana lebih awal), adalah konsisten dengan andaian aktuari yang dibuat pada akhir tempoh perbandingannya (jika penerima pakai kali pertama memilih untuk membentangkan maklumat perbandingan menurut perenggan 78 MPSAS 33) menurut asas perakaunan sebelumnya (selepas pelarasan untuk menunjukkan apa-apa perbezaan dalam dasar perakaunan), melainkan terdapat bukti objektif bahawa andaian tersebut adalah kesilapan (perenggan 23 daripada MPSAS 33). Apa-apa semakan kemudian kepada andaian tersebut ialah laba atau rugi aktuari dalam tempoh penerima pakai kali pertama membuat semakan.

**MPSAS 33 – Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS)
Asas Akruan**

- PP61. Penerima pakai kali pertama mungkin perlu membuat andaian aktuari pada tarikh pemakaian MPSAS, atau jika penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian yang memberikan pelepasan daripada pengiktirafan pelan manfaat ditentukan dan manfaat pekerja jangka panjang yang lain, pada tarikh tamat tempoh pengecualian atau apabila pelan manfaat ditentukan dan manfaat pekerja jangka panjang yang lain diiktiraf dan/atau diukur menurut MPSAS 25 (yang mana lebih awal), yang tidak diperlukan menurut asas perakaunan. Andaian aktuari sedemikian tidak menunjukkan keadaan yang timbul selepas tarikh pemakaian MPSAS, atau jika penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian yang memberikan pelepasan daripada pengiktirafan pelan manfaat ditentukan dan manfaat pekerja jangka panjang yang lain, pada tarikh tamat tempoh pengecualian atau apabila pelan manfaat ditentukan dan manfaat pekerja jangka panjang yang lain diiktiraf dan/atau diukur menurut MPSAS 25 (yang mana lebih awal). Khususnya, kadar diskaun dan nilai saksama aset pelan pada tarikh pemakaian MPSAS, atau jika penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian yang memberikan pelepasan daripada pengiktirafan pelan manfaat ditentukan dan manfaat pekerja jangka panjang yang lain, pada tarikh tamat tempoh pengecualian atau apabila liabiliti diiktiraf dan/atau diukur menurut MPSAS 25 (yang mana lebih awal), menunjukkan keadaan pasaran pada tarikh tersebut. Begitu juga, andaian aktuari penerima pakai kali pertama semasa menerima pakai MPSAS, atau apabila penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian yang memberikan pelepasan daripada pengiktirafan pelan manfaat ditentukan dan manfaat pekerja jangka panjang yang lain, pada tarikh tamat tempoh pengecualian atau apabila pelan manfaat ditentukan dan manfaat pekerja jangka panjang yang lain diiktiraf dan/atau diukur menurut MPSAS 25 (yang mana lebih awal), tentang kadar pusing ganti pekerja masa depan tidak menunjukkan peningkatan signifikan dalam anggaran kadar pusing ganti pekerja akibat pengurangan pelan pencen yang berlaku selepas tarikh pemakaian MPSAS, atau apabila penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian yang memberikan pelepasan daripada pengiktirafan pelan manfaat ditentukan dan manfaat pekerja jangka panjang yang lain, pada tarikh tamat tempoh pengecualian atau apabila pelan manfaat ditentukan dan manfaat pekerja jangka panjang yang lain diiktiraf dan/atau diukur menurut MPSAS 25 (yang mana lebih awal) (perenggan 23 MPSAS 33).
- PP62. Dalam kebanyakan kes, penyata kewangan MPSAS peralihan penerima pakai kali pertama atau penyata kewangan MPSAS pertamanya akan menunjukkan pengukuran obligasi manfaat pekerja pada tiga tarikh (apabila penerima pakai kali pertama memilih untuk membentangkan maklumat perbandingan menurut perenggan 78 MPSAS 33): akhir tempoh pelaporan pertama, tarikh perbandingan bagi penyata kedudukan kewangan (apabila penerima pakai kali pertama memilih untuk membentangkan maklumat perbandingan) dan tarikh pemakaian MPSAS, atau apabila penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian yang memberikan pelepasan daripada pengiktirafan pelan manfaat ditentukan dan manfaat pekerja jangka panjang yang lain, pada tarikh tamat tempoh pengecualian atau apabila pelan manfaat ditentukan dan manfaat pekerja jangka panjang yang lain diiktiraf dan/atau diukur menurut MPSAS 25 (yang mana lebih awal). MPSAS 25 menggalakkan penerima pakai kali pertama agar melibatkan aktuari bertauliah dalam pengukuran semua obligasi manfaat pasca pekerjaan yang material. Untuk meminimumkan kos, penerima pakai kali pertama boleh meminta aktuari bertauliah menjalankan penilaian aktuari terperinci pada satu atau dua tarikh ini dan membawa penilaian

MPSAS 33 – Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan

ke depan atau ke belakang kepada tarikh yang lain. Mana-mana bawa ke depan atau ke belakang tersebut yang menunjukkan apa-apa urusan niaga material dan peristiwa material lain (termasuk perubahan dalam harga pasaran dan kadar faedah) antara tarikh tersebut (perenggan 68 MPSAS 25).

MPSAS 21, Penjejasan Nilai Aset Tidak Menjana Tunai dan MPSAS 26, Penjejasan Nilai Aset Menjana Tunai

- PP63. Perenggan 98 dan 108 MPSAS 33 menghendaki penerima pakai kali pertama menggunakan keperluan dalam MPSAS 21 dan MPSAS 26 secara prospektif dari tarikh pemakaian MPSAS asas akruan, atau jika penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian yang memberikan tempoh pelepasan peralihan tiga tahun untuk tidak mengiktiraf dan/atau mengukur aset, pada tarikh apabila pengecualian yang memberikan pelepasan tamat tempoh dan/atau aset itu diiktiraf dan/atau diukur. Contohnya, jika entiti memakai MPSAS asas akruan pada 1 Januari 20X1 dan memanfaatkan tempoh pelepasan peralihan tiga tahun untuk tidak mengiktiraf dan/atau mengukur sesuatu item atau hartanah, loji dan peralatan, maka tiada keperluan untuk menaksir item hartanah, loji dan peralatan itu bagi penjejasan nilai hingga (a) 31 Disember 20X3 (iaitu tarikh tamat tempoh pengecualian peralihan) atau (b) tarikh selepas pengiktirafan item hartanah, loji dan peralatan jika item tersebut telah diiktiraf dan/atau diukur semasa tempoh peralihan (yang mana lebih awal).
- PP64. Anggaran yang digunakan untuk menentukan sama ada penerima pakai kali pertama mengiktiraf kerugian penjejasan nilai (dan untuk mengukur apa-apa kerugian penjejasan nilai sedemikian) pada tarikh pemakaian MPSAS, atau jika penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian yang memberikan pelepasan daripada pengiktirafan aset, pada tarikh tamat tempoh pengecualian atau apabila aset diiktiraf dan/atau diukur mengikut MPSAS yang berkenaan (yang mana lebih awal) adalah konsisten dengan anggaran yang dibuat pada akhir tempoh perbandingan (jika penerima pakai kali pertama memilih untuk membentangkan maklumat perbandingan mengikut perenggan 78 MPSAS 33) bagi asas perakaunan sebelumnya oleh penerima pakai kali pertama (selepas pelarasan untuk menggambarkan apa-apa perbezaan dalam dasar perakaunan), melainkan terdapat bukti objektif bahawa anggaran tersebut adalah kesilapan (perenggan 23 dan 24 MPSAS 33). Penerima pakai kali pertama melaporkan apa-apa semakan kemudian bagi anggaran tersebut sebagai peristiwa dalam tempoh penerima pakai kali pertama membuat semakan.
- PP65. Dalam menaksir sama ada perlu mengiktiraf kerugian penjejasan nilai (dan dalam mengukur apa-apa kerugian penjejasan nilai sedemikian) pada tarikh pemakaian MPSAS, atau jika penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian yang memberikan pelepasan daripada pengiktirafan aset, pada tarikh tamat tempoh pengecualian atau apabila aset diiktiraf dan/atau diukur mengikut MPSAS yang berkenaan (yang mana lebih awal), penerima pakai kali pertama mungkin perlu membuat anggaran untuk tarikh tersebut yang tidak diperlukan menurut asas perakaunan sebelumnya. Anggaran dan andaian sedemikian tidak menggambarkan keadaan yang timbul selepas tarikh peralihan, atau apabila penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian yang memberikan pelepasan daripada pengiktirafan aset, pada tarikh tamat tempoh

MPSAS 33 – Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan

pegecualian atau apabila aset diiktiraf dan/atau diukur mengikut MPSAS yang berkenaan (yang mana lebih awal) (perenggan 25 MPSAS 33).

MPSAS 28, Instrumen Kewangan: Pembentangan

PP66. Dalam penyata kedudukan kewangan pembukaannya, penerima pakai kali pertama menggunakan kriteria dalam MPSAS 28 untuk mengklasifikasikan instrumen kewangan yang diterbitkan (atau komponen instrumen kompaun yang diterbitkan) sebagai sama ada liabiliti kewangan atau instrumen aset bersih/ekuiti menurut intipati pengaturan berkontrak apabila instrumen kali pertama memenuhi kriteria pengiktirafan dalam MPSAS 28 (perenggan 13 dan 35), tanpa mengambil kira peristiwa selepas tarikh tersebut (selain daripada perubahan pada terma instrumen).

MPSAS 29, Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran

Pengiktirafan

PP67. Penerima pakai kali pertama mengiktiraf semua aset kewangan dan liabiliti kewangan (termasuk semua derivatif) yang layak untuk pengiktirafan menurut MPSAS 29 dan belum lagi layak untuk dinyahiktiraf menurut MPSAS 29, kecuali aset kewangan bukan derivatif dan liabiliti kewangan bukan derivatif yang dinyahiktiraf menurut asas perakaunan sebelumnya sebelum tarikh pemakaian MPSAS, atau apabila penerima pakai kali pertama memanfaatkan pegecualian yang memberikan pelepasan daripada pengiktirafan instrumen kewangan, pada tarikh tamat tempoh pegecualian atau apabila instrumen kewangan diiktiraf dan/atau diukur menurut MPSAS yang berkenaan (yang mana lebih awal), yang penerima pakai kali pertama tidak memilih untuk menggunakan perenggan 116 MPSAS 33 (lihat perenggan 115 dan 116 MPSAS 33).

PP68. Contohnya, penerima pakai kali pertama yang tidak menggunakan perenggan 116 MPSAS 33 tidak mengiktiraf aset yang dipindahkan dalam pensekuritian, pindahan atau urus niaga penyahiktirafan lain yang berlaku sebelum tarikh pemakaian MPSAS jika urus niaga tersebut layak untuk dinyahiktiraf menurut asas perakaunan sebelumnya. Walau bagaimanapun, jika penerima pakai kali pertama menggunakan pengaturan pensekuritian yang sama atau pengaturan penyahiktirafan lain untuk pindahan selanjutnya selepas tarikh peralihan kepada MPSAS, atau jika penerima pakai kali pertama memanfaatkan pegecualian yang memberikan pelepasan daripada pengiktirafan dan/atau pengukuran instrumen kewangan, pada tarikh tamat tempoh pegecualian atau apabila instrumen kewangan diiktiraf dan/atau diukur menurut MPSAS yang berkenaan (yang mana lebih awal), pindahan selanjutnya itu layak dinyahiktiraf hanya jika ia memenuhi kriteria penyahiktirafan MPSAS 29.

Derivatif Terkandung

PP69. Apabila MPSAS 29 menghendaki penerima pakai kali pertama mengasingkan derivatif terkandung daripada kontrak hos, amaun bawaan awal komponen pada tarikh apabila instrumen itu mula-mula memenuhi kriteria pengiktirafan dalam MPSAS 29 akan menggambarkan keadaan pada tarikh tersebut (MPSAS 29 perenggan 12). Jika penerima pakai kali pertama tidak

MPSAS 33 – Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan

dapat menentukan amaun bawaan awal derivatif terkandung dan kontrak hos dengan pasti, ia akan mengukur keseluruhan kontrak gabungan pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan (MPSAS 29 perenggan 14).

Pengukuran

PP70. Semasa menyediakan penyata kedudukan kewangan pembukaan, penerima pakai kali pertama menggunakan kriteria dalam MPSAS 29 untuk mengenal pasti aset kewangan dan liabiliti kewangan yang diukur pada nilai saksama dan kos terlunas.

Melaraskan Amaun Bawaan Instrumen Kewangan pada Tarikh Pemakaian MPSAS Asas Akruan atau Semasa Tempoh Peralihan

PP71. Penerima pakai kali pertama hendaklah membuat pelarasan kepada amaun bawaan aset kewangan atau liabiliti kewangan sebagai pelarasan yang akan diiktiraf dalam baki awal lebihan atau kurangan terkumpul pada tarikh pemakaian MPSAS, atau apabila penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian yang memberikan pelepasan daripada pengiktirafan dan/atau pengukuran instrumen kewangan, pada tarikh tamat tempoh pengecualian atau apabila instrumen kewangan diiktiraf dan/atau diukur menurut MPSAS yang berkenaan (yang mana lebih awal), hanya setakat pelarasan terhasil daripada menerima pakai MPSAS 29. Oleh sebab semua derivatif, selain daripada derivatif yang merupakan kontrak jaminan kewangan atau instrumen lindung nilai yang efektif dan ditetapkan, diklasifikasikan sebagai dipegang untuk dagangan, perbezaan antara amaun bawaan terdahulu (yang mungkin sifar) dengan nilai saksama derivatif akan diiktiraf sebagai pelarasan baki lebihan atau kurangan terkumpul pada awal tahun kewangan yang MPSAS 29 pada awalnya digunakan, atau jika penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian yang memberikan pelepasan daripada pengiktirafan dan/atau pengukuran instrumen kewangan, pada tarikh tamat tempoh pengecualian atau apabila instrumen kewangan diiktiraf dan/atau diukur menurut MPSAS yang berkenaan (yang mana lebih awal).

Perakaunan Lindung Nilai

PP72. Perenggan 117 hingga 119 MPSAS 33 adalah berkenaan dengan perakaunan lindung nilai. Penetapan dan dokumentasi hubungan lindung nilai mestilah dilengkapkan pada atau sebelum tarikh pemakaian MPSAS, atau apabila penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian yang memberikan pelepasan daripada pengiktirafan dan/atau pengukuran instrumen kewangan, pada tarikh tamat tempoh pengecualian atau apabila instrumen kewangan diiktiraf dan/atau diukur mengikut MPSAS yang berkenaan (yang mana lebih awal) jika hubungan lindung nilai layak untuk perakaunan lindung nilai dari tarikh tersebut. Perakaunan lindung nilai boleh digunakan secara prospektif hanya dari tarikh hubungan lindung nilai ditetapkan dan didokumenkan sepenuhnya.

PP73. Penerima pakai kali pertama mungkin, mengikut asas perakaunan sebelumnya, telah menunda atau tidak mengiktiraf laba dan rugi pada lindung nilai saksama bagi item dilindung nilai yang tidak diukur pada nilai saksama. Bagi lindung nilai saksama sedemikian, penerima pakai kali

MPSAS 33 – Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan

pertama akan melaraskan amaun bawaan item dilindung nilai pada tarikh pemakaian MPSAS, atau apabila penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian yang memberikan pelepasan daripada pengiktirafan instrumen kewangan, pada tarikh tamat tempoh pengecualian atau apabila instrumen kewangan diiktiraf dan/atau diukur menurut MPSAS yang berkenaan (yang mana lebih awal). Pelarasan adalah yang lebih rendah daripada:

- (a) Bahagian perubahan terkumpul dalam nilai saksama item dilindung nilai yang menggambarkan risiko dilindung nilai yang ditetapkan dan tidak diiktiraf menurut asas perakaunan sebelumnya; dan
- (b) Bahagian perubahan terkumpul dalam nilai saksama instrumen lindung nilai yang menggambarkan risiko dilindung nilai yang ditetapkan dan, menurut asas perakaunan sebelumnya, sama ada (i) tidak diiktiraf atau (ii) tertunda dalam penyata kedudukan kewangan sebagai aset atau liabiliti.

PP74. Penerima pakai kali pertama mungkin telah menunda laba dan rugi pada lindung nilai aliran tunai urus niaga ramalan mengikut asas perakaunan sebelumnya. Sekiranya, pada tarikh pemakaian MPSAS, atau apabila penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian yang memberikan pelepasan daripada pengiktirafan dan/atau pengukuran instrumen kewangan, pada tarikh tamat tempoh pengecualian atau apabila instrumen kewangan diiktiraf dan/atau diukur menurut MPSAS yang berkenaan (yang mana lebih awal), urus niaga ramalan yang dilindung nilai tidak berkemungkinan tinggi, tetapi dijangka akan berlaku, keseluruhan laba atau rugi tertunda akan diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti. Apa-apa laba atau rugi terkumpul bersih yang telah diklasifikasikan semula kepada aset bersih/ekuiti pada penggunaan awal MPSAS 29 atau jika penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian yang memberikan pelepasan daripada pengiktirafan dan/atau pengukuran instrumen kewangan, pada tarikh tamat tempoh pengecualian atau apabila instrumen kewangan diiktiraf dan/atau diukur menurut MPSAS yang berkenaan (yang mana lebih awal) kekal dalam aset bersih/ekuiti sehingga (a) urus niaga ramalan berikutnya menghasilkan pengiktirafan aset bukan kewangan atau liabiliti bukan kewangan, (b) urus niaga ramalan memberi kesan lebihan atau kurangan atau (c) keadaan berubah selepas itu dan urus niaga ramalan tidak lagi dijangka akan berlaku, dalam hal ini, apa-apa laba atau rugi terkumpul bersih berkaitan akan diklasifikasikan semula daripada aset bersih/ekuiti kepada lebihan atau kurangan. Sekiranya instrumen perlindungan nilai masih dipegang, tetapi lindung nilai tidak layak sebagai lindung nilai aliran tunai menurut MPSAS 29, perakaunan lindung nilai tidak lagi sesuai bermula dari tarikh pemakaian MPSAS, atau apabila penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian yang memberikan pelepasan daripada pengiktirafan dan/atau pengukuran instrumen kewangan, pada tarikh tamat tempoh pengecualian atau apabila instrumen kewangan diiktiraf dan/atau diukur menurut MPSAS yang berkenaan (yang mana lebih awal).

MPSAS 31, Aset Tak Ketara

PP75. Penyata kedudukan kewangan pembukaan penerima pakai kali pertama mengecualikan semua aset tak ketara dan item tak ketara lain yang tidak memenuhi kriteria untuk pengiktirafan

MPSAS 33 – Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan

mengikut MPSAS 31 pada tarikh pemakaian MPSAS, atau jika penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian yang memberikan pelepasan daripada pengiktirafan aset tak ketara, pada tarikh tamat tempoh pengecualian dan/atau apabila aset tak ketara diiktiraf dan/atau diukur mengikut MPSAS yang berkenaan (yang mana lebih awal) dan merangkumi semua aset tak ketara yang memenuhi kriteria pengiktirafan dalam MPSAS 31 pada tarikh tersebut.

- PP76. Kriteria dalam MPSAS 31 menghendaki entiti mengiktiraf aset tak ketara jika, dan hanya jika:
- (a) Terdapat kebarangkalian manfaat ekonomi masa hadapan yang dikaitkan dengan aset akan mengalir kepada entiti; dan
 - (b) Kos aset boleh diukur dengan pasti.

MPSAS 31 menambahkan kriteria yang lanjut dan lebih khusus kepada kedua-dua kriteria ini untuk aset tak ketara yang dijana secara dalaman.

- PP77. Menurut perenggan 63 dan 66 MPSAS 31, entiti mempermodalkan kos aset tak ketara yang dijana secara dalaman secara prospektif dari tarikh kriteria pengiktirafan dipenuhi. MPSAS 33 membenarkan entiti untuk mengiktiraf aset tak ketara yang telah dibelanjakan sebelum ini setakat item tersebut memenuhi takrif aset tak ketara dan kriteria pengiktirafan dalam MPSAS 31. Oleh itu, jika aset tak ketara yang dijana secara dalaman layak untuk pengiktirafan pada tarikh pemakaian MPSAS, atau apabila penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian yang memberikan pelepasan untuk pengiktirafan aset tak ketara, pada tarikh tamat tempoh pengecualian itu dan/atau apabila aset tak ketara diiktiraf dan/atau diukur menurut MPSAS 31 (yang mana lebih awal) penerima pakai kali pertama akan mengiktiraf dan/atau mengukur aset dalam penyata kedudukan kewangan pembukaannya walaupun penerima pakai kali pertama telah mengiktiraf perbelanjaan berkaitan sebagai belanja mengikut asas perakaunan sebelumnya.

- PP78. Jika aset tidak layak untuk pengiktirafan mengikut MPSAS 31 sehingga satu tarikh kemudian, kos aset ialah jumlah perbelanjaan yang telah ditanggung dari tarikh kemudian itu.

- PP79. Kriteria dalam perenggan PP76 juga terpakai kepada aset tak ketara yang diperolehi secara berasingan. Dalam kebanyakan kes, dokumentasi kontemporari yang disediakan untuk menyokong keputusan memperoleh aset tersebut akan mengandungi penaksiran manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan. Tambahan pula, seperti yang dijelaskan dalam perenggan 33 MPSAS 31, kos aset tak ketara yang diperolehi secara berasingan biasanya boleh diukur dengan pasti.

- PP80. Penerima pakai kali pertama boleh memilih untuk menggunakan salah satu daripada amaun berikut sebagai kos anggapan aset tak ketara (kecuali aset tak ketara yang dijana secara dalaman):

- (a) Nilai saksama pada tarikh peralihan pada tarikh pemakaian MPSAS, atau apabila penerima pakai kali pertama memanfaatkan pengecualian yang memberikan tempoh pelepasan peralihan tiga tahun untuk tidak mengiktiraf dan/atau mengukur aset tertentu,

MPSAS 33 – Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan

pada tarikh aset diiktiraf dan/atau diukur semasa tempoh peralihan, atau tarikh tamat tempoh pengecualian (yang mana lebih awal) (perenggan 67 MPSAS 33), dalam hal ini entiti memberikan pendedahan yang dikehendaki oleh perenggan 148 MPSAS 33; atau

- (b) Penilaian semula mengikut asas perakaunan sebelumnya yang memenuhi kriteria dalam perenggan 67 MPSAS 33.

PP81. Jika kaedah dan kadar pelunasan penerima pakai kali pertama adalah mengikut asas perakaunan sebelumnya yang boleh diterima oleh MPSAS, penerima pakai kali pertama akan memperakaunkan apa-apa perubahan dalam anggaran usia guna atau corak pelunasan secara prospektif dari ketika penerima pakai kali pertama membuat perubahan dalam anggaran tersebut (perenggan 23 dan 24 MPSAS 33 dan perenggan 103 MPSAS 31). Walau bagaimanapun, dalam sesetengah kes, kaedah dan kadar pelunasan penerima pakai kali pertama mengikut asas perakaunan sebelumnya mungkin berbeza daripada kaedah dan kadar yang boleh diterima menurut MPSAS (contohnya, jika kaedah dan kadar tidak menggambarkan anggaran yang munasabah bagi usia guna aset tersebut). Jika perbezaan tersebut mempunyai kesan material ke atas penyata kewangan, penerima pakai kali pertama akan melaraskan pelunasan terkumpul dalam penyata kedudukan kewangan pembukaannya secara retrospektif supaya mematuhi MPSAS.

MPSAS 35, Penyata Kewangan Disatukan

PP82. Jika penerima pakai kali pertama tidak menyatukan entiti dikawal mengikut asas perakaunan sebelumnya, maka, dalam penyata kewangan disatukan, penerima pakai kali pertama akan mengukur aset dan liabiliti entiti dikawal itu pada amaun bawaan yang sama seperti dalam penyata kewangan asas akruan entiti dikawal selepas pemakaian MPSAS, selepas melaraskan prosedur penyatuan dan untuk kesan penggabungan entiti yang penerima pakai kali pertama memperoleh entiti dikawal (perenggan 130 MPSAS 33). Jika entiti dikawal belum menerima pakai MPSAS asas akruan dalam penyata kewangannya, amaun bawaan yang diterangkan dalam ayat sebelum ini merupakan amaun yang dikehendaki oleh MPSAS dalam penyata kewangan tersebut.

Entiti Mengawal Menerima Pakai MPSAS Asas Akruan Sebelum Entiti Dikawal

Latar Belakang

PP83. Entiti mengawal A membentangkan penyata kewangan MPSAS pertamanya (disatukan) pada tahun 20X5. Entiti dikawal B, yang dimiliki sepenuhnya oleh entiti mengawal A sejak pembentukan, menyediakan maklumat mengikut MPSAS asas akruan untuk tujuan penyatuan dalaman mulai tarikh tersebut, tetapi entiti dikawal B tidak membentangkan penyata kewangan MPSAS pertamanya hingga tahun 20X7.

Aplikasi Keperluan

PP84. Jika entiti dikawal B menggunakan perenggan 129(a) MPSAS 33, amaun bawaan aset dan liabilitinya adalah sama dalam kedua-dua penyata kedudukan kewangan MPSAS

MPSAS 33 – Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan

pembukaannya pada 1 Januari 20X6 dan penyata kedudukan kewangan disatukan entiti mengawal A (kecuali pelarasan untuk prosedur penyatuan) dan berdasarkan tarikh entiti mengawal B menerima pakai MPSAS.

- PP85. Sebagai alternatif, entiti dikawal B mengukur semua aset atau liabilitinya berdasarkan tarikh pemakaian MPSAS entiti B (Januari 20X6) menurut perenggan 129(b) MPSAS 33. Walau bagaimanapun, hakikat bahawa entiti dikawal B menjadi penerima pakai kali pertama pada tahun 20X7 tidak mengubah amaun bawaan aset dan liabilitinya dalam penyata kewangan disatukan entiti mengawal A.

Entiti Dikawal Menerima pakai MPSAS Asas Akruan Sebelum Entiti Mengawal

Latar Belakang

- PP86. Entiti mengawal C membentangkan penyata kewangan MPSAS peralihannya (disatukan) MPSAS pada tahun 20X7. Entiti dikawalnya D, dimiliki sepenuhnya oleh entiti mengawal C sejak pembentukan, membentangkan penyata kewangan MPSAS peralihannya pada tahun 20X5. Sehingga tahun 20X7, entiti dikawal D menyediakan maklumat untuk tujuan penyatuan dalaman mengikut asas perakaunan sebelumnya oleh entiti mengawal.

Aplikasi Keperluan

- PP87. Amaun bawaan aset dan liabiliti entiti dikawal D pada 1 Januari 20X6 adalah sama dalam kedua-dua penyata kedudukan kewangan pembukaan asas akruan (disatukan) entiti mengawal C dan penyata kewangan entiti dikawal D (kecuali pelarasan untuk prosedur penyatuan) dan berdasarkan tarikh pemakaian MPSAS entiti dikawal D. Hakikat bahawa entiti mengawal C menjadi penerima pakai kali pertama pada tahun 20X7 tidak mengubah amaun bawaan tersebut (perenggan 129 MPSAS 33).
- PP88. Perenggan 129 dan 130 MPSAS 33 tidak mengatasi keperluan berikut:
- (a) MPSAS 33 yang selebihnya dalam mengukur semua aset dan liabiliti bagi perenggan 129 dan 130 MPSAS 33 yang tidak relevan.
 - (b) Untuk memberikan semua pendedahan yang dikehendaki oleh MPSAS ini seperti pada tarikh peralihan kepada MPSAS oleh penerima pakai kali pertama itu sendiri.
- PP89. Perenggan 129 MPSAS 33 terpakai jika entiti dikawal menjadi penerima pakai kali pertama selepas entiti mengawalnya, contohnya jika entiti mengawal sebelum ini menyediakan pakej pelaporan menurut MPSAS asas akruan untuk tujuan penyatuan tetapi tidak membentangkan set penyata kewangan yang lengkap mengikut MPSAS. Ini mungkin relevan bukan sahaja apabila pakej pelaporan entiti mengawal mematuhi sepenuhnya keperluan pengiktirafan dan pengukuran MPSAS, tetapi juga apabila pakej pelaporan dilaraskan secara berpusat untuk perkara seperti semakan peristiwa selepas tarikh pelaporan dan agihan kos pencen secara berpusat. Walau bagaimanapun, perenggan 129 MPSAS 33 tidak membenarkan entiti dikawal mengabaikan salah nyata yang tidak material kepada penyata kewangan disatukan entiti

mengawal tetapi material kepada penyata kewangannya sendiri.

Pembentangan dan Pendedahan

PP90. Perenggan 135 hingga 140 dalam MPSAS 33 menghendaki penerima pakai kali pertama mendedahkan maklumat tertentu apabila penerima pakai kali pertama telah memanfaatkan pengecualian dan peruntukan peralihan dalam pemakaian MPSAS asas akruan.

Untuk ilustrasi:

Nota kepada penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 20X2

Nota 48 – Pemakaian pengecualian dan peruntukan peralihan dalam MPSAS 33

Entiti Sektor Awam X menerima pakai MPSAS asas akruan pada 1 Januari 20X1 dan memilih untuk memakai pengecualian peralihan dalam MPSAS 33 yang membolehkannya menggunakan kos anggapan dan tempoh hingga tiga tahun untuk mengukur tanah dan bangunan serta hartanah pelaburan.

Entiti Sektor Awam X memanfaatkan pengecualian ini dalam menentukan kos anggapan, dan untuk mengukur tanah dan bangunan serta hartanah pelaburannya. Kesan daripada pemakaian pengecualian dan peruntukan peralihan ini, entiti tidak dapat membuat kenyataan yang jelas dan tidak tersirat tentang pematuhannya terhadap MPSAS asas akruan kerana pemakaian pengecualian peralihan ini menjejaskan pembentangan saksama penyata kewangan Entiti Sektor Awam X dan keupayaannya untuk menegaskan pematuhan dengan MPSAS asas akruan.

Tiada pengecualian peralihan lain yang menjejaskan pembentangan saksama dan pematuhan dengan MPSAS asas akruan semasa tempoh peralihan telah diterima pakai atau diguna pakai kepada mana-mana aset dan/atau liabiliti yang lain.

Semasa dalam tempoh semakan, Entiti Sektor Awam X menyatakan semula baki awal hartanah pelaburannya dengan nilai tambahan sebanyak RM1,200,000 selepas menentukan kos anggapan pada 30 Jun 20X2 untuk hartanah pelaburan di bawah kawalannya.

Pada akhir tahun, Entiti Sektor Awam X belum lagi menentukan kos anggapan untuk tanah dan bangunan serta belum lagi mengukur aset ini dalam penyata kewangannya. Tanah dan bangunan menunjukkan baki akhir sebanyak RM2,500,000 pada 31 Disember 20X2. Nilai ini ditentukan oleh Entiti Sektor Awam X di bawah asas perakaunan sebelumnya.

Entiti Sektor Awam X merancang untuk menggunakan pengecualian peralihan tiga tahun bagi mengukur tanah dan bangunannya serta dalam menentukan kos anggapan untuk aset ini.

Entiti Sektor Awam X telah melantik penilai untuk menilai tanah dan telah membangunkan model untuk pengukuran bangunan. Kemajuan dalam menentukan penilaian bagi tanah dan bangunan adalah mengikut pelan pelaksanaannya.

Ringkasan Pengecualian Peralihan dan Peruntukan Peralihan yang Termasuk dalam MPSAS 33 *Pemakaian Kali Pertama MPSAS Asas Akruan*

PP91. Rajah di bawah meringkaskan pengecualian peralihan dan peruntukan peralihan yang termasuk dalam MPSAS asas akruan lain.

MPSAS	Pengecualian peralihan disediakan							
	TIDAK	YA						
		Kos anggapan	Pelepasan peralihan 3 tahun untuk pengiktirafan	Pelepasan peralihan 3 tahun untuk pengukuran	Pelepasan peralihan 3 tahun untuk pengiktirafan dan/atau pengukuran	Pelepasan peralihan 3 tahun untuk pendedahan	Penyingkiran urus niaga, baki, hasil dan belanja	Lain-lain
MPSAS 1, <i>Pembentangan Penyata Kewangan</i>						√ Setakat tempoh pelepasan 3 tahun diterima pakai		<ul style="list-style-type: none"> ● Digalakkan membentangkan maklumat perbandingan
MPSAS 2, <i>Penyata Aliran Tunai</i>	√							
MPSAS 3, <i>Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan</i>	√							
MPSAS 4, <i>Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing</i>								<ul style="list-style-type: none"> ● Pengecualian untuk mematuhi keperluan bagi terjemahan terkumpul
MPSAS 5, <i>Kos Pinjaman</i>			√ Apabila alternatif yang dibenarkan dipilih sebagai dasar perakaunan					<ul style="list-style-type: none"> ● Digalakkan agar menggunakan pengolahan tanda aras secara retrospektif ● Alternatif yang dibenarkan digunakan secara retrospektif

MPSAS 33 – Pemakaian Kali Pertama Piawai Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan

MPSAS	Pengecualian peralihan disediakan							
	TIDAK	YA						
		Kos anggapan	Pelepasan peralihan 3 tahun untuk pengiktirafan	Pelepasan peralihan 3 tahun untuk pengukuran	Pelepasan peralihan 3 tahun untuk pengiktirafan dan/atau pengukuran	Pelepasan peralihan 3 tahun untuk pendedahan	Penyingkiran urus niaga, baki, hasil dan belanja	Lain-lain
MPSAS 6, <i>Penyata Kewangan Disatukan dan Penyata Kewangan Berasingan</i> (MPSAS 35, <i>Penyata Kewangan Disatukan</i>)		√			√ Untuk mengelaskan dan mengenal pasti kepentingan dalam entiti lain dengan sewajarnya		√	<ul style="list-style-type: none"> ● Peruntukan apabila entiti mengawal dan/atau dikawal menerima pakai MPSAS pada masa yang berbeza ● Pengecualian untuk tidak menyediakan penyata kewangan sebagai penyata kewangan disatukan ● (Taksir sekiranya merupakan entiti pelaburan pada tarikh pemakaian dan ukur pada nilai saksama pada tarikh tersebut)
MPSAS 7, <i>Pelaburan dalam Entiti Bersekutu</i> (MPSAS 36, <i>Pelaburan dalam Entiti Bersekutu dan Usaha Sama</i>)		√			√ Untuk mengelaskan dan mengenal pasti kepentingan dalam entiti lain dengan sewajarnya		√	<ul style="list-style-type: none"> ● Peruntukan apabila entiti mengawal dan entiti bersekutu menerima pakai MPSAS pada masa yang berbeza ● Pengecualian untuk tidak memasukkan pelaburan dalam entiti bersekutu dalam penyata kewangan disatukan

MPSAS 33 – Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan

MPSAS	Pengecualian peralihan disediakan							
	TIDAK	YA						
		Kos anggapan	Pelepasan peralihan 3 tahun untuk pengiktirafan	Pelepasan peralihan 3 tahun untuk pengukuran	Pelepasan peralihan 3 tahun untuk pengiktirafan dan/atau pengukuran	Pelepasan peralihan 3 tahun untuk pendedahan	Penyingkiran urusan niaga, baki, hasil dan belanja	Lain-lain
MPSAS 8, <i>Kepentingan dalam Usaha Sama</i> (MPSAS 36, <i>Pelaburan dalam Entiti Bersekutu dan Usaha Sama</i>)		√			√ Untuk mengelaskan dan mengenal pasti kepentingan dalam entiti lain dengan sewajarnya		√	<ul style="list-style-type: none"> • Peruntukan apabila entiti mengawal dan entiti bersekutu serta entiti dikawal bersama menerima pakai MPSAS pada masa yang berbeza • Pengecualian untuk tidak memasukkan kepentingan dalam usaha sama dalam penyata kewangan disatukan
(MPSAS 37, <i>Pengaturan Bersama</i>)								<ul style="list-style-type: none"> • Peruntukan tentang cara mengukur pelaburan dalam usaha sama yang diperakaunkan sebelum ini menggunakan penyatuan berkadar

MPSAS 33 – Pemakaian Kali Pertama Piawai Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan

MPSAS	Pengecualian peralihan disediakan							
	TIDAK	YA						
		Kos anggapan	Pelepasan peralihan 3 tahun untuk pengiktirafan	Pelepasan peralihan 3 tahun untuk pengukuran	Pelepasan peralihan 3 tahun untuk pengiktirafan dan/atau pengukuran	Pelepasan peralihan 3 tahun untuk pendedahan	Penyingkiran urus niaga, baki, hasil dan belanja	Lain-lain
MPSAS 9, <i>Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran</i>	√				√ Setakat tempoh pelepasan 3 tahun diterima pakai untuk aset dan/atau liabiliti			
MPSAS 11, <i>Kontrak Pembinaan</i>	√							
MPSAS 12, <i>Inventori</i>		√	√ Inventori yang tidak diiktiraf di bawah asas perakaunan sebelumnya	√ Inventori yang diiktiraf di bawah asas perakaunan sebelumnya				
MPSAS 13, <i>Pajakan</i>			√ Aset dan/atau liabiliti pajakan yang tidak diiktiraf di bawah asas perakaunan sebelumnya	√ Aset dan/atau liabiliti pajakan yang diiktiraf di bawah asas perakaunan sebelumnya				

MPSAS 33 – Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan

MPSAS	Pengecualian peralihan disediakan							
	TIDAK	YA						
		Kos anggapan	Pelepasan peralihan 3 tahun untuk pengiktirafan	Pelepasan peralihan 3 tahun untuk pengukuran	Pelepasan peralihan 3 tahun untuk pengiktirafan dan/atau pengukuran	Pelepasan peralihan 3 tahun untuk pendedahan	Penyingkiran urus niaga, baki, hasil dan belanja	Lain-lain
MPSAS 14, <i>Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan</i>	√							
MPSAS 16, <i>Hartanah Pelaburan</i>		√	√ Hartanah pelaburan yang tidak diiktiraf di bawah asas perakaunan sebelumnya	√ Hartanah pelaburan yang diiktiraf di bawah asas perakaunan sebelumnya				
MPSAS 17, <i>Hartanah, Loji dan Peralatan</i>		√	√ Hartanah, loji dan peralatan yang tidak diiktiraf di bawah asas perakaunan sebelumnya	√ Hartanah, loji dan peralatan yang diiktiraf di bawah asas perakaunan sebelumnya				
IPSAS 18, <i>Pelaporan Segmen</i>	√ Tiada laporan segmen setakat tempoh pelepasan 3 tahun diterima pakai							

MPSAS 33 – Pemakaian Kali Pertama Piawai Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan

MPSAS	Pengecualian peralihan disediakan							
	TIDAK	YA						
		Kos anggapan	Pelepasan peralihan 3 tahun untuk pengiktirafan	Pelepasan peralihan 3 tahun untuk pengukuran	Pelepasan peralihan 3 tahun untuk pengiktirafan dan/atau pengukuran	Pelepasan peralihan 3 tahun untuk pendedahan	Penyingkiran urus niaga, baki, hasil dan belanja	Lain-lain
MPSAS 19, Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka			√ Hanya liabiliti yang berkaitan dengan aset yang tidak diiktiraf di bawah asas perakaunan sebelumnya yang akan dimasukkan anggaran awal kos menanggal/ mengalih item/ memulihkan tapak	√ Hanya liabiliti yang berkaitan dengan aset yang diiktiraf di bawah asas perakaunan sebelumnya yang akan dimasukkan anggaran awal kos menanggal/ mengalih item/ memulihkan tapak				
MPSAS 20, <i>Pendedahan Pihak Berkaitan</i>						√		
MPSAS 21, <i>Penjejasan Nilai Aset Tidak Menjana Tunai</i>								• Aplikasi prospektif
MPSAS 22, <i>Pendedahan Maklumat Tentang Sektor Kerajaan Am</i>	√							
MPSAS 23, <i>Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran</i>			√ Semua hasil bukan pertukaran yang tidak diiktiraf di bawah asas perakaunan sebelumnya	√ Semua hasil bukan pertukaran yang diiktiraf di bawah asas perakaunan sebelumnya	√ Setakat tempoh pelepasan 3 tahun untuk aset dan/atau liabiliti			

MPSAS 33 – Pemakaian Kali Pertama Piawai Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan

MPSAS	Pengecualian peralihan disediakan							
	TIDAK	YA						
		Kos anggapan	Pelepasan peralihan 3 tahun untuk pengiktirafan	Pelepasan peralihan 3 tahun untuk pengukuran	Pelepasan peralihan 3 tahun untuk pengiktirafan dan/atau pengukuran	Pelepasan peralihan 3 tahun untuk pendedahan	Penyingkiran urusan niaga, baki, hasil dan belanja	Lain-lain
MPSAS 24, <i>Pembentangan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan</i>	√							
MPSAS 25, <i>Manfaat Pekerja</i>			√ pelan manfaat ditentukan dan manfaat pekerja jangka panjang yang lain tidak diiktiraf di bawah asas perakaunan sebelumnya	√ untuk pelan manfaat ditentukan dan manfaat pekerja jangka panjang yang lain diiktiraf di bawah asas perakaunan sebelumnya				<ul style="list-style-type: none"> ● Peruntukan tentang cara menentukan liabiliti awal ● Peruntukan untuk tidak mengasingkan laba dan rugi aktuari terkumpul ● Pendedahan prospektif mengenai pelarasan pengalaman/pelarasan terdahulu
MPSAS 26, <i>Penjejasan Nilai Aset Menjana Tunai</i>			√					<ul style="list-style-type: none"> ● Aplikasi prospektif
MPSAS 27, <i>Pertanian</i>			√ Aktiviti pertanian dan biologi yang tidak diiktiraf di bawah asas perakaunan sebelumnya	√ Aktiviti pertanian dan biologi yang diiktiraf di bawah asas perakaunan sebelumnya				

MPSAS 33 – Pemakaian Kali Pertama Piawai Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan

MPSAS	Pengecualian peralihan disediakan							
	TIDAK	YA						
		Kos anggapan	Pelepasan peralihan 3 tahun untuk pengiktirafan	Pelepasan peralihan 3 tahun untuk pengukuran	Pelepasan peralihan 3 tahun untuk pengiktirafan dan/atau pengukuran	Pelepasan peralihan 3 tahun untuk pendedahan	Penyingkiran urus niaga, baki, hasil dan belanja	Lain-lain
MPSAS 28, <i>Instrumen Kewangan: Pembentangan</i>								<ul style="list-style-type: none"> Peruntukan untuk tidak mengasingkan komponen liabiliti dan aset bersih/ekuiti dalam keadaan yang spesifik
MPSAS 29, <i>Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran</i>		√	√ Bagi instrumen kewangan yang tidak diiktiraf di bawah asas perakaunan sebelumnya	√ Bagi instrumen kewangan yang diiktiraf di bawah asas perakaunan sebelumnya				<ul style="list-style-type: none"> Peruntukan mengenai penetapan/penyahiktirafan/perakaunan lindung nilai Mengguna pakai prinsip penjejasan nilai secara prospektif
MPSAS 30, <i>Instrumen Kewangan: Pendedahan</i>								<ul style="list-style-type: none"> Tiada maklumat perbandingan tentang sifat dan tahap risiko
MPSAS 31, <i>Aset Tak Ketara</i>		√ Aset tak ketara selain daripada aset tak ketara yang dijana secara dalaman	√ Aset tak ketara yang tidak diiktiraf di bawah asas perakaunan sebelumnya	√ Aset tak ketara yang diiktiraf di bawah asas perakaunan sebelumnya				<ul style="list-style-type: none"> Peruntukan untuk mengiktiraf aset tak ketara yang dijana secara dalaman yang telah dibelanjakan sebelum ini
MPSAS 32, <i>Pengaturan Koneksi Perkhidmatan: Grantor</i>		√ Aset koneksi perkhidmatan	√ Aset koneksi perkhidmatan dan liabiliti berkaitan yang tidak diiktiraf di bawah asas perakaunan sebelumnya	√ Aset koneksi perkhidmatan dan liabiliti berkaitan yang diiktiraf di bawah asas perakaunan sebelumnya				<ul style="list-style-type: none"> Peruntukan mengenai cara mengiktiraf liabiliti berkaitan

Lampiran A

Perbezaan antara pengecualian peralihan dengan peruntukan peralihan yang penerima pakai kali pertama perlu dan/atau mengguna pakai dan/atau boleh memilih untuk mengguna pakai semasa pemakaian MPSAS asas akruan

Lampiran ini meringkaskan cara pengecualian peralihan dan peruntukan peralihan yang perlu diguna pakai oleh penerima pakai kali pertama berdasarkan MPSAS ini, dan perkara yang boleh dipilih oleh penerima pakai kali pertama untuk digunakan semasa pemakaian MPSAS asas akruan.

Oleh sebab pengecualian peralihan dan peruntukan peralihan yang mungkin dipilih juga boleh menjejaskan pembentangan saksama dan keupayaan penerima pakai kali pertama untuk menegaskan pematuhan dengan MPSAS asas akruan seperti yang dijelaskan dalam perenggan 27 hingga 32 MPSAS 33, Lampiran ini membuat perbezaan antara pengecualian peralihan dan peruntukan peralihan tersebut yang menjejaskan pembentangan saksama dan keupayaan untuk menegaskan pematuhan dengan MPSAS asas akruan, dengan yang tidak.

Pengecualian peralihan atau peruntukan peralihan		Pengecualian peralihan atau peruntukan peralihan yang perlu diguna pakai	Pengecualian peralihan atau peruntukan peralihan yang boleh diguna pakai atau dipilih	
			Tidak menjejaskan pembentangan saksama dan pematuhan dengan MPSAS asas akruan	Menjejaskan pembentangan saksama dan pematuhan dengan MPSAS asas akruan
MPSAS 1 • Membentangkan maklumat perbandingan			√	
MPSAS 4 • Perbezaan peralihan terkumpul pada tarikh pemakaian			√	
MPSAS 5 • Pengolahan alternatif yang dibenarkan dan telah memanfaatkan tempoh pelepasan • Menerima pakai pengolahan alternatif yang dibenarkan pada tarikh pemakaian –aplikasi retrospektif • Menerima pakai pengolahan tanda aras pada tarikh pemakaian –aplikasi retrospektif kos yang ditanggung sebelum dan selepas tarikh pemakaian		√	√	√

MPSAS 33 – Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan

Pengecualian atau peruntukan peralihan	Pengecualian atau peruntukan peralihan yang perlu digunakan	Pengecualian atau peruntukan peralihan yang boleh digunakan atau dipilih	
		Tidak menjejaskan pembentangan saksama dan pematuhan dengan MPSAS asas akruan	Menjejaskan pembentangan saksama dan pematuhan dengan MPSAS asas akruan
<p>MPSAS 6 (<i>MPSAS 35</i>)</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Pelepasan untuk mengiktiraf dan/atau mengukur kepentingan dalam entiti dikawal ● Memilih untuk tidak menyingkirkan baki, urus niaga, hasil dan belanja antara entiti ● Entiti dikawal menjadi penerima pakai kali pertama selepas atau lebih awal daripada entiti mengawalnya ● Tidak membentangkan penyata kewangan sebagai penyata kewangan disatukan jika pelepasan tiga tahun untuk pengiktirafan dan/atau pengukuran dan/atau penyingkiran diterima pakai ● (<i>Mentaksir sekiranya merupakan entiti pelaburan pada tarikh pemakaian dan tentukan nilai saksama pada tarikh tersebut</i>) 	√		√ √ √
<p>MPSAS 7 (<i>MPSAS 36</i>)</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Pelepasan untuk mengiktiraf dan/atau mengukur kepentingan dalam entiti bersekutu ● Memilih untuk tidak menyingkirkan perkongsian dalam lebihan dan kurangan entiti bersekutu ● Entiti bersekutu menjadi penerima pakai kali pertama selepas atau lebih awal daripada entiti mengawalnya ● Tidak membentangkan pelaburan dalam entiti bersekutu dalam penyata kewangan disatukan jika pelepasan tiga tahun untuk pengiktirafan dan/atau pengukuran dan/atau penyingkiran telah diterima pakai 	√		√ √ √

MPSAS 33 – Pemakaian Kali Pertama Piawai Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan

Pengecualian atau peruntukan peralihan	Pengecualian atau peruntukan peralihan yang perlu digunakan	Pengecualian atau peruntukan peralihan yang boleh digunakan atau dipilih	
		Tidak menjejaskan pembentangan saksama dan pematuhan dengan MPSAS asas akruan	Menjejaskan pembentangan saksama dan pematuhan dengan MPSAS asas akruan
MPSAS 8 (<i>MPSAS 36</i>)	√		√ √ √
MPSAS 37	√		
MPSAS 9			√

MPSAS 33 – Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan

Pengecualian atau peruntukan peralihan	Pengecualian atau peruntukan peralihan yang perlu digunakan	Pengecualian atau peruntukan peralihan yang boleh digunakan atau dipilih	
		Tidak menjejaskan pembentangan saksama dan pematuhan dengan MPSAS asas akruan	Menjejaskan pembentangan saksama dan pematuhan dengan MPSAS asas akruan
MPSAS 12 ● Pelepasan tiga tahun untuk pengiktirafan dan/atau pengukuran aset serta mengubah dasar perakaunan untuk mengukur aset		Tidak menjejaskan pembentangan saksama dan pematuhan dengan MPSAS asas akruan	Menjejaskan pembentangan saksama dan pematuhan dengan MPSAS asas akruan
MPSAS 13 ● Tiada pengiktirafan dan/atau pengukuran liabiliti pajakan kewangan dan aset pajakan kewangan jika tempoh pelepasan untuk pengiktirafan dan/atau pengukuran aset diterima pakai ● Pengelasan pajakan berdasarkan keadaan semasa pemakaian MPSAS asas akruan	√		√
MPSAS 16 ● Pelepasan tiga tahun untuk pengiktirafan dan/atau pengukuran aset serta mengubah dasar perakaunan untuk mengukur aset			√
MPSAS 17 ● Pelepasan tiga tahun untuk pengiktirafan dan/atau pengukuran aset serta mengubah dasar perakaunan untuk mengukur aset			√

MPSAS 33 – Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan

Pengecualian atau peruntukan peralihan	Pengecualian atau peruntukan peralihan yang perlu digunakan	Pengecualian atau peruntukan peralihan yang boleh digunakan atau dipilih	
	Tidak menjejaskan pembentangan saksama dan pematuhan dengan MPSAS asas akruan	Tidak menjejaskan pembentangan saksama dan pematuhan dengan MPSAS asas akruan	Menjejaskan pembentangan saksama dan pematuhan dengan MPSAS asas akruan
MPSAS 19 ● Tiada pengiktirafan dan pengukuran liabiliti berkaitan dengan anggaran awal kos menanggung dan mengalih item jika pelepasan untuk pengiktirafan dan/atau pengukuran aset diterima pakai			√
MPSAS 20 ● Tiada pendedahan hubungan pihak berkaitan, urusan niaga pihak berkaitan dan maklumat tentang personel pengurusan utama			√
MPSAS 21 ● Menggunakan peruntukan penjejasan nilai secara prospektif pada tarikh pemakaian atau apabila aset diiktiraf semasa tempoh pelepasan diguna pakai	√		

MPSAS 33 – Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan

Pengecualian atau peruntukan peralihan	Pengecualian atau peruntukan peralihan yang perlu digunakan	Pengecualian atau peruntukan peralihan yang boleh digunakan atau dipilih	
		Tidak menjejaskan pembentangan saksama dan pematuhan dengan MPSAS asas akruan	Menjejaskan pembentangan saksama dan pematuhan dengan MPSAS asas akruan
<p>MPSAS 25</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Pelepasan tiga tahun untuk pengiktirafan dan/atau pengukuran aset dan/atau liabiliti serta mengubah dasar perakaunan untuk mengukur aset dan/atau liabiliti ● Menentukan liabiliti awal untuk pelan manfaat ditentukan dan pelan manfaat pekerja jangka panjang yang lain pada tarikh pemakaian atau apabila tempoh pelepasan tamat ● Mengiktiraf peningkatan/penurunan pada tarikh pemakaian atau apabila tempoh pelepasan tamat dalam lebihan/kurangan terkumpul pembukaan 	<p>√</p> <p>√</p>		<p>√</p>
<p>MPSAS 26</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Mengguna pakai peruntukan penjejasan nilai secara prospektif pada tarikh pemakaian atau apabila aset diiktiraf semasa tempoh pelepasan diguna pakai 	<p>√</p>		
<p>MPSAS 27</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Pelepasan tiga tahun untuk pengiktirafan dan/atau pengukuran aset serta mengubah dasar perakaunan untuk mengukur aset 			<p>√</p>

MPSAS 33 – Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan

Pengecualian atau peruntukan peralihan	Pengecualian atau peruntukan peralihan yang perlu digunakan	Pengecualian atau peruntukan peralihan yang boleh digunakan atau dipilih	
		Tidak menjejaskan pembentangan saksama dan pematuhan dengan MPSAS asas akruan	Menjejaskan pembentangan saksama dan pematuhan dengan MPSAS asas akruan
MPSAS 31 <ul style="list-style-type: none"> ● Pelepasan tiga tahun untuk pengiktirafan dan/atau pengukuran aset serta mengubah dasar perakaunan untuk mengukur aset ● Mengiktiraf semua aset tak ketara yang dijana secara dalaman 	√		√
MPSAS 32 <ul style="list-style-type: none"> ● Pelepasan tiga tahun untuk pengiktirafan dan/atau pengukuran aset dan/atau liabiliti serta mengubah dasar perakaunan untuk mengukur aset dan/atau liabiliti ● Mengukur liabiliti sama ada di bawah model liabiliti kewangan atau model pemberian hak kepada operator pada tarikh pemakaian atau apabila aset diiktiraf jika tempoh pelepasan diterima pakai 	√		√
Mengguna pakai kos anggapan pada aset dan/atau liabiliti		√	
Mengguna pakai kos anggapan pada aset yang diperolehi dalam urus niaga bukan pertukaran		√	
Mengguna pakai kos anggapan untuk pelaburan dalam entiti dikawal, entiti dikawal bersama dan entiti bersekutu		√	
Menyediakan penyesuaian semasa tempoh peralihan	√		

Perbandingan dengan IPSAS 33

MPSAS 33, *Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan* disediakan berasaskan IPSAS 33. Perbezaan utama antara MPSAS 33 dengan IPSAS 33 adalah seperti berikut:

- Pada perenggan 8, MPSAS 33 menjelaskan bahawa GBE mengguna pakai piawaian perakaunan diluluskan yang dikeluarkan oleh MASB, manakala IPSAS 33 menjelaskan bahawa GBE menggunakan IFRS yang dikeluarkan oleh IASB.
- Dalam Perenggan 36, MPSAS 33 menambahkan perenggan berikut:
“Bagi Kerajaan Persekutuan, aset dan/atau liabiliti pajakan kewangan, pelan manfaat ditentukan dan manfaat pekerja jangka panjang yang lain, aset konsesi perkhidmatan dan liabiliti berkaitan hanya akan diperakaunkan apabila MPSAS 13, MPSAS 25 dan MPSAS 32 diterima pakai.”
- Dalam perenggan 57, perkataan “MPSAS 36” dipinda kepada “MPSAS 35” kerana MPSAS 35 adalah berkenaan dengan Penyata Kewangan Disatukan.
- Perenggan 91 hingga 94 dimansuhkan kerana IPSAS 10, *Pelaporan Kewangan dalam Ekonomi Hiperinflasi* tidak diterima pakai di Malaysia.
- Perenggan 97 dimansuhkan kerana IPSAS 18, *Pelaporan Segmen* tidak diterima pakai di Malaysia.